

**PERSEKITARAN KELUARGA DAN KESANNYA TERHADAP
TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA
DI DAERAH PONTIAN, JOHOR**

BADRULZAMAN BIN BAHAROM

**Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Psikologi Pendidikan)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

OKTOBER 2006

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

**JUDUL : PERSEKITARAN KELUARGA DAN KESANNYA
TERHADAP TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA
DI DAERAH PONTIAN**

SESI PENGAJIAN : 2006/2007

Saya

BADRULZAMAN BIN BAHAROM

mengaku membenarkan tesis (~~PSM/Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (√)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ Badan di mana penyelidikan dijalankan.

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap : ORTS GURU,
SMK DATO MOHD YUNOS SULAIMAN
81500 PEKAN NANAS, JOHOR

Tarikh : 20 OKTOBER 2006

(TANDATANGAN PENYELIA)

PROF. MADYA. DR. AZIZI BIN YAHYA
Nama Penyelia

Tarikh : 20 OKTOBER 2006

- CATATAN :
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan :

Nama Penulis : BADRULZAMAN BIN BAHAROM

Tarikh :

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)”.

Tandatangan :

Nama Penyelia : PROF. MADYA DR AZIZI BIN HJ YAHAYA

Tarikh :

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, akhirnya dapat jua saya menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan).

Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada Prof. Madya Dr. Hj. Azizi Bin Yahaya, selaku Penyelia Projek Sarjana ini. Di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan nasihat Tuan di sepanjang tempoh penulisan kajian ini, hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalasnya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang telah banyak memberikan ilmu dan panduan di sepanjang pengajian saya. Tanpa kemurahan hati Tuan-tuan semua, mungkin sukar bagi saya untuk mencapai ke tahap ini.

Terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, sekolah-sekolah yang terlibat serta guru-guru dan pelajar-pelajar yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tersayang, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

DEDIKASI

*Khas buat isteri tersayang, Dahlia Dawini Bt Alias,
terima kasih di atas segala pengorbanan dan kesabaranmu*

*Untuk Allahyarham bapa tersayang,
Kutitipkan Al-Fatehah kepada rohmu
Untuk ibu tersayang,
Terima kasih atas doamu
Didikan dan asuhanmu terlalu bermakna buat diriku*

*Buat anak-anakku,
Muhammad Arif Idham, Muhammad Haziq Nazmi dan Kamalia Adlina
Berusahalah mengejar ilmu
Agar berjaya di dunia dan akhirat*

*Buat sahabat-sahabatku, Rosly, Mahadi, Zurhana dan Cheah,
Terima kasih di atas segala bantuan dan tunjuk ajar*

Allah jua yang membalas segala budi dan jasa kalian.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan antara persekitaran keluarga dengan tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja di Daerah Pontian, Johor. Kajian ini telah dijalankan di tujuh buah sekolah menengah di Daerah Pontian. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan untuk mengenal pasti 210 orang responden iaitu pelajar-pelajar tingkatan empat untuk kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan merupakan adaptasi daripada soal selidik Parental Behaviour Inventory (PBI), Paulson's Perception of Parenting Scale, soal selidik Skala Benda (1995) dan soal selidik Skala Delinkuen oleh Junger (1997). Soal selidik yang digunakan telah diubahsuai berdasarkan kepada keperluan kajian ini. Darjah kebolehpercayaan (alfa cronbach) bagi keseluruhan instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.8401. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 11.5. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Pekali Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Manakala ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan antara jantina dan tingkah laku devian remaja. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Walaubagaimana pun tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama, corak gaya asuhan ibu bapa dan tahap kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Hasil ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja di Daerah Pontian adalah berada pada tahap yang rendah.

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the relationship between family environment and adolescents deviant behaviour among adolescent students in the District of Pontian, Johor. The study was conducted in seven secondary school around Pontian. Purposive sampling technique was utilized to identify 210 form four respondents for the study. The instruments used were adapted from Parental Behaviour Inventory (PBI) questionnaires, Paulson's Perception of Parenting Scale, Benda Scale (1995) questionnaires and Junger Scale (1997) questionnaires. The questionnaires used were adapted for the purpose of the study. The overall alpha Cronbach value for this instrument was 0.8401. The data collected were analyzed by using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 11.5. Descriptive analysis was used to describe the frequency, percentage, mean and standard deviation. Pearson Correlation was used to test the hypothesis of this study. While t-test was used to indicate the significant difference between sex and adolescents' deviant behaviour. Findings of the study showed that there is a significant relationship between parent's behaviour and adolescents' deviant behaviour. However, there are no significant relationship between parent's obedient to religion, parenting style and level of parent's love with adolescents' deviant behaviour. The t-test finding showed that there is a significant difference between male and female adolescents' deviant behaviour. Finding of the study also shown that the level of adolescents' deviant behaviour among students in Pontian is low.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	DEDIKASI	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JUDUL	viii
	SENARAI JADUAL	xvi
	SENARAI RAJAH	xx
	SENARAI SINGKATAN	xxi
	SENARAI LAMPIRAN	xxii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	5
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Objektif Kajian	9
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Hipotesis Kajian	11
1.6	Rasional Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.8	Skop Kajian	15
1.9	Batasan Kajian	16
1.10	Definisi Istilah	16
1.10.1	Tingkah Laku Devian	16
1.10.2	Kekerapan	18
1.10.3	Pelajar	18
1.10.4	Remaja	18
1.10.5	Tahap	19
1.10.6	Keluarga	19
1.10.7	Gaya Asuhan	20
1.10.8	Gaya Asuhan Autoritarian	20
1.10.9	Gaya Asuhan Autoritatif	20
1.10.10	Gaya Asuhan Permisif	21
1.10.11	Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama	21
1.10.12	Penutup	22

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	23
2.1	Tingkah Laku Devian	24
2.2	Tingkah Laku Ibu Bapa Remaja Devian	28

2.3	Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian	31
2.3.1	Gaya Asuhan Autoritatif	32
2.3.2	Gaya Asuhan Autoritarian	34
2.3.3	Gaya Asuhan Permisif	34
2.3.4	Gaya Asuhan Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Devian	36
2.4	Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Remaja Devian Kepada Agama	36
2.5	Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Remaja Devian	38
2.6	Teori-teori Tingkah Laku Devian	41
2.6.1	Teori Kekecewaan Agresif (Freud)	41
2.6.2	Teori Psikososial Erikson	42
2.6.3	Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura)	43
2.7	Teori Pembelajaran Sosial Bandura Sebagai Model Kajian	45
2.8	Kerangka Model Kajian	49
2.9	Penutup	50

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	51
3.1	Reka Bentuk Kajian	51
3.2	Tempat Kajian	52
3.3	Subjek Kajian	52
3.4	Instrumen Kajian	54
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	61
3.6	Analisis Data	61
3.7	Kajian Rintis	63
3.8	Penutup	65

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pengenalan	66
4.1	Huraian Latar Belakang Responden	66
4.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	67
4.1.2	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik	67
4.1.3	Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah	68
4.1.4	Taburan Responden Mengikut Dengan Siapa Mereka Tinggal	68
4.1.5	Taburan Responden Mengikut Bilangan Adik Beradik	69
4.1.6	Tahap Pendidikan Bapa	69
4.1.7	Tahap Pendidikan Ibu	70
4.1.8	Jenis Pekerjaan Bapa	71
4.1.9	Jenis Pekerjaan Ibu	72
4.1.10	Jumlah Pendapatan Ibu Bapa / Penjaga	73
4.2	Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian	74
4.2.1	Persoalan Kajian 1 Apakah Ciri-ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian	74
4.2.1.1	Analisis Deskriptif Ciri-ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal	74
4.2.1.2	Analisis Deskriptif Ciri-ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian Dari Aspek Tingkah laku Verbal	77

4.2.1.3	Analisis Deskriptif Ciri-ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial	79
4.2.2	Persoalan Kajian 2 Apakah Tahap Kepatuhan Agama Ibu Bapa Remaja Devian	81
4.2.2.1	Analisis Deskriptif Tahap Kepatuhan Kepada Agama Ibu Bapa Remaja Devian Dari Aspek Kepatuhan Kepada Suruhan Agama	81
4.2.2.2	Analisis Deskriptif Tahap Kepatuhan Kepada Agama Ibu Bapa Remaja Devian Dari Aspek Tingkah Laku Yang Berlawanan Dengan Suruhan Agama	84
4.2.3	Persoalan Kajian 3 Apakah Jenis-jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan	87
4.2.3.1	Analisis Deskriptif Jenis-jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritarian	87
4.2.3.2	Analisis Deskriptif Jenis-jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritatif	90
4.2.3.3	Analisis Deskriptif Jenis-jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Dari Aspek Gaya Asuhan Permisif	92

4.2.4	Persoalan Kajian 4	
	Apakah Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian	94
4.2.4.1	Analisis Deskriptif Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Menunjukkan Kasih Sayang	94
4.2.4.2	Analisis Deskriptif Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Penolakan	97
4.2.5	Apakah Kekekapan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja	100
4.2.5.1	Analisis Deskriptif Kekekapan Tingkah laku Devian Di Kalangan Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal	101
4.2.5.2	Analisis Deskriptif Kekekapan Tingkah laku Devian Di Kalangan Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Verbal	102
4.2.5.3	Analisis Deskriptif Kekekapan Tingkah laku Devian Di Kalangan Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Seksual	104
4.2.5.4	Analisis Deskriptif Kekekapan Tingkah laku Devian Di Kalangan Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial	106

4.3	Pengujian Hipotesis	110
4.3.1	Hipotesis 1 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja	110
4.3.2	Hipotesis 2 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Faktor Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama Dengan Tingkah Laku Devian Remaja	111
4.3.3	Hipotesis 3 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Amalan Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja	112
4.3.4	Hipotesis 4 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja	113
4.3.5	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Devian Remaja Dengan Jantina	114
4.4	Penutup	115

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	116
5.1	Perbincangan Hasil Kajian	116
5.1.1	Perbincangan Latar Belakang Responden	117

5.1.2	Perbincangan Hasil Kajian Faktor-faktor Persekitaran Keluarga Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Devian Remaja	118
5.1.2.1	Persoalan Kajian 1 Perbincangan Hasil Kajian Ciri-ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Remaja Devian	118
5.1.2.2	Persoalan Kajian 2 Perbincangan Hasil Kajian Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama	119
5.1.2.3	Persoalan Kajian 3 Perbincangan Hasil Kajian Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan	121
5.1.2.4	Persoalan Kajian 4 Perbincangan Hasil Kajian Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Remaja Devian	122
5.1.2.5	Persoalan Kajian 5 Perbincangan Hasil Kajian Kekerapan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja Di Daerah Pontian	124
5.2	Perbincangan Dan Rumusan Berdasarkan Hubungan Antara Faktor-Faktor Persekitaran Keluarga Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Devian Remaja	126
5.2.1	Hipotesis 1 Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja	126

5.2.2	Hipotesis 2	
	Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan	
	Antara Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Kepada	
	Agama Dengan Tingkah Laku Devian Remaja	127
5.2.3	Hipotesis 3	
	Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan	
	Antara Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa	
	Dengan Tingkah Laku Devian Remaja	129
5.2.4	Hipotesis 4	
	Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan	
	Antara Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan	
	Tingkah Laku Devian Remaja	130
5.2.5	Hipotesis 5	
	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan	
	Antara Tingkah Laku Devian Remaja	
	Dengan Jantina	131
5.3	Rumusan	131
5.4	Cadangan	132
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	136
5.6	Penutup	137

BIBLIOGRAFI

BORANG SOAL SELIDIK

LAMPIRAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Namun pada realitinya, sejak akhir-akhir ini pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang berbagai gejala sosial yang melanda remaja dan seterusnya meruntuhkan akhlak anak-anak remaja masa kini. Sama ada disedari atau tidak, perkembangan gejala-gejala sosial ini semakin meningkat dari hari ke hari. Setiap hari dipaparkan berbagai cerita tentang pelbagai salah laku yang dilakukan oleh remaja baik salah laku yang kecil mahu pun besar. Ini turut menggambarkan betapa seriusnya fenomena ini dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi membendungnya dari terus menjadi barah dalam masyarakat Malaysia.

Media-media massa seringkali menyiarkan pelbagai berita dan cerita tentang kenakalan remaja yang masih bersekolah dan pelbagai masalah sosial yang membabitkan mereka. Masalah ini turut membimbangkan pelbagai pihak, khususnya pemerintah, masyarakat, guru dan ibu bapa sendiri. Contohnya, kes pembunuhan seorang pelajar perempuan tingkatan empat, Nurul Hanis Kamil dari Sekolah Menengah Kebangsaan

Dato Abdul Rahman Yaakub, Merlimau, Melaka telah memeranjatkan semua pihak (Utusan Malaysia, 6 Julai 2001). Menurut laporan polis, mangsa telah dibunuh dengan kejam selepas diperkosa dan diliwat oleh penyerangnya. Polis juga berkata mangsa telah dipukul dan lehernya dijerut dengan tali beg sekolahnya dan dijumpai dalam keadaan separuh bogel. Hasil dari penyiasatan, polis telah menahan seorang pelajar remaja berusia 17 tahun kerana disyakki melakukan perbuatan kejam tersebut. Kes ini turut menimbulkan rasa kebimbangan di kalangan ibu bapa terhadap aspek keselamatan anak-anak mereka di sekolah.

Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat, khususnya di kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah, tetapi ia turut memberi impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda.

Contoh kedua, pada 23 Oktober 2000, seorang kanak-kanak, Nor Shuhada Borak yang baru berusia 6 tahun telah ditemui mati dalam tangki air di bumbung rumah kediaman tiga tingkat dalam keadaan separuh bogel dan lebam pada muka dan tangan (Berita Harian, 24 Oktober 2000). Berdasarkan siasatan, pihak polis percaya mangsa telah dirogol dan dibunuh. Hasil dari siasatan juga, pihak polis telah memberkas seorang remaja berusia 12 tahun dan seorang warga Indonesia kerana disyakki melakukan perbuatan merogol dan membunuh.

Kes sebegini adalah sebahagian daripada keganasan yang membabitkan para remaja khususnya para pelajar yang ternyata begitu berani mencabar undang-undang. Dalam tempoh 10 tahun antara 1989 hingga 1998, kadar jenayah yang melibatkan remaja lelaki meningkat sebanyak 35 peratus, remaja perempuan 25 peratus, dan sepanjang tahun 1998 sebanyak 6338 kes baru yang membabitkan remaja telah dilaporkan. Dalam laporan ini remaja Melayu yang beragama Islam adalah yang paling banyak terbabit (Berita Harian, 12 Julai 2000).

Pelajar-pelajar remaja yang melanggar norma masyarakat setempat atau pun dalam institusi sekolah ini dikategorikan sebagai bertingkah laku devian dan delinkuen. Mereka bukan sekadar nakal dengan menghisap rokok, ponteng sekolah, melawan guru, vandalisme, bergaduh sesama sendiri, malah turut terlibat dengan pelbagai salah laku yang lebih hebat lagi seperti menganggotai kumpulan samseng atau gengsterisme, lari dari rumah, seks bebas, membuang bayi dan seumpamanya. Selain itu, ada antara mereka juga begitu nekad dan berani melakukan jenayah berat seperti membunuh, samun, merogol, pelacuran, judi, penyalahgunaan dadah, minum minuman keras, terbabit video lucah dan sebagainya (Regoli dan Hewitt, 1991).

Hampir setiap hari ada sahaja salah laku remaja berlaku, baik dalam bentuk yang sekecil-kecilnya iaitu seperti ponteng sekolah, melawan guru dan sebagainya hinggalah kepada salah laku yang lebih serius seperti pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan yang akhirnya akan mewujudkan pelbagai gejala sosial seperti bersekedudukan, lari dari rumah, bohsia, bohjan dan akhirnya membawa kepada perlakuan pengguguran dan pembuangan bayi (Sabitha & Mahmood, 1995).

Pelbagai tafsiran atau label yang boleh diberikan kepada remaja-remaja yang bertingkah laku sedemikian. Bagi remaja yang melanggar norma masyarakat setempat ini dikenali sebagai kumpulan yang bertingkah laku devian dan apabila golongan ini merujuk kepada mereka yang masih bersekolah atau remaja bawah umur, mereka dikenali sebagai delinkuen. Secara umumnya, devian atau delinkuen adalah tingkah laku yang melanggar peraturan atau bertingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat.

Kajian salah laku oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di sekolah-sekolah menengah harian pada tahun 1998 mendapati bahawa sejumlah 459 buah sekolah di seluruh Malaysia dikatakan bermasalah (Utusan Malaysia, 14 Oktober 2000). Pada tahun 1989 hingga 1998, kadar jenayah yang melibatkan pelajar lelaki remaja meningkat kepada 35 peratus dan remaja perempuan sebanyak 25 peratus. Sepanjang tahun 1998, sebanyak 6338 kes baru dicatat membabitkan remaja (Berita Harian, 12 Julai 2000). Seramai 342 orang pelajar telah dibuang sekolah pada tahun 1989, 457 orang pelajar pada tahun 1997, manakala 8,971 orang pelajar pada tahun 1989 telah dikenakan tindakan disiplin berbanding

14,357 pelajar orang pelajar pada tahun 1997 (Utusan Malaysia, 25 Februari, 1999).

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, jumlah kes juvana yang dilaporkan pada tahun 2003 adalah sebanyak 4998 kes, manakala pada tahun 2004 ia meningkat kepada 6056 kes. Kes ini melibatkan pelbagai jenis salah laku jenayah yang dilakukan oleh remaja bawah umur termasuklah remaja yang sedang bersekolah. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa masalah gejala sosial remaja menjadi terus semakin meruncing sejak kebelakangan ini.

Perangkaan menunjukkan kadar jenayah kebelakangan ini telah meningkat dengan mendadak yang membabitkan pelajar disebabkan oleh faktor keluarga itu sendiri. Antaranya, peranan dan gaya asuhan yang kurang dan tidak sesuai oleh ibu bapa adalah punca fenomena ini berlaku. Bandura dan Walters (1959), dalam kajiannya, mendapati bahawa remaja yang delinkuen dan agresif berasal daripada keluarga yang mengamalkan corak disiplin yang terlalu ketat. Ibu bapa dari keluarga sebegini sering menggunakan hukuman fizikal secara berlebihan sebagai cara untuk mendisiplinkan anak-anak. Di samping itu corak gaya asuhan yang terlalu longgar juga turut dikatakan menjadi faktor remaja bertingkah laku devian. Keluarga sebegini biasanya tidak mengambil peduli tentang apa yang dilakukan oleh anak-anak mereka dan membiarkan sahaja anak-anak bertindak sesuka hati tanpa sebarang sekatan.

Masalah tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja tidak pernah selesai sejak dahulu lagi, malah semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Keadaan ini menimbulkan rasa kluatir di kalangan semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan khususnya ibu bapa, guru, masyarakat dan juga pihak kerajaan. Laporan-laporan tentang salah laku pelajar sentiasa mendapat tempat utama di akhbar-akhbar tempatan. Oleh itu kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tingkah laku devian dikalangan pelajar remaja serta faktor persekitaran keluarga yang mempengaruhi mereka bertingkah laku sedemikian.

1.1. Latar Belakang Masalah

Perkembangan mutakhir, terutamanya menjelang era globalisasi pada abad ke 21, telah memperlihatkan gejala yang melanda negara berhubung dengan disiplin para remaja. Berbagai pihak telah mengeluarkan hujah-hujah mereka untuk melepaskan diri daripada tuduhan kegagalan mendisiplinkan para remaja terutamanya yang berada di bangku sekolah.

Masyarakat hari ini sedang dilanda kebingungan dengan fenomena keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Pelbagai persoalan ditimbulkan. Apakah pihak sekolah selaku institusi pendidikan gagal menangani masalah itu? Bagaimana pula peranan ibu bapa dan keluarga? Bagaimanakah remaja boleh bertingkah laku sedemikian? Apakah punca yang membawa kepada berlakunya fenomena tersebut?

Walaupun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku. Antara masalah yang begitu ketara ialah berkaitan dengan tingkah laku devian dan delinkuen di kalangan pelajar remaja. Menurut laporan akhbar, jumlah kes yang dilaporkan meningkat dari semasa ke semasa tidak mengira kawasan, sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, pinggir bandar dan sebagainya. Antaranya laporan akhbar menyatakan bahawa kes gengsterisme di Pulau Pinang semakin meningkat daripada 72 kes sepanjang tahun 1997 kepada 114 kes sehingga pertengahan Mei 1998 (The Star, 21 Mei 1998). Begitu juga dengan kes pecah rumah dan mencuri motosikal yang dilakukan oleh pelajar sekolah menengah. Sepanjang empat bulan dalam tahun 1998, dilaporkan terdapat 237 kes dilakukan oleh pelajar di daerah Ampang, Selangor. Ini hanyalah sebahagian daripada kes-kes yang dilaporkan dalam akhbar dan terdapat banyak lagi kes-kes salah laku pelajar yang tidak dilaporkan dan didedahkan kepada umum. Antara kes-kes delinkuen yang sering dilakukan oleh

pelajar remaja ialah seperti bergaduh, memukul, mencabul, merogol, samun, penagihan dadah dan pil ecstasy, buli, terlibat dalam gengsterisme dan sebagainya.

Kumpulan pelajar ini seolah-olah telah hilang pertimbangan diri dan kewarasan fikiran. Mereka bertindak sesuka hati dan nyata perbuatan mereka terkeluar dari norma-norma masyarakat tanpa mampu memikirkan kesan-kesan di sebalik perbuatan mereka. Sekolah adalah satu tempat menimba ilmu, tetapi bagaimanakah kesannya nanti jika pelajar-pelajar yang dihasilkan merupakan individu-individu yang runtuh akhlaknya. Kadar jenayah dan masalah sosial yang semakin meningkat, khususnya di kalangan remaja dan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bersekolah, tetapi ia turut memberi impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalam pembentukan moral dan tingkah laku generasi muda (Azizi, et.al, 2005). Bagi golongan yang terlibat dalam gejala negatif ini sudah tentunya mempunyai sebab-sebab tersendiri mengapa mereka berkelakuan demikian.

Menurut Hall (1904), remaja adalah masa yang penuh dengan kekeliruan, kesedihan dan konflik. Oleh itu, adalah penting bagi orang dewasa khususnya ibu bapa, pendidik dan ahli masyarakat untuk mengikuti perkembangan remaja. Mereka wajar membantu remaja agar mengelakkan diri dari terjebak dengan kegiatan yang negatif. Pelajar-pelajar remaja akan mudah terpengaruh dan suka mengabaikan pelajaran jika tidak dikawal atau kurang perhatian. Akhirnya ini akan menghasilkan remaja yang tidak produktif seperti melepak, mencuri, ponteng sekolah dan terlibat dengan pelbagai gejala sosial.

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat remaja ialah keluarga mereka. Mengikut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997).

Dapatan kajian oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1993), merujuk punca salah laku di kalangan pelajar disebabkan oleh pelbagai faktor. Faktor keluarga merupakan penyumbang tertinggi dalam peningkatan tingkah laku devian dan anti sosial. Kajian yang telah dijalankan pada tahun 1993, menunjukkan bahawa 81.03 peratus pelajar melakukan kesalahan kerana faktor kekeluargaan, 4.10 peratus disebabkan oleh rakan sebaya dan 1.24 peratus disebabkan oleh faktor persekolahan (Dewan Masyarakat, April, 1995).

Oleh itu, usaha ke arah pemantapan institusi kekeluargaan dipercayai merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah di kalangan remaja masa kini. Kebanyakan masalah yang dialami oleh remaja kini sebahagian besarnya bertitik tolak dari institusi keluarga remaja itu sendiri di mana kepincangan yang wujud dari institusi keluarga akan membawa kepada pelbagai kesan negatif terhadap remaja tersebut. Kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa remaja bermasalah kebanyakannya adalah berlatar belakangkan keluarga yang bermasalah (Dishion, et al., 1991; Rutter, 1985; Vuchinich, 1992).

Masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak (Block, et al., 1988; Caspi et al., 1995; Fergusson, et al., 1996; Fergusson, et al., 1996a; Moffitt, 1993). Menurut Mahmood Nazar Muhammad (1993), tingkah laku devian di kalangan remaja juga disebabkan oleh konflik dan tekanan psikologikal. Remaja-remaja yang terlibat dengan melakukan tingkah laku devian dan delinkuen ini juga mengalami konflik dalam keluarga mereka sendiri. Mereka gagal melihat keluarga adalah satu persekitaran yang sihat dan boleh memberikan kebahagiaan serta rasa seronok kepada mereka.

Kekurangan komunikasi yang berkesan dan kasih sayang dalam keluarga turut memainkan peranan dalam pembentukan personaliti devian remaja. Sigurdsson dan rakan-rakan (1996) dan Sokol-Katz dan rakan-rakan (1997) menekankan bahawa perkembangan personaliti negatif dan tingkah laku devian adalah hasil daripada kegagalan dalam ikatan kekeluargaan.

Kegagalan ibu bapa dalam mendisiplinkan anak-anak juga dilihat sebagai salah satu faktor berlakunya tingkah laku devian. Latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak (Jacobvitz et al., 1996). Kebanyakan tingkah laku antisosial remaja juga berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz et al., 1996, Vuchinich, 1992).

Ibu bapa juga didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama. Contohnya, anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang mengambil alkohol dan mengalami kekecewaan didapati lebih bermasalah tingkah laku berbanding ibu bapa yang tidak mengambil alkohol dan sihat (Phares dan Compas, 1992).

Oleh itu, cara bagaimana ibu bapa perlu memainkan peranan dalam membentuk dan mendidik remaja terletak di tangan mereka sendiri. Hubungan dan ikatan mesra antara ibu bapa dan anak-anak remaja adalah penting dalam pembentukan sahsiah dan moral serta tingkah laku remaja. Ibu bapa juga perlu memberikan kasih sayang, perhatian dan keperluan yang secukupnya terhadap anak-anak remaja mereka, agar mereka merasakan disayangi dan dihargai. Selain itu, aspek asuhan dan didikan disiplin turut perlu diberikan penekanan yang sewajarnya dalam hal-hal pengsosialisasian anak-anak agar mereka menjadi individu yang berfikiran positif.

1.2 Pernyataan Masalah

Kadar peningkatan tingkah laku devian dan delinkuen di kalangan pelajar remaja sejak akhir-akhir ini merupakan fenomena yang amat membimbangkan semua pihak. Peningkatan yang ketara ini membayangkan bahawa sebahagian pelajar remaja kini sedang mengalami masalah gejala sosial yang melambangkan keruntuhan akhlak mereka. Melihat kepada masalah ini, tindakan dan pengawalan aktiviti pelajar remaja sudah

dirasakan amat perlu bagi membendung fenomena ini dari terus meningkat pada masa-masa akan datang.

Gejala keruntuhan akhlak dan tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja seringkali dikaitkan dengan faktor kekeluargaan remaja itu sendiri. Di samping itu juga, gejala-gejala sosial yang melanda remaja kini juga sering dianggap sebagai satu manifestasi kegagalan sesebuah sistem keluarga dalam aspek pembentukan sahsiah dan pendidikan anak-anak.

Kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa persekitaran keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses pengsocialisasian remaja iaitu sikap, nilai dan sistem kepercayaan akan diterapkan ke dalam minda remaja. Selain itu, persekitaran keluarga juga menjadi medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli di dalamnya. Kajian oleh Sham Sani Salleh (1994) menyatakan bahawa tingkah laku devian dan anti sosial turut dikaitkan dengan tingkah laku dan struktur keluarga itu sendiri. Mengikut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa.

Kajian ini cuba memfokuskan kepada sejauh manakah elemen-elemen dalam institusi kekeluargaan mempengaruhi tingkah laku remaja, dan seterusnya membawa kepada tingkah laku devian di kalangan mereka, khususnya pelajar. Di samping itu, setiap keluarga juga mengamalkan corak gaya asuhan dan pemantauan tersendiri yang berbeza terhadap ahlinya dan dengan ini akan memberi impak terhadap sahsiah dan moral para remaja dan pelajar berkenaan. Kajian ini juga turut meninjau sejauh manakah corak gaya asuhan tertentu mempengaruhi pelajar remaja bertingkah laku devian.

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji perkaitan antara pengaruh persekitaran keluarga terhadap tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja di beberapa buah sekolah menengah di Daerah Pontian, Johor.. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk :-

- 1.3.1 mengenal pasti ciri-ciri tingkah laku ibu bapa (fizikal, verbal dan anti sosial) yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian
- 1.3.2 mengenal pasti jenis-jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa remaja devian yang dominan
- 1.3.3 mengenal pasti tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja devian
- 1.3.4 mengenal pasti tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian
- 1.3.5 mengenal pasti kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan di bawah.

- 1.4.1 Apakah ciri-ciri tingkah laku ibu bapa (fizikal, verbal dan anti sosial) yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian?
- 1.4.2 Apakah jenis-jenis gaya asuhan (autoritarian, autoritatif dan permisif) ibu bapa remaja devian yang dominan ?
- 1.4.3 Apakah tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja devian ?
- 1.4.4 Apakah tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian?

- 1.4.5 Apakah kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja ?
- 1.4.6 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor tingkah laku ibu bapa, gaya asuhan ibu bapa, kepatuhan ibu bapa kepada agama dan kasih sayang dengan kekerapan tingkah laku devian remaja ?
- 1.4.7 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kekerapan tingkah laku devian dengan jantina ?

1.5 Hipotesis Kajian

- Ho1 Tiada hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja
- Ho2 Tiada hubungan yang signifikan antara amalan corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja
- Ho3 Tiada hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja
- Ho4 Tiada hubungan yang signifikan antara hubungan kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja
- Ho5 Tiada perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian remaja dengan jantina

1.6 Rasional Kajian

Fenomena tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja dianggap sebagai satu gejala yang semakin meruncing di kalangan remaja sejak kebelakangan ini. Ianya juga menjadi satu masalah yang besar di pihak sekolah, dan turut mengganggu gugat kelancaran perjalanan proses penerapan ilmu. Lebih hebat lagi, seringkali dipaparkan di dada-dada akhbar tentang pelbagai tingkah laku devian ini yang dilakukan oleh pelajar-pelajar sekolah. Perkara ini jelas membuktikan bahawa kemelut masalah sosial yang melanda pelajar remaja kini adalah semakin serius dan sekiranya tidak ditangani dengan sebaik mungkin ianya akan memberi kesan yang negatif terhadap generasi akan datang.

Melihat kepada permasalahan dan isu yang melanda pelajar remaja pada masa kini amatlah membimbangkan. Tindakan dan pengawalannya dirasakan sudah berada

pada tahap yang dianggap terdesak. Pertaruhannya adalah masa depan negara dan generasi akan datang kerana para pelajar dan remaja ini adalah pewaris kepada kepimpinan negara. Tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja ini perlu dibendung dari peringkat awal lagi, iaitu ketika mereka berada di dalam persekitaran keluarga lagi agar penularannya dalam masyarakat dapat dibendung dan tangani sebaiknya.

Oleh itu, penyelidik merasakan kewajaran untuk mengetahui tahap tingkah laku devian dan kekerapan perlakuan tersebut di kalangan remaja. Kajian ini juga direka bentuk untuk menjadi panduan bagi mencegah fenomena tingkah laku devian di kalangan remaja khususnya pelajar-pelajar sekolah. Selain itu, kajian ini turut dilaksanakan agar dapat menyedarkan ibu bapa tentang betapa pentingnya peranan persekitaran keluarga yang sihat yang perlu dimainkan dalam membentuk tingkah laku yang lebih bermoral dalam diri anak remaja dan pelajar yang terlibat. Setiap pengaruh dan rangsangan dari luar perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh keluarga agar remaja tidak lepas bebas sepenuhnya tanpa perhatian dan bimbingan sebaiknya.

Generasi yang berketrampilan, berdaya saing dan berakhlak mulia perlu dibentuk dan dibimbing bukan sahaja melibatkan pihak sekolah semata-mata, malah ibu bapa sepatutnya turut memainkan peranan yang lebih besar lagi. Menerusi kajian ini, pelbagai alternatif perlu dicari bagi menangani masalah ini dan melihat serta menilai sejauh manakah aktiviti kurikulum dan kokurikulum di sekolah mampu mengurangkan masalah ini. Segala kekurangan dalam aktiviti di sekolah khususnya perlulah diperbaiki agar ianya menjadi lebih efektif.

Hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat tentang tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar sekolah untuk ibu bapa dan pihak-pihak yang terlibat. Hasil kajian ini juga dapat mengesan faktor-faktor persekitaran keluarga yang boleh menyebabkan pelajar remaja bertingkah laku devian yang boleh mengganggu gugat proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan seterusnya boleh mempengaruhi perkembangan personaliti remaja.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kepada keluarga (ibu bapa), guru-guru, pihak pengurusan sekolah, kaunselor-kaunselor sekolah dan juga masyarakat bagi mengenalpasti tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja serta mencari jalan dalam membendung gejala tersebut.

1.7.1 Ibu bapa

Hasil kajian ini boleh membantu ibu bapa untuk mengenal pasti tindak-tanduk anak-anak mereka. Mereka juga dapat melihat personaliti dan tingkah laku anak-anak mereka sama ada bertingkah laku positif atau negatif. Ini dapat dilakukan dengan pemerhatian sama ada di dalam mahu pun di luar sekolah. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu ibu bapa menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran bagi menjauhi tingkah laku devian di kalangan anak-anak mereka agar menjadi individu yang bersikap positif demi kesejahteraan masa depan mereka.

1.7.2 Guru-guru

Dari hasil kajian ini diharapkan guru-guru dapat mengenal pasti tahap-tahap tingkah laku devian serta kekerapan perlakuan tersebut di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru juga boleh mengenal pasti pelajar-pelajar yang bertingkah laku devian serta bertindak sebagai ibu bapa kedua yang mampu membimbing mereka agar berubah kepada sikap yang lebih positif. Kajian ini mendorong kesediaan pelajar dan guru menjauhi perlakuan devian yang tidak sewajarnya dan lebih menumpukan kepada kecemerlangan diri. Jelaslah, profesyen perguruan adalah profesyen yang kompleks dan tugas guru sangat berat berbanding profesyen lain.

1.7.3 Pengurusan Sekolah

Daripada hasil kajian ini, diharapkan pihak berkaitan khususnya pihak pengurusan sekolah berupaya membendung tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar. Ini juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah membendung gejala salah laku disiplin yang sememangnya menyukarkan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan usaha ini, guru-guru akan dapat memberikan tumpuan seoptima yang mungkin terhadap proses penerapan ilmu terhadap pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran tanpa gangguan oleh masalah-masalah disiplin yang ditimbulkan oleh pelajar akibat tingkah laku devian mereka. Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pihak pengurusan sekolah dalam merangka dan melaksanakan peraturan-peraturan tertentu serta langkah-langkah keselamatan bagi mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang kondusif dan selamat.

1.7.4 Kaunselor Sekolah

Hasil kajian ini amat berguna untuk dijadikan panduan oleh kaunselor-kaunselor di sekolah-sekolah dalam mengenal pasti tahap tingkah laku devian dan kekerapan tingkah laku tersebut di kalangan pelajar-pelajar. Dengan adanya maklumat tersebut, akan memudahkan lagi tugas mereka dalam membimbing dan memberi kesedaran terhadap pelajar yang bertingkah laku devian. Peranan kaunselor adalah sangat penting dalam menyemai sikap yang lebih positif di kalangan pelajar serta memotivasikan mereka yang terlibat agar berubah kepada yang lebih baik dan berusaha membina kecemerlangan diri demi kesejahteraan hidup mereka.

1.7.5 Masyarakat

Hasil kajian ini boleh dijadikan asas panduan kepada masyarakat dalam membantu menangani masalah tingkah laku devian dengan lebih efektif. Membentuk akhlak remaja bukanlah tugas keluarga semata-mata, malah masyarakat juga berperanan dalam menegur serta mengawal mereka agar menjauhi tingkah laku devian. Masyarakat juga seharusnya berupaya memainkan peranan dalam membentuk keperibadian remaja supaya tidak bertingkah laku devian. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat, memberi sokongan dan mendidik remaja yang sedang meningkat dewasa agar mampu berfikiran positif.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa faktor persekitaran keluarga yang mempengaruhi remaja bertingkah laku devian iaitu tingkah laku ibu bapa, amalan nilai-nilai negatif ibu bapa, corak gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak, faktor kepatuhan ibu bapa terhadap suruhan agama dan tahap kasih sayang ibu bapa kepada remaja. Kajian ini juga menumpukan kepada pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada tahap tingkah laku devian dan kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja.

Kajian ini dijalankan di tujuh buah sekolah menengah harian yang dipilih oleh penyelidik di Daerah Pontian, Johor.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Daerah Pontian, Johor. Hanya tujuh buah sekolah sahaja dari daerah ini dipilih untuk menjadi sampel kajian. Kajian ini juga hanya menumpukan kepada pelajar-pelajar yang berada di tingkatan empat sahaja. Oleh itu, dapatan kajian hanya merujuk kepada populasi yang dikaji.

Pemboleh ubah-pemboleh ubah yang digunakan dalam analisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan di dalam instrumen kajian sahaja.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Ianya dijalankan sekali sahaja dalam tempoh tertentu. Responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang perkara yang dikaji. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Oleh yang demikian, kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik amat diperlukan. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini adalah sangat bergantung kepada kejujuran jawapan responden dalam memberikan jawapan yang tepat dan benar kepada soal selidik yang diberikan. Responden juga diberi jaminan bahawa segala respon mereka dalam kajian ini adalah dirahsiakan.

1.10 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang digunakan akan diperjelaskan maksudnya mengikut konteks kajian ini.

1.10.1 Tingkah Laku Devian

Menurut Kamus Dewan (2003), tingkah laku devian didefinisikan sebagai perlakuan yang menyimpang atau melencong. Azizi et al. (2005) menyatakan bahawa tingkah laku devian membawa maksud tingkah laku yang melanggar norma-norma masyarakat tertentu. Ianya juga ditakrifkan sebagai sebarang tingkah laku yang tidak memenuhi norma-norma sosial sesuatu kumpulan atau masyarakat (Rohana, 1996).

Albert Cohen (Azizi et al., 2005) mentakrifkan tingkah laku devian sebagai kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial.

Menurut Mc Caghy (1985), tingkah laku devian adalah tingkah laku yang tidak dapat diterima oleh masyarakat. Lemert (1972) pula menyatakan bahawa tingkah laku devian atau kenakalan merupakan pelanggaran norma-norma masyarakat.

Robert Merton (Azizi et al.,2005) pula menyatakan bahawa tingkah laku devian sebagai kelakuan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial, ia tidak dapat dipelihara secara abstrak tetapi perlu dikaitkan dengan norma-norma yang dianggap oleh masyarakat sebagai munasabah dan '*morally binding*' bagi orang yang menduduki status yang berlainan. Tingkah laku devian juga sering dikaitkan dengan tingkah laku agresif, langsung atau pun delinkuen. Pengertian delinkuen pula dikhususkan kepada salahlaku-salahlaku yang dilakukan oleh individu yang berada di tahap bawah umur (kurang daripada 21 tahun).

Tingkah laku devian boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu fizikal dan verbal (Pepler, 1988). Tingkah laku devian fizikal termasuklah ugutan secara fizikal atau kekerasan, menendang, memukul, menolak, mencederakan, membunuh, merogol dan mengambil atau memusnahkan barang milik orang lain. Manakala tingkah laku devian berbentuk verbal pula ialah seperti panggilan nama yang tidak disukai, mengejek, menyebarkan fitnah dan gosip (Smith, 1991).

Di dalam kajian ini, tingkah laku devian dinyatakan sebagai tingkah laku yang dianggap berlawanan dengan norma-norma dan tidak bermoral serta tidak dapat diterima, termasuklah tingkah laku anti sosial dan jenayah. Tingkah laku devian dalam konteks kajian ini diukur dengan menggunakan kaedah pengukuran berdasarkan '*Delinquency Scale*' oleh Junger (1997) yang telah diubahsuai mengikut keperluan kajian.

1.10.2 Kekerapan

Menurut Kamus Dewan (1990), kekerapan didefinisikan sebagai perkara yang berlaku secara berulang-ulang, berulang kali, berkali-kali dan acap kali. Dalam kajian ini kekerapan merujuk kepada berapa banyaknya tingkah laku devian yang dilakukan oleh seseorang pelajar.

1.10.3 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1991), pelajar didefinisikan sebagai orang yang belajar di sekolah, maktab dan universiti. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar-pelajar tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah yang dikaji.

1.10.4 Remaja

Dalam Bahasa Inggeris, “*adolescence*” berasal daripada perkataan Latin “*adolescere*” yang bermaksud “membesar” atau “membesar menjadi matang” (Rogers, 1981). Ini bermakna zaman remaja merupakan suatu proses dan bukannya jangkamasa. Proses yang dimaksudkan ialah proses mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan yang diperlukan demi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat. Secara tipikalnya, zaman remaja dilihat sebagai suatu zaman yang dimulai dengan akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan suatu zaman transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa.

Menurut Hall (1904), zaman remaja merupakan zaman ‘*storm and stress*’. Ini kerana remaja akan mengalami perubahan secara biologikal akibat perubahan hormon tubuh badan dan perlu disesuaikan dengan harapan dan kehendak masyarakat. Oleh itu remaja akan sentiasa menghadapi konflik dalam memenuhi keperluan kejantinaan, perkembangan egoistik, tingkah laku tidak menentu, perkembangan self esteem dan emosi. Remaja juga bermaksud satu zaman yang

dimulai dengan akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa, biasanya pelajar-pelajar ini berumur di antara 12 hingga 17 tahun.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan remaja ialah pelajar-pelajar yang berusia 16 tahun yang menuntut dalam tingkatan 4 dari sekolah-sekolah menengah yang dijadikan bahan kajian.

1.10.5 Tahap

Tahap ialah had, takat dan peringkat dalam sesuatu perkara (Kamus Dewan, 1991). Dalam kajian ini tahap bermaksud peringkat tingkah laku devian pelajar yang paling minima seperti mengeluarkan bahasa yang kesat hingga ke tahap tingkah laku devian yang paling maksima seperti mencederakan dan membunuh.

1.10.6 Keluarga

Keluarga menurut takrif antropologi adalah satu unit (kumpulan) yang terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Freud (1953), pula merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah atau pun lebih anak (Fontana, 1981).

Menurut Gpeda (1988), keluarga adalah satu unit sosial yang terdiri daripada ibu bapa dan anak. Manakala Muhd Mansor (1998) menyatakan bahawa ibu dan bapa merupakan sama ada ibu bapa biologi atau ibu bapa sosial seperti ibu bapa angkat atau penjaga kepada remaja terbabit.

Rumusannya, saiz keluarga, bilangan anak dan status keluarga mempengaruhi tingkah laku anti sosial dan kegiatan gengsterisme di sekolah (Raine et al., 1993).

1.10.7 Gaya Asuhan

Menurut Kamus Dewan (2003), gaya asuhan didefinisikan sebagai perihal mendidik, peliharaan, penjagaan, tunjuk ajar dan bimbingan. Menurut Darling dan Steinberg (1993), gaya asuhan didefinisikan sebagai sikap yang ada pada ibu bapa berkaitan dengan membesarkan anak, seperti yang digambarkan melalui interaksi mereka dengan anak mereka. Ini bermaksud tingkah laku ibu bapa atau orang dewasa yang menjadi contoh kepada anak-anak. Secara umumnya istilah corak asuhan memberi maksud mendidik, menjaga dan mengawal anak-anak. Baumrind (1971) menyatakan pendekatan keibubapaan dalam mengawal dan menyokong disatukan dan membentuk tiga gaya asuhan iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif. Dalam konteks kajian ini gaya asuhan bermaksud tanggungjawab mendidik dan mengawal melalui interaksi yang dilakukan oleh seseorang ibu bapa terhadap anak-anak berdasarkan corak gaya asuhan yang tertentu.

1.10.8 Gaya Asuhan Autoritarian

Gaya asuhan autoritarian adalah satu corak gaya asuhan oleh ibu bapa yang bercirikan kawalan yang ketat ke atas tingkah laku anak dengan membuat peraturan, memastikan peraturan dipatuhi dan tidak membenarkan anak-anak menyoal berkaitan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan (Azizi et al., 2005). Ibu bapa yang mempunyai corak keibubapaan ini berinteraksi secara kasar dengan anak-anak. Selain itu, mereka juga turut mengongkong anak dengan kadar yang keterlaluan. Tahap kemesraan dan penerimaan pendapat anak adalah rendah. Ibu bapa dianggap mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menghukum anak-anak sama ada secara lisan atau fizikal sekiranya mereka melanggar peraturan yang ditetapkan

1.10.9 Gaya Asuhan Autoritatif

Cara pembesaran yang bersifat autoritatif adalah ibu bapa yang mengenakan peraturan ataupun had-had batasan tingkah laku tertentu tetapi membenarkan komunikasi yang bersifat terbuka (Azizi et al., 2005). Anak-anak diberi kebebasan membuat keputusan sendiri dalam perkara-perkara tertentu.

1.10.10 Gaya Asuhan Permisif

Cara pembesaran yang bersifat permisif dicirikan oleh corak komunikasi yang terbuka dan ibu bapa kurang menekankan tingkah laku yang baik pada anak-anak (Azizi et al., 2005). Ibu bapa bersikap mesra dan bertanggung jawab, tetapi lemah dalam kawalan dan akan mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung (Baumrind, 1989).

1.10.11 Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama

Kepatuhan boleh dierti katakan sebagai taat dan menurut tanpa persoalan. Dalam kajian ini, kepatuhan kepada agama bermaksud sebagai taat dan menurut perintah agama dengan melakukan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang oleh agama. Ajaran akhlak seperti menghormati orang tua, sembahyang, beradab dan sebagainya dipandang ringan oleh ibu bapa. Dalam kajian Michelle dan rakan-rakan (1989) mendapati, ajaran agama dapat menjadi pelita atau pun pegangan moral dalam diri remaja supaya mereka dapat berfikir sebelum melakukan perkara tidak bermoral. Rumusannya, pendidikan agama dan sivik boleh mempengaruhi cara pemikiran dan tingkah laku sosial remaja.

1.11 Penutup

Kajian mengenai pengaruh persekitaran keluarga terhadap tingkah laku devian remaja ini diharap akan dapat memberikan gambaran yang tepat untuk menilai sama ada faktor-faktor persekitaran dalam keluarga memberikan kesan terhadap tingkah laku seseorang remaja, khususnya yang membawa kepada tingkah laku devian remaja. Keluarga merupakan asas dan model utama dalam pembentukan personaliti seseorang remaja. Oleh itu adalah penting bagi sesebuah keluarga membina satu sistem yang positif dalam mendidik dan mengasuh anak-anak agar berupaya membentuk personaliti yang positif di kalangan mereka dan seterusnya mengelakkan dari anak-anak bertingkah laku devian.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja yang sedang bersekolah merupakan satu fenomena yang global bukan hanya berlaku di Malaysia sahaja tetapi juga berlaku di sekolah-sekolah di negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, Jepun dan Australia. Pemahaman tentang tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja adalah perlu bagi membolehkan kita mencari pendekatan yang bersesuaian bagi menangani masalah ini agar ianya tidak menjadi semakin meruncing. Di samping itu ia juga membantu penyelidik meneroka serta memahami faktor-faktor persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar remaja yang bersekolah.

Bab ini akan menyorot penulisan dan juga kajian lepas yang berkaitan dengan tingkah laku devian dan pendekatan teori-teori yang bersesuaian yang akan membantu penyelidik dalam pembentukan kerangka konsep kajian bagi mengkaji faktor-faktor

persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku devian dikalangan pelajar-pelajar sekolah.

2.1 Tingkah Laku Devian

Tingkah laku devian boleh ditunjukkan dalam pelbagai bentuk dan cara tanpa mengira usia atau jantina. Di dalam kajian ini, tingkah laku devian dinyatakan sebagai tingkah laku yang dianggap berlawanan dengan norma-norma dan tidak bermoral serta tidak dapat diterima yang dilakukan oleh pelajar-pelajar remaja. Pelbagai tingkah laku negatif yang dianggap menyimpang dan tidak dapat diterima oleh masyarakat adalah dianggap sebagai tingkah laku devian, iaitu seperti dalam bentuk yang sekecil-kecilnya seperti ponteng sekolah, melawan guru dan sebagainya hinggalah kepada salah laku yang lebih serius seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang akhirnya akan mewujudkan pelbagai gejala sosial seperti bersekedudukan, lari dari rumah, pelacuran bawah umur dan akhirnya membawa kepada perlakuan pengguguran dan pembuangan bayi. Banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh dianggap sebagai tingkah laku devian, antaranya seperti kes pecah rumah, penyalahgunaan dadah, mencuri, meminum minuman keras, menyerang fizikal, vandalisme dan sebagainya (Regoli & Hewitt, 1991). Fenomena ini mungkin berlaku disebabkan pelajar yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, ingin membalas dendam dan sebagainya.

Menurut statistik Laporan Disiplin 2001, Unit Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pelajaran Malaysia, antara tingkah laku jenayah di kalangan pelajar ialah seperti berjudi, mencuri, melawan guru, melawan pengawas, memeras ugut, membuli, kongsi gelap, penyalahgunaan dadah, membawa senjata berbahaya, mencabul kehormatan, mengancam, menceroboh, mengedar dadah, menunjuk perasaan dan bertaruh secara besar-besaran.

Berdasarkan kepada Statistik oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, pada tahun 2003, bilangan kes juvana yang dilaporkan adalah sebanyak 4998 kes. Manakala

pada tahun 2004 pula bilangannya meningkat kepada 6056 kes. Peningkatan ini menggambarkan tentang fenomena tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja semakin serius dan sudah tentunya ianya amat membimbangkan semua pihak.

Senario ponteng sekolah yang juga salah satu daripada tingkah laku devian bukanlah merupakan masalah sosial yang baru di kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan pelajar terbabit dengan gejala itu agak membimbangkan iaitu 32092 orang pada tahun 1993, 154305 orang pada tahun 1995 dan 80937 orang pada tahun 1997. Pelajar sekolah menengah, terutama di peringkat usia antara 14 hingga 15 tahun dikenal pasti sebagai kumpulan majoriti yang terbabit dengan gejala ponteng. Daripada keseluruhan pelajar yang dikenal pasti terbabit dengan masalah ponteng, kira-kira 97 peratus adalah dari kalangan pelajar lelaki dan baki 3 peratus adalah pelajar perempuan.

Dryfoos (1990) dalam kajiannya tentang remaja devian dan delinkuen, menyatakan bahawa terdapat empat kategori berkaitan dengan remaja berisiko dari lingkungan usia 10 hingga 17 tahun. 10 peratus dari jumlah keseluruhan adalah remaja yang sangat berisiko tinggi, iaitu terlibat dengan salah laku jenayah yang berat seperti merompak, merogol, pecah rumah, penyalahgunaan dadah, membunuh dan sebagainya. 15 peratus mewakili remaja berisiko tinggi, iaitu terlibat dengan salah laku kurang serius seperti pergaulan bebas, terlibat dengan video lucah, bergaduh, menyerang fizikal, meminum minuman keras, lumba haram, berjudi dan seumpamanya. 25 peratus remaja berisiko sederhana, iaitu terlibat dengan tingkah laku devian yang agak ringan seperti ponteng sekolah, vandalisme, mencuri, merokok, melepak, engkar arahan guru, melawan ibu bapa dan seumpamanya. Manakala selebihnya iaitu 50 peratus merupakan remaja berisiko rendah, iaitu sama ada tidak melakukan tingkah laku devian dan anti sosial atau pun tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif.

Manakala kajian oleh Huizinga dan Elliot (1985) ke atas sebilangan besar pelajar remaja (950 orang) pula mendapati bahawa kira-kira 73 peratus pernah terlibat dengan

tingkah laku devian, dan hampir satu pertiga daripadanya berkaitan dengan salah laku yang serius.

Tingkah laku jenayah semakin meningkat di kalangan remaja lelaki dan perempuan dan pada tahun 1994, 35 peratus remaja yang ditangkap berusia di bawah 15 tahun (Snyder dan Sickmund, 1995). Kajian oleh Gold dan Reimer (1975) ke atas 1395 pelajar berusia antara 11 hingga 18 tahun juga mendapati bahawa tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Peningkatan salah laku devian yang paling ketara ialah ketika usia 11 tahun hingga 15 tahun. Manakala kajian oleh Huizinga dan Elliot (1986) dan Yoshikawa (1994) juga menunjukkan dapatan yang sedemikian, iaitu tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh remaja lelaki berbanding remaja perempuan.

Dapatan kajian juga mendapati jumlah sebenar kes delinkuen adalah jauh lebih banyak daripada apa yang dilaporkan. Hanya satu pertiga sahaja kes-kes jenayah remaja dilaporkan kepada polis (Krisberg et al., 1986). Menurut Wilkerson (1994), di Amerika, seorang dari setiap enam orang yang ditangkap kerana kesalahan membunuh, rogol, rompak, curi dan menyerang melibatkan remaja di bawah umur 18 tahun.

Kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa remaja yang terlibat dengan salah laku devian dan delinkuen memperolehi markah yang rendah ujian kecerdasan dan lazimnya mempunyai prestasi yang rendah di sekolah (Farrington, 1989; Fergusson dan Horwood, 1995). Begitu juga dengan kajian oleh Patterson (1989) dan Yoshikawa (1994) yang mendapati dari hasil kajian mereka bahawa remaja devian dan delinkuen menunjukkan pencapaian yang rendah di sekolah. Manakala kajian oleh Elliot dan Ageton (1980) pula, ke atas 1726 pelajar berusia antara 11 hingga 17 tahun mendapati bahawa tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh pelajar dari kelas bawahan.

Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tingkah laku anti sosial di kalangan remaja akan turut membawa kepada tingkah laku sedemikian apabila dewasa (Farrington, 1989; Fergusson, et al., 1996).

Kajian mendapati remaja yang terlibat dengan tingkah laku devian dan delinkuen mempunyai konsep sendiri yang rendah. Remaja ini melihat diri mereka dari perspektif yang negatif, penghargaan sendiri yang rendah, tidak mempunyai matlamat tertentu dalam kehidupan dan kurang memikirkan tentang sumbangan mereka kepada masyarakat (Byrne, et al., 1981). Manakala kajian oleh Wells (1989) pula mendapati remaja devian merasakan mereka dapat memperkembangkan konsep sendiri dan penghargaan sendiri dengan melibatkan diri dalam tingkah laku anti sosial dan delinkuen.

Kajian Tattum (1986) mendapati bahawa pelajar sengaja melakukan devian sebagai teknik neutralisasi dalam interaksi mereka. Menurut Merton (1938) terdapat empat jenis devian iaitu inovasi (suatu cara memenuhi matlamat dengan cara yang salah), ritual (tindakan mengulang perbuatan), undur (seseorang yang tidak lagi berminat dengan matlamatnya lalu melakukan alternatif lain sebagai tindakan) dan menentang (menolak matlamat persekolahan dan menggantikannya dengan matlamat lain).

Di antara faktor psikologi yang menyumbang kepada tingkah laku delinkuen ialah apabila wujudnya emosi yang tidak gembira hasil dari faktor persekitaran seperti hubungan kekeluargaan yang longgar, keluarga berpecah dan kurang perhatian daripada keluarga atau ibubapa. Sebahagian remaja juga sangat suka menafikan bahawa mereka ada masalah, suka mengelak diri dari mengambil tanggungjawab di atas tindakan mereka dan seterusnya suka menyalahkan orang lain apabila mereka mendapat kesusahan (Mitchell, 1989). Selain daripada itu, konflik dalam keluarga juga boleh menjadi faktor penyebab ketidakstabilan emosi yang boleh membawa kepada tingkah laku devian dan delinkuen. Emosi yang tidak stabil seperti marah, geram, tertekan dan dendam akan mendorong pelajar untuk melepaskan geram dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian, dengan tujuan untuk melepaskan rasa tertekan mereka.

Tingkah laku devian dikatakan ada hubungan dengan perasaan marah. Bila seseorang pelajar berasa marah, mereka akan cenderung melakukan perbuatan yang menyalahi norma biasa sesebuah masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Roberta dan Virginia (1977) yang telah mengkaji perbezaan antara jantina yang berkaitan dengan emosi marah. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar dari sekolah-sekolah menengah di bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Bilangan sampel seramai 557 orang pelajar iaitu 287 lelaki dan 270 perempuan. Hasil kajian mendapati tidak terdapat perbezaan emosi marah yang signifikan antara lelaki dan perempuan mengenai tahap marah secara total. Bagaimana pun analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam cara

menunjukkan kemarahan antara lelaki dan perempuan. Remaja lelaki biasanya akan menjadi lebih agresif apabila berada dalam keadaan marah dan ini akan mendorong mereka bertingkah laku devian agresif.

2.2 Tingkah Laku Ibu Bapa Remaja Devian

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat remaja ialah keluarga mereka. Mengikut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep sendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997).

Kajian oleh Loeber (1986) dan Rowe (1992) mendapati bahawa kebanyakan remaja yang terlibat dalam tingkah laku devian sejak usia kanak-kanak mempunyai ahli keluarga atau ibu bapa yang juga pernah bertingkah laku sedemikian. Ibu bapa, sebagai pengurus dan pentadbir dalam sesebuah keluarga merupakan model utama yang diikuti oleh anak-anak. Apa sahaja tingkah laku yang dilakukan oleh ibu bapa di hadapan anak-anak baik dari segi verbal mahu pun perbuatan akan diperhatikan oleh anak-anak dan tidak mustahil anak-anak akan terikut-ikut dengan tingkah laku tersebut. Sekiranya tingkah laku tersebut baik dan positif, maka anak-anak akan turut menjadi sedemikian. Sebaliknya jika tingkah laku ibu bapa lebih banyak ke arah yang kurang baik dan negatif, maka anak-anak khususnya remaja juga akan terdidik dengan sifat-sifat yang negatif dan kurang baik. Ini akan memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan personaliti anak-anak tersebut.

Kajian oleh Patterson (1989) dan Dishion, et.al., (1991) mendapati bahawa pengaruh keluarga dan rakan sebaya saling berkaitan dalam pembentukan tingkah laku anti sosial remaja. Manakala kajian oleh Dishion, et al., (1995), dan Tremblay, et al., (1995) juga menunjukkan pengaruh rakan sebaya turut memainkan peranan penting dalam tingkah laku anti sosial remaja selain pengaruh keluarga.

Ibu bapa didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak. Kajian juga menunjukkan bahawa anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang mengambil alkohol dan mengalami kekecewaan didapati lebih bermasalah tingkah laku berbanding ibu bapa yang tidak mengambil alkohol dan sihat (Phares dan Compas, 1992).

Banyak kajian yang telah dilakukan di Amerika menunjukkan bahawa kebanyakan remaja yang melakukan tingkah laku jenayah merupakan mereka yang mempunyai masalah dari segi psikologi. Kebanyakan mereka adalah lelaki, miskin dan sebahagian besarnya datang dari keluarga yang ibu bapa bercerai (Steinberg, 2001).

Kajian menunjukkan bahawa remaja bermasalah kebanyakannya adalah berlatarbelakangkan keluarga yang bermasalah (Dishion, et al., 1991; Rutter, 1985; Vuchinich, et al., 1992). Masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak ((Block, et.al, 1988; Caspi et.al., 1995; Fergusson dan Horwood, 1996; Fergusson, et.al, 1996a; Moffitt, 1993).

Tingkah laku devian dan delinkuen juga turut sering dikaitkan dengan ketidakstabilan emosi remaja kesan dari layanan keluarga terhadap mereka. Golongan ibu bapa yang amat berkemungkinan untuk mendera emosi anak-anak mereka, iaitu terdiri daripada ibu bapa yang hidup dalam keadaan sosial yang terasing (Hickox dan Furnell, 1989) dan menunjukkan hubungan dan pergaulan dengan orang lain yang tidak memuaskan dan ganas (Junewicz, 1983).

Muhd Mansur (1998), telah menjalankan satu kajian berkaitan sikap ibu bapa dalam pembentukan orientasi individu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa orientasi individu pelajar mempunyai hubung kait dengan sikap yang terdapat pada ibu bapa remaja itu sendiri.

Garbarino, et al. (1986) memberi lima kategori tingkah laku ibu bapa atau penjaga yang dikira sebagai mendera emosi anak-anak, iaitu penolakan, pengasingan, menakutkan, sikap tidak peduli dan merasuah fikiran.

Penolakan: Ini bermaksud tingkah laku ibu bapa atau penjaga yang sengaja enggan menolong anaknya ataupun enggan mengakui bahawa anak tersebut memerlukan pertolongan sehingga secara tidak langsung tidak mengakui kehadirannya. Tingkah laku lain yang menunjukkan ada penolakan anak termasuklah memanggil anak dengan kata-kata yang hina, kesat, melabelnya sebagai orang yang dikutuk dan dengan sengaja menjatuhkan air muka dan harga diri anak itu di khalayak ramai. Perkara ini sering dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga apabila dalam keadaan marah. Tindakan ibu bapa atau penjaga yang tidak mahu mengaku dan menerima anak mereka sebagai anak mereka juga merupakan salah satu bentuk penolakan.

Pengasingan: Ini melibatkan tindakan ibu bapa atau penjaga yang sengaja mengasingkan anak dengan menguncikan anak di dalam almari atau bilik dalam jangka masa yang panjang. Tindakan ibu bapa atau penjaga yang langsung tidak membenarkan anak mereka bergaul dan berinteraksi dengan rakan sebaya atau orang lain juga ditakrifkan sebagai pengasingan. Perkara ini sering berlaku dalam usaha ibu bapa mengawal pergerakan anak atau dalam usaha mendisiplin anak yang melampaui batas.

Menakutkan: Ini bermaksud tindakan mengancam untuk mencedera, membunuh, mengabai dan meninggalkan anak sekiranya anak tidak mengikut kata atau tidak menunjukkan tingkah laku yang diharapkan. Tindakan ini termasuk ancaman oleh ibu bapa, penjaga atau orang lain untuk mendedahkan anak kepada keganasan yang akan dilakukan kepada orang yang disayangi oleh anak itu. Ini bertujuan supaya anak itu akan tinggal bersendirian apabila orang yang anak itu sayangi cedera atau mati atau dipisahkan dari mereka dengan sengaja. Tingkah laku menakutkan ini sering berlaku kepada anak-anak yang didera secara seksual dan juga kepada anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang melalui proses perceraian.

Sikap tidak peduli - menolak tindak balas emosi: Ini bermaksud tingkah laku ibu bapa atau penjaga yang dengan sengaja tidak mempedulikan usaha anak untuk mendapat belaian kasih sayang daripada mereka. Ibu bapa sebegini melayan anak mereka secara mekanikal sahaja. Mereka langsung tidak mempunyai perasaan terhadap anak. Mereka tidak memberikan kasih sayang dan jauh sekali mencium anak dan merapati anak. Cara mereka berkomunikasi dengan anak adalah dengan cara perbuatan melupakan atau dengan tidak melakukan apa-apa. Dalam erti kata lain, mereka tidak berminat untuk menjalinkan emosi dengan anak. Tingkah laku ini sering terjadi pada kanak-kanak yang dianaktirikan.

Merasuah fikiran dan mengeksploitasi anak: Ini menunjukkan tingkah laku ibu bapa atau penjaga yang menggalakkan, mengajar dan membiarkan anak melakukan kegiatan anti sosial seperti melakukan maksiat dan jenayah. Juga ibu bapa yang menyimpan anak dalam rumah dengan niat menjadikannya sebagai hamba atau penjaga kepada anak-anak lain, walhal dia sepatutnya pergi ke sekolah. Ibu bapa yang menggalakkan anak terlibat dengan pornografi juga dianggap mengeksploitasi anak. Ibu bapa yang mempunyai tingkah laku buruk dan tidak bermoral, dan dicontohi oleh anak merupakan satu perbuatan merasuah fikiran anak, terutama sekali terhadap anak yang dipaksa melakukan perbuatan keji sedangkan anak-anak itu enggan mengikut jejak langkah ibu bapa mereka. Penjelasan di atas tidak termasuk aspek amalan dalam sebarang budaya yang mungkin menganggap salah satu tingkah laku yang tersenarai di atas sebagai satu amalan normal mereka.

2.3 Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian

Keluarga merupakan institusi sosial yang paling penting dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Ibu bapa sebagai peneraju keluarga merupakan orang yang terpenting dalam sesebuah sistem keluarga. Mereka memainkan peranan utama dalam mencorak masa depan anak-anak, khususnya anak remaja. Dalam konteks ini, penekanan terhadap cara gaya asuhan amat penting sekali. Gaya asuhan ibu bapa merupakan satu elemen yang paling penting dalam usaha membentuk perwatakan pelajar yang positif.

Gaya asuhan ibu bapa turut dihubungkan dengan tingkah laku devian dan delinkuen pelajar remaja. Lowe (1993), Stern dan Smith (1995) telah menjalankan kajian untuk mengetahui gaya asuhan yang telah dilalui oleh pesalah juvana. Hasil kajian mendapati sebahagian besar subjek kajian memperolehi corak gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa mereka. Keadaan ini menyebabkan remaja terabai dan terjebak dengan tingkah laku devian dan delinkuen kerana tidak mendapat perhatian dan sokongan daripada kedua ibu bapa mereka.

Penglibatan remaja dalam tingkah laku devian dan delinkuen juga disebabkan kegagalan sesebuah sistem keluarga itu sendiri. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan tingkah laku anti sosial remaja adalah berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz dan Bush, 1996; Vuchinich, 1992).

Kajian oleh Jacobvitz dan Bush (1996) mendapati bahawa lazimnya, latar belakang tingkah laku anti sosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak.

Fauziah (1992), dalam kajian hubungan antara bentuk kawalan ibu bapa dengan anak. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan Melayu dan bukan Melayu. Penyelidik menggunakan soal selidik “Children Repect of Behaviour Inventory (RPBI)” oleh Schludermann dan Schuldermann (1970). Kajian ini mengenal pasti hubungan antara tiga jenis kawalan ibu bapa iaitu cara menghukum, permisif dan kasih sayang dengan tingkah laku anak-anak seperti agresif, submisif, berdikari dan asertif.

Gaya asuhan ibu bapa menurut Baumrind (1971) adalah terbahagi kepada tiga jenis, iaitu gaya asuhan autoritatif, gaya asuhan autoritarian, gaya asuhan permisif. Ketiga-tiga gaya asuhan ini perlu diketahui oleh ibu bapa agar mereka dapat memilih jenis gaya asuhan yang sesuai diaplikasikan ketika berinteraksi dengan anak-anak. Ibu bapa seharusnya tidak terlalu terikat kepada satu-satu gaya sahaja, malah sebaliknya mengamalkan pelbagai gaya mengikut keperluan mendisiplinkan anak-anak.

2.3.1 Gaya Asuhan Autoritatif

Ibu bapa yang autoritatif mengawal dan bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Gaya asuhan mereka yang bersifat rasional dan demokratik dapat membentuk anak-anak yang berfikiran positif, aktif bersosial, bertanggung jawab, dan mempunyai kompeten daripada aspek kognitif.

Hasil kajian mendapati bahawa komunikasi antara ibu bapa dan anak yang baik, suasana keluarga yang tenteram dan beberapa ciri asuhan autoritatif yang baik akan menghasilkan remaja yang bersikap positif (Clark dan Shields, 1997; Sokol-Katz et al., 1997).

Alice Rani (1998), telah mengkaji terhadap hubungan antara gaya asuhan keluarga dan pembentukan personaliti remaja. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan seramai 74 orang. Penyelidik menggunakan soal selidik Parental Behaviour Inventory (PBI) dan Junior Eysenck Personaliti (JEPI). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang diasuh dalam keluarga yang mengamalkan bentuk asuhan amalan demokratik iaitu kebanyakan ibu bapa remaja telah terdedah dengan cara mendidik dan mengasuh anak-anak yang lebih baik dan bertimbang rasa. Kajian ini memberi gambaran kepada ibu bapa supaya mempertingkatkan usaha untuk memperbaiki semula kemerosotan pengaruh gaya didikan anak-anak. Ibu bapa perlu sentiasa mendalami ilmu pengetahuan terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan perhubungan antara ibu bapa dan anak.

Menurut Baumrind (1989), kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang demokratik cenderung menjadi lebih bertenaga, suka menjelajah, mempunyai perasaan ingin tahu tinggi, berdedikasi, dapat mengawal diri, puas hati dengan diri dan bersikap positif terhadap rakan sebaya.

Satu kajian telah dijalankan oleh Universiti Islam Antarabangsa dengan tajuk “*An Analysis of Values and Their Effects on Social Problems*” (2001) ke atas 2869 remaja secara rambang yang dipilih di kalangan pelajar tingkatan 1, 2, 3, dan 5 dari 10 buah sekolah di daerah Batu Pahat, Muar, Segamat dan Johor Bahru. Dapatan kajian menunjukkan remaja yang mendapat lebih perhatian ibu bapa memiliki nilai positif berbanding remaja lain. Cara didikan autoritatif yang diamalkan oleh ibu bapa menghasilkan gejala sosial paling rendah di kalangan remaja.

2.3.2 Gaya Asuhan Autoritarian

Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan authoritarian pula mempunyai sifat kawalan yang tinggi, tetapi kurang dalam tanggungjawab. Anak-anak yang dibentuk akan mempunyai ciri-ciri seperti berfikiran negatif, sering memberontak, pendendam, bimbang, cemas, khuatir, pendiam, pemalu, konsep sendiri rendah dan kurang motivasi untuk berdikari. Mereka akan bertindak bermusuhan sekiranya dikecewakan.

Gaya keibubapaan ini menggambarkan ciri-ciri kesan negatif terhadap konsep sendiri anak kerana anak akan mempunyai kemahiran sosial yang lemah, menjadi individu yang terlalu agresif atau terlalu pasif serta mempunyai mood yang tidak menentu (Bee dan Boyd, 2002).

Kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang seringkali dihukum dan seringkali menyaksikan tingkah laku devian atau tingkah laku agresif dalam keluarga mempunyai risiko yang tinggi dan menghadapi kesukaran dalam penyesuaian sendiri (D’Angelo et al., 1995).

Bandura dan Walters (1959), penyelidikan mendapati bahawa remaja yang delinkuen dan agresif berasal daripada keluarga yang ibu bapa mereka

menggunakan hukuman fizikal secara berlebihan dan menegakkan disiplin kepada anak-anak.

Kajian oleh Lawrence (Mohd Salleh, 1986), mendapati remaja yang diberi kasih sayang terlalu keras atau tidak ambil peduli, autokratik, pasif serta diskriminasi oleh ibu bapa akan menghasilkan anak-anak remaja yang bermasalah, memberontak dan menuju tingkah laku yang terpesong dan menyeleweng.

2.3.3 Gaya Asuhan Permisif

Gaya asuhan permisif pula adalah merujuk kepada ibu bapa mesra dan bertanggung jawab, tetapi lemah dalam kawalan dan akan mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung, mempunyai permintaan yang tinggi dan impulsif.

Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif juga tidak mengambil berat terhadap anak-anak dan akan melahirkan sikap kecewa di kalangan anak-anak. Mereka merasakan ibu bapa lebih mementingkan hal mereka berbanding urusan menguruskan anak-anak (Santrock, 1972).

Kekurangan kawalan dari ibu bapa, tingkah laku agresif dan kegagalan dalam persekolahan semasa kanak-kanak sering dikaitkan dengan gejala-gejala seks bebas, pengambilan alkohol dan dadah semasa remaja serta tingkah laku anti sosial (Caspi, et al., 1995; Moffitt, 1993).

Kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang permisif cenderung bersifat tidak dapat mengawal diri, impulsif, kurang berdikari dan kurang menjelajah. Anak-anak mereka sentiasa tidak berminat dalam segala aktiviti, bertingkah laku menolak dan selalu merasa kekurangan dari semua aspek kefungsiian psikologi. Walau bagaimana pun, mereka lebih gembira dan cepat

sembuh daripada sesuatu tekanan atau pun krisis berbanding kanak-kanak yang dibesarkan secara autokratik (Baumrind, 1989).

Kajian oleh Mitchell (1989) dan D'Angelo dan rakan-rakan (1995) menunjukkan kekurangan perhatian dari bapa memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku anti sosial. Kajian juga menunjukkan remaja yang bertingkah laku anti sosial biasanya kurang diberi perhatian oleh keluarga mereka (Dornbusch, et al., 1985; Forgatch, et al., 1994; Patterson, 1989; Steinberg, et al., 2001).

Kajian oleh Slaby dan Guerra (1988) mendapati bahawa remaja yang bertingkah laku devian dan delinkuen mempunyai kurang kawalan diri dan tingkah laku mereka banyak dipengaruhi oleh kawalan luar dari persekitaran.

Kajian oleh Herzoy dan rakan-rakan (Muhd. Mansur, 1988), mendapati 70 peratus responden mereka lari dari rumah dan terlibat dengan dadah disebabkan oleh suasana rumah yang menekan, sikap ibu bapa yang tidak mengambil tahu dan jurang antara mereka.

2.3.4 Gaya Asuhan Dan Hubungannya Dengan Tingkah Laku Devian

Gaya asuhan ibu bapa turut dihubungkan dengan tingkah laku devian pelajar. Lowe (1993), Stern dan Smith (1995) telah menjalankan kajian untuk mengetahui gaya asuhan yang telah dilalui oleh pesalah juvana. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar subjek kajian memperolehi corak gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa mereka. Keadaan ini menyebabkan remaja terabai dan terjebak dengan delinkuensi kerana tidak mendapat perhatian dan sokongan daripada kedua ibu bapa mereka.

Kajian yang telah dijalankan oleh Abdullah Al Hadi (1993) mendapati bahawa kawalan dan pengawasan ibu bapa memainkan peranan yang sangat

penting dalam menghalang atau mencegah pelajar dari terlibat dengan gejala sosial. Beliau mendapati pelajar yang mendapat kawalan dan pengawasan ke atas segala aktiviti mereka sangat kurang melibatkan diri dengan aktiviti yang tidak sihat.

Kajian oleh Rohani (2000) telah dijalankan terhadap beberapa pelajar berkaitan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak remaja di sekolah. Sampel kajian terdiri 76 orang pelajar dan soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan sebagai model dalam pembentukan akhlak remaja dan tidak memainkan peranan dalam memberikan dan juga tidak mengambil tindakan terhadap tingkah laku.

2.4 Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Remaja Devian Kepada Agama

Dalam Islam, ibu bapa bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak untuk menjadi ahli masyarakat yang berguna kepada keluarga, agama dan bangsa. Sama ada ibu bapa itu senang atau susah, sama ada keluarga itu ada ibu dan bapa atau hanya ada ibu atau bapa sahaja, penjaga tidak terkecuali dari tugas ini. Cuma mungkin dalam keadaan kemiskinan dan keluarga induk, masa untuk mendekati dan mendidik anak dengan nilai-nilai yang murni dan mulia agak terbatas. Namun jika kajian menunjukkan mendidik anak-anak dengan nilai-nilai mulia ini amat penting untuk menjauhkan anak dari jenayah dan delikueni, maka pastinya usaha untuk mencari masa dan mendidik anak-anak dengan apa yang mereka perlu tahu bukanlah sesuatu yang sia-sia.

Ajaran akhlak seperti menghormati orang tua, sembahyang, beradab dan sebagainya dipandang ringan oleh ibu bapa. Walhal kajian Michelle dan rakan-rakan (1989) mendapati, ajaran agama dapat menjadi pelita atau pun pegangan moral dalam diri remaja supaya mereka dapat berfikir sebelum melakukan perkara tidak bermoral. Rumusannya, pendidikan agama dan sivik boleh mempengaruhi cara pemikiran dan tingkah laku sosial remaja.

Menurut kajian oleh Phares dan Compas (1992), ibu bapa juga didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama. Contohnya, anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang mengambil alkohol dan mengalami kekecewaan didapati lebih bermasalah tingkah laku berbanding ibu bapa yang tidak mengambil alkohol dan sihat.

Dalam konteks tidak formal pula seperti dalam institusi keluarga, ibu bapa perlu sentiasa menyingkirkan sifat negatif daripada menjadi amalan dalam rumahtangga. Bayangkan konflik jiwa kepada anak jika ibu bapa setiap hari menghantar anak ke kelas Fardu Ain tetapi si anak mengetahui ibu bapanya tidak pernah sembahyang atau cuma ke masjid seminggu sekali.

Kajian mendapati bahawa ramai remaja juga tidak memahami ajaran agama dengan baik dan hanya menganggap agama sebagai satu lambang saja, yang hanya dipraktikkan dalam ibadah wajib sahaja (Fadzillah Kamsah, Berita Harian, 22 Mac 2006). Agama bukannya satu lambang semata-mata, tetapi lebih daripada itu iaitu sebagai satu ikutan dan cara hidup. Ramai remaja hari ini tidak memahami dan mendalami ajaran agama. Mereka juga tidak sedar akan peranan agama yang boleh dijadikan pendinding utama kerana tidak ada agama di dunia ini yang membenarkan umatnya hanyut dalam gejala-gejala sosial. Pendidikan agama sejak kecil dan dimulakan di rumah seharusnya menjadi elemen yang penting dalam membentuk moral dan mengatasi masalah sosial ini. Faktor agama memainkan peranan yang dominan bagi membentuk sikap dan nilai yang betul terhadap kehidupan. Institusi keluarga juga amat penting, kerana pada hari ini ramai ibu bapa tidak mempunyai masa yang cukup dengan anak-anak, akibat terlalu sibuk bekerja.

Sebagai contoh, Berita Harian bertarikh 20 Oktober 1998 melaporkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu mendapati keruntuhan institusi keluarga adalah punca utama kepada peningkatan masalah moral di kalangan remaja bawah umur di negeri tersebut.

Menjadi ibu bapa di zaman yang sangat pesat berkembang dan berubah bukan mudah. Para ibu bapa sekarang menghadapi banyak cabaran dan dugaan dalam usaha untuk membesar dan mendidik serta membentuk sahsiah dan akhlak anak-anak mereka. Peringkat yang paling sukar sekali bagi ibubapa ialah peringkat peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada remaja apabila anak-anak mula menunjukkan perubahan dalam tingkah laku, dalam pergaulan, minat, pilihan kawan, peningkatan nafsu syahwat, cara gaya berpakaian dan sebagainya. Inilah peringkat yang penuh dengan berbagai pengaruh serta tekanan luar dan kebanyakannya membawa pengaruh yang tidak baik iaitu yang meleakakan, yang menghayalkan, yang menyelewengkan aqidah, yang akhirnya merosakkan akhlak serta menyebabkan berbagai jenis salahlaku dan jenayah di kalangan remaja.

2.5 Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Kepada Remaja Devian

Keluarga adalah tempat pertama dan paling utama bagi anak dalam mendapatkan pendidikan, kasih sayang, sokongan emosi dan seumpamanya. Kepuasan hubungan kekeluargaan anak dalam keluarga akan menentukan bagaimana anak itu akan bertindak balas terhadap lingkungan keluarga yang ada di sekitarnya. Anak yang dibesarkan dalam keluarga yang tidak harmonis, sukar mengembangkan ketrampilan sosialnya. Ini dapat dilihat daripada kurang saling pengertian serta kurang mampu menyesuaikan diri dengan kehendak ibu bapa dan adik beradik, kurang berkomunikasi secara sihat, kurang mengurus diri, kurang mengadakan kerjasama dan hubungan baik. Oleh itu, adalah sangat penting bagi ibu bapa menjaga hubungan sesama ahli keluarga agar selalu harmonis.

Abdullah Al-Hadi (1993) dalam kajiannya telah mendapati bahawa memang terdapat perkaitan yang signifikan antara kerapatan hubungan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Regoli dan Hewitt (2000), yang menyatakan bahawa anak-anak yang menggemari sikap dan tingkah laku ibu bapanya akan sentiasa menjauhi masalah dalam perhubungan dan akan sentiasa

menghormati dan mengasihi ibu bapa mereka. Kajian yang telah dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN, 1993) telah mendapati bahawa kerengangan hubungan kekeluargaan menjadi punca utama remaja terjebak ke kancah maksiat. Ibu bapa tidak mampu memainkan peranan yang sepatutnya oleh kerana kesibukan bekerja.

Kajian oleh Patterson dan rakan-rakan (1989) dan Yoshikawa (1994) mendapati bahawa kegagalan keluarga dalam berinteraksi secara berkesan dengan anak-anak menyebabkan anak-anak remaja mudah terpengaruh dengan tingkah laku anti sosial. Kekurangan komunikasi yang berkesan dan kasih sayang dalam keluarga turut memainkan peranan dalam pembentukan personaliti devian remaja. Sigurdsson dan rakan-rakan (1996) dan Sokol-Katz dan rakan-rakan (1997) dalam kajiannya menekankan bahawa perkembangan personaliti negatif dan tingkah laku devian adalah hasil daripada kegagalan dalam ikatan kekeluargaan. Di samping itu, kajian juga menunjukkan bahawa remaja yang bertingkah laku devian agresif mempunyai hubungan yang kurang baik dengan ahli keluarga (Coie, et.al., 1992; Henggeler dan Hall, 1992; Stattin dan Magnusson, 1994).

Masalah kurang perhatian yang berlaku di antara remaja dengan ibu bapa mereka telah menjadi perkara biasa dewasa ini. Kajian yang dilakukan di University of Chicago (Czikszenmihalyi, 1977) mendapati purata masa yang dikongsikan oleh remaja dengan ibu bapa mereka hanya sekitar 12 jam sahaja dalam seminggu. Kajian ini juga mendapati ibu bapa semakin kurang meluangkan masa berkualiti bersama anak-anak dan menghabiskan masa dengan menonton televisyen. Kajian lain juga mendapati bahawa remaja yang bertingkah laku anti sosial biasanya kurang diberi perhatian oleh keluarga mereka (Dornbusch, et al., 1985; Forgatch, et al., 1994; Patterson, et al., 1989; Steinberg, et al., 1994).

Satu kajian telah dijalankan oleh Idris (2000), berkaitan fenomena budaya lepak di kalangan remaja di Bandar raya Johor Bahru. Sampel kajian remaja lelaki dan perempuan yang berusia 12 hingga 20 tahun. Dapatan kajian menunjukkan institusi

keluarga adalah punca kebanyakan masalah sosial dan masalah dapat dibendung melalui kasih sayang dan masyarakat umum saling bantu-membantu. Ibu bapa ialah orang paling penting kepada remaja sebagai sumber kasih sayang yang paling utama.

Konflik dengan keluarga juga kerap menyebabkan para pelajar mengalami emosi yang tidak stabil. Apabila ini berlaku, mereka melepaskan geram dengan bertindak melakukan tingkah laku devian atau melanggar peraturan sekolah untuk melepaskan rasa tertekan. Foster dan Clark (1989), telah melakukan kajian ke atas 231 orang pelajar yang berada dalam lingkungan 14 tahun, telah mendapati bahawa pelajar-pelajar yang kerap merasa tidak puas hati terhadap layanan yang diterima daripada keluarga mempunyai korelasi yang signifikan terhadap sikap melanggar disiplin di kalangan pelajar sekolah.

Kajian oleh Smith dan Fontana (1981) juga mendapati tingkah laku delinkuen berlaku kerana kurangnya sokongan dan kasih sayang daripada keluarga, kawalan yang minima daripada keluarga serta keluarga yang berpecah belah. Kasih sayang ibu bapa adalah penting untuk mencegah tingkah laku delinkuen kerana kasih sayang merupakan keperluan utama bagi kanak-kanak dan remaja yang sedang membesar.

2.6 Teori-Teori Tingkah Laku Devian

Terdapat beberapa teori yang dapat menghuraikan tentang tingkah laku devian pelajar. Antara teori yang digunakan ialah :-

2.6.1 Teori Kekecewaan Agressif (Sigmund Freud)

Teori Kekecewaan-Agressif oleh Sigmund Freud (1950) menyatakan bahawa tingkah laku devian agresif ialah salah satu tindak balas semula jadi terhadap kekecewaan yang dialami oleh manusia.

Menurut Sigmund Freud (1950) melalui teori psikoanalisisnya, menyatakan bahawa setiap manusia secara semula jadinya menginginkan keseronokan dan cuba mengelak kesakitan. Jika keinginan untuk memperoleh keseronokan dan mengelak kesakitan terhalang maka seseorang itu menjadi agresif. Seseorang yang agresif mempunyai dorongan naluri dalaman yang berlainan dengan seseorang yang tidak agresif.

Berdasarkan teori psikoanalisis, Kenneth dan Moyer (1961) telah mengemukakan hipotesis kekecewaan-agresif. Menurut teori kekecewaan-agresif, tingkah laku agresif adalah disebabkan oleh kekecewaan. Setiap individu mempunyai kecenderungan secara semula jadi atas faktor biologi menjadi agresif bila kecewa.

Berdasarkan kepada teori psikoanalisis, Dollard dan rakan-rakan (Makzan Musa, 1994) telah mengemukakan hipotesis kekecewaan-agresif. Menurut hipotesis kekecewaan-agresif, tingkah laku agresif adalah disebabkan kekecewaan. Setiap individu mempunyai kecenderungan secara semula jadi atas faktor biologi menjadi agresif bila kecewa.

Durkheim (1987) berpendapat perasaan kecewa yang dialami oleh pelajar merupakan satu faktor penyebab kepada perlakuan gengsterisme di sekolah. Penyelidik ini berpendapat tekanan yang dialami oleh pelajar untuk mencapai gred yang baik dalam peperiksaan dan tindakan disiplin yang keras membangkitkan perasaan kecewa dan seterusnya perlakuan gengsterisme berlaku di sekolah.

2.6.2 Teori Psikososial Erikson

Teori Psikososial yang dikemukakan oleh Erik Erikson (1963), adalah mengenai perkembangan manusia yang lebih menjurus kepada perkembangan identiti. Beliau menegaskan bahawa perkembangan personaliti manusia berlaku secara berterusan sepanjang hayat. Menurut Erikson, pada setiap perkembangan individu terdapat dua komponen iaitu komponen yang bersifat positif dan komponen yang bersifat negatif. Perubahan daripada satu peringkat ke peringkat seterusnya ditandai oleh krisis yang dialami oleh individu itu. Erikson telah mengenengahkan lapan peringkat perkembangan dan pembentukan manusia, iaitu bermula dari lahir hingga ke akhir hayat.

Teori Perkembangan Psikososial Erikson (1963) menyatakan bahawa setiap individu melalui lapan peringkat perkembangan yang dinamakan peringkat psikososial. Setiap peringkat digambarkan oleh pelbagai krisis psikologikal yang mana perlu diselesaikan oleh individu sebelum ke peringkat yang seterusnya. Jika individu menangani krisis tertentu dalam keadaan yang tidak sesuai, maka individu tersebut akan mengalami kesukaran untuk menangani krisis tersebut pada masa akan datang.

Menurut Erikson (1963), krisis identiti keremajaan iaitu pengertian identiti dengan kekeliruan peranan merupakan krisis yang penting. Menurut beliau, setiap tahap mempunyai krisis yang tersendiri. Sekiranya seseorang individu berjaya menangani krisis tersebut dengan baik, maka individu tersebut akan berupaya membentuk identiti diri dan personaliti yang berjaya. Sebaliknya, jika gagal menangani krisis tersebut, maka individu akan berhadapan dengan kekeliruan dan konflik identiti.

Ibu bapa, rakan, guru dan orang-orang yang signifikan dengan remaja mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan identiti remaja. Remaja pada ketika ini berusaha untuk menyelesaikan krisis identiti mereka dengan menguji pelbagai peranan, nilai dan perhubungan. Menurut Gill (1992), perkembangan keremajaan menjadi sinonim dengan tugas untuk membentuk pemilihan identiti sendiri yang unik. Jika remaja gagal dalam pembentukan identiti ini maka akan

wujudlah kekeliruan dan kekecewaan. Tanpa berupaya menilai yang mana baik atau buruk, remaja mula melakukan pelbagai tingkah laku devian seperti tingkah laku agresif, memukul, membuli, gengsterisme dan seumpamanya.

2.6.3 Teori Pembelajaran Sosial (Albert Bandura)

Tingkah laku agresif tidak dapat dinafikan merupakan sebahagian daripada tingkah laku devian. Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura sangat relevan dengan penyelesaian masalah tingkah laku agresif dan keganasan.

Menurut Bandura (1977), Teori Pembelajaran Sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Ini bererti persekitaran dan juga orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku. Bandura (1977) juga menyatakan seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkah laku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya mempersembahkan tingkah laku tersebut. Justeru itu, tingkah laku agresif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga, rakan sebaya, media massa dan konsep sendiri individu (Mahmood, 2001).

Di dalam teori Pembelajaran Sosial Bandura, beliau telah membuat analisis yang menyatakan bagaimana manusia belajar melalui pemerhatian. Pembelajaran adalah melalui peniruan, mengajuk dan memadan. Biasanya, setiap individu terutama kanak-kanak akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Bandura mendapati kanak-kanak akan mencontohi tingkah laku agresif selepas menonton filem yang berunsurkan aksi agresif (Eron, 1982).

Menurut Maarof (2003), Bandura menekankan bahawa manusia belajar dengan cara memerhatikan tingkah laku orang lain. Pembelajaran pemerhatian, yang dinamakan juga sebagai pemodelan, terhasil apabila manusia atau anak-anak memerhatikan tingkah laku orang lain atau mereka yang signifikan dan mencatatkan konsekuensi tingkah laku tersebut. Kebanyakan pola percakapan, gaya pakaian, tingkah laku negatif dan agresif dan pelbagai tingkah laku dipelajari melalui pemodelan. Anak-anak remaja biasanya menjadikan ibu bapa, pelakon filem, ahli sukan, guru dan seumpamanya sebagai model yang menjadi ikutan. Ini menjelaskan kepada kita mengapa tingkah laku berbeza-beza mengikut masyarakat dan budaya.

Albert Bandura menganggap pemodelan merupakan demonstrasi yang penting tentang peranan kognitif dalam pembelajaran. Namun, tidak semestinya semua tingkah laku model ditiru. Anak-anak cenderung meniru tingkah laku yang diberikan penegasan positif berbanding dengan tingkah laku yang diberikan hukuman. Sementara itu, sekiranya tidak diketahui penegasan dan hukuman yang diperolehi, anak-anak atau remaja cenderung meniru tingkah laku model yang berstatus tinggi, menarik, yang disukai, dan berjaya atau malahan mereka mengandaikan bahawa tingkah laku mereka itu sering membawa kepada penegasan.

Bandura telah menjalankan satu kajian di mana beberapa orang kanak-kanak prasekolah telah ditunjukkan adegan seorang dewasa yang memukul patung bernama Bobo. Kemudian, apabila kanak-kanak tadi dibiarkan bersendirian dengan patung tadi, mereka telah memukul patung tersebut sebagai mana telah dilakukan oleh orang dewasa tadi. Kadar tingkah laku agresif adalah sama seperti apa yang telah dilakukan oleh orang dewasa pada sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa amat mudah bagi kanak-kanak meniru sesuatu perlakuan tanpa mengetahui apakah perlakuan tersebut wajar atau tidak.

Dalam satu kajian lain, Bandura membuat perbandingan antara tingkah laku ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif dan anak yang terkawal.

Teori Bandura mengatakan bahawa tingkah laku anak sepatutnya selari dengan tingkah laku ibu bapa. Kajian tersebut mendapati ibu bapa yang mempunyai anak yang terkawal terdiri daripada ibu bapa yang tidak agresif dan boleh mengawal tingkah laku mereka, manakala ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif adalah terdiri daripada mereka yang juga bersikap agresif.

Teori pembelajaran sosial menekankan kepada proses peniruan sebagai bertanggung jawab kepada pembelajaran tingkah laku. Pemerhatian tingkah laku orang lain merupakan sebagai proses peniruan yang akan membentuk tingkah laku devian seseorang. Peniruan melalui pemerhatian merupakan satu proses pembelajaran tanpa penglibatan pengalaman lepas secara langsung (Renfrew, 1997).


2.7 Teori Pembelajaran Sosial Sebagai Model Kajian

Dalam kajian ini penyelidik memilih teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura sebagai model kajian kerana teori ini melihat tingkah laku devian sebagai tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu. Oleh itu pendekatan teori pembelajaran sosial adalah sesuai pada pandangan penyelidik untuk melihat dan menganalisis tingkah laku devian di kalangan pelajar sekolah menengah.

Menurut Bandura (1977), terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku anti sosial pelajar remaja, iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif. Pendekatan teori pembelajaran sosial juga menekankan kepentingan penilaian kognitif dan emosi. Teori ini memperlihatkan pengaruh-pengaruh sedar dan penentu-penentu sosial ke atas personaliti. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan teori pembelajaran sosial sebagai model kajian kerana teori ini menekankan peranan model dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Menurut Bandura (1977), latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku agresif.

Ibu bapa merupakan model utama bagi kanak-kanak. Jika ibu bapa menunjukkan tingkah laku devian yang agresif di hadapan kanak-kanak, maka kanak-kanak akan mudah meniru tingkah laku tersebut. Begitu juga ibu bapa yang sering bertingkah laku devian akan mewariskan tingkah laku tersebut kepada anak-anak mereka. Becker (2003) mengatakan bahawa ketidakseimbangan disiplin dalam sesebuah keluarga akan menyebabkan anak-anak tidak dapat mewujudkan pengawalan diri yang sempurna. Ini seterusnya akan menyebabkan anak-anak mudah terjebak dengan tingkah laku devian. Jika dikaitkan dengan teori pembelajaran sosial, apa yang dilakukan oleh anak-anak merupakan hasil dari pemerhatian dan peniruan daripada ibu bapanya.

Penyelidik juga memilih teori ini kerana dalam teori pembelajaran sosial menekankan aspek interaksi antara manusia dan sekitaran (Bandura, 1977). Beliau menyarankan konsep ‘determinisme timbal balik’ yang mengatakan bahawa manusia mempengaruhi untung nasib dirinya melalui pengawalan kuasa-kuasa di sekitarnya tetapi mereka tetapi mereka juga dipengaruhi oleh kuasa-kuasa sekitaran ini. Keadaan ini merupakan satu proses interaktif, saling berkaitan dan timbal balik antara tingkah laku manusia, sekitaran dan proses dalaman seperti kognisi dan persepsi. Ini bermakna manusia dapat mengawal kehendak dan tingkah laku, sementara sekitaran pula dapat mengawal serta mempengaruhi apa yang dilakukan oleh individu. Berdasarkan semua interaksi ini manusia akan hanya memilih sesuatu yang terbaik daripada beberapa pilihan yang sedia ada. Oleh itu, jika anak-anak menyaksikan tingkah laku devian ibu bapa mereka dan memilih sesuatu situasi devian maka tingkah laku devian adalah merupakan perkara yang terbaik untuknya.



Rajah 1: Konsep Determinisme Timbal Balik Dalam Teori Pembelajaran Sosial.

Dalam Teori Pembelajaran Sosial Bandura dan Mischel (1986), mereka menyatakan ada beberapa perbezaan manusia atau ‘pemboleh ubah individu’ berinteraksi dengan sekitaran bagi mempengaruhi tingkah laku mereka pada masa akan datang. Beberapa angkubah individu tersebut adalah seperti berikut :

- i. Kebolehan - apa yang terupaya atau boleh dilakukan oleh seseorang itu, seperti kecerdasan, kebolehan fizikal dan lain-lain.
- ii. Strategi pengkodan - cara bagaimana manusia memilih dan menumpukan perhatian kepada rangsangan luaran, mengkodkan dan membentuk kategori-kategori yang bermakna bagi dirinya.
- iii. Apa yang diharapkan - hasil daripada sesuatu tingkah laku yang dipaparkan oleh individu berkenaan.
- iv. Nilai subjektif - adakah sesuatu tingkah laku itu lebih bermakna bagi seseorang berbanding dengan individu yang lain.
- v. Sistem pengendalian - apakah cara yang sesuai boleh digunakan oleh seseorang dan perancangan untuk mencapai matlamat.


Melalui pendekatan ini, seseorang itu akan dapat meramal apa yang akan dilakukan oleh seseorang individu lain dalam situasi yang tertentu. Ia juga menyatakan bahawa perbezaan individu dan situasi memainkan peranan penting dalam pembentukan sifatnya. Oleh itu, fenomena-fenomena psikososial seperti tingkah laku devian oleh ibu bapa adalah faktor persekitaran yang akan menyebabkan remaja mempunyai tahap pandangan yang berbeza mengenai tingkah laku devian dan tindakan agresif adalah kesan daripada pembelajaran psikososial melalui peniruan.

Penyelidik juga menggunakan Teori Pembelajaran Sosial sebagai model kajian kerana teori ini menekankan pentingnya peranan model dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang. Latihan pemerhatian atau *modeling* adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku devian agresif (Renfrew, 1997). Ibu bapa merupakan model utama bagi remaja. Jika ibu bapa menunjukkan tingkah laku devian di hadapan mereka, sudah pasti remaja akan meniru tingkah laku tersebut.. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi dapatan kajian Olweus (1978) yang menyatakan salah satu sebab mengapa berlakunya tingkah laku devian di kalangan pelajar agresif ialah kerana berlakunya proses peniruan melalui model.

Teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura (1973) juga merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Oleh itu, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku devian sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ibu bapa mereka. Ingatan ini kemudiannya disimpan di dalam kognitif secara kekal dan remaja akan sukar untuk mengelakkan diri dari bertingkah laku devian dalam kehidupan mereka.

Penggunaan Teori Pembelajaran Sosial diyakini sesuai oleh penyelidik kerana teori ini mengambil kira peranan kognitif dalam pembentukan tingkah laku seseorang remaja. Teori Pembelajaran Sosial merupakan gabungan teori pengukuhan (rangsangan dan tindak balas) dan teori kognitif. Teori Pembelajaran Sosial menjelaskan bahawa tingkah laku manusia akibat daripada pengaruh interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain.

2.8 Kerangka Model Kajian



Rajah 3: Kerangka Model Kajian Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Di Kalangan Pelajar Remaja

2.9 Penutup

Bab ini telah menjelaskan beberapa pandangan para sarjana tentang tingkah laku devian hasil dari peniruan oleh anak-anak terhadap tingkah laku devian orang-orang yang signifikan dengan mereka, khususnya ibu bapa mereka sendiri. Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu jelas membuktikan bahawa tingkah laku devian timbul hasil dari proses peniruan tingkah laku yang telah diperkukuhkan sejak dari zaman kanak-kanak lagi. Zaman perkembangan kanak-kanak dan remaja merupakan zaman yang sangat kritikal dalam kehidupan seseorang individu. Apa juga unsur-unsur negatif yang tidak diinginkan akan mudah meresap ke dalam jiwa kanak-kanak dan remaja. Jika ibu bapa gagal menunjukkan contoh teladan yang baik, maka anak-anak juga dikhuatiri akan gagal mempamerkan tingkah laku yang baik. Hasilnya, pelbagai tingkah laku anti sosial akan menjadi amalan harian anak-anak, dan terus berkembang sehinggalah mereka dewasa kelak.

Oleh itu, institusi kekeluargaan amat penting untuk membendung gejala tidak sihat di kalangan pelajar-pelajar remaja sebagai pewaris bangsa. Ibu bapa sewajarnya menjadi *role model* dalam membentuk tingkah laku yang baik terhadap anak-anak kerana apa jua yang mereka lakukan akan menjadi ikutan oleh anak-anak mereka sendiri. Ibu bapa juga perlu menyedari kepentingan menitik beratkan perkembangan emosi, rohani,

jasmani, intelek dan didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak mereka agar menjadi insan yang berguna kepada masyarakat.

Teori Pembelajaran Sosial telah digunakan dalam menjelaskan tingkah laku devian kesan dari pengaruh persekitaran keluarga terhadap pelajar-pelajar remaja. Kesimpulannya, tingkah laku devian secara keseluruhannya merupakan satu bentuk interaksi yang bersifat negatif antara pelajar remaja dengan keluarga. Tingkah laku devian telah mewujudkan satu lagi masalah sosial di kalangan pelajar-pelajar sekolah di negara kita.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bagi mendapatkan satu hasil kajian yang baik dan boleh dipercayai, metodologi merupakan aspek yang perlu diberi perhatian. Ianya menjamin kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini bersesuaian dengan pemboleh ubah yang hendak dikaji serta hipotesis-hipotesis yang digunakan dalam kajian. Bab ini juga akan menjelaskan tentang metodologi yang digunakan oleh penyelidik untuk menyempurnakan kajian ini. Ianya dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu reka bentuk kajian, tempat kajian, subjek kajian, instrumentasi, kadar pulangan soal selidik, kajian rintis dan analisis data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Menurut Majid (1998), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Jenis penyelidikan ini adalah jenis tinjauan. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar remaja di beberapa buah sekolah di empat buah negeri. Data yang diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang terpilih mewakili populasi iaitu pelajar-pelajar tujuh buah sekolah di Daerah Pontian, Johor. Setiap maklumat telah ditafsirkan secara kuantitatif.

3.2 Tempat Kajian

Jadual 3.1 di bawah menunjukkan taburan sampel bagi setiap sekolah bagi yang dikaji. Kajian dilakukan di beberapa buah sekolah menengah terpilih di Daerah Pontian, Johor. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada latar belakang yang berbeza-beza.

Jadual 3.1: Taburan Sampel Bagi Setiap Sekolah

Bil	Sekolah	Sampel Kajian		
		Lelaki	Perempua n	Jumlah
1	SMK Dato Mohd Yunos Sulaiman	20	10	30
2	SMK Sri Kukup	22	8	30
3	SMK Pekan Nanas	22	8	30
4	SMK Dato Ali Hj Ahmad	20	10	30
5	SMK Sri Perhentian	22	8	30
6	SMK Kayu Ara Pasong	22	8	30
7	SMK Benut	22	8	30
Jumlah		150	60	210

3.3 Subjek Kajian

3.3.1 Populasi

Populasi kajian adalah di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat yang dipilih daripada tujuh buah sekolah menengah harian di Daerah Pontian, Johor.

3.3.2 Sampel Kajian

Menurut Webster (1985), sampel adalah bahagian set responden yang dipilih daripada populasi yang lebih besar untuk tujuan kajian. Manakala menurut

Portney dan Walkin (1993), sampel adalah subset populasi yang dipilih untuk dikaji. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah menengah di Daerah Pontian, Johor. Penggunaan saiz sampel menurut Majid (1998) perlu digalakkan melebihi 30 unit kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit. Dengan pertambahan saiz sampel akan lebih mewakili populasi dan mengurangkan ralat persampelan. Menurut Krejcie dan Morgan (1970), tatacara untuk menentukan persampelan yang betul seperti Jadual 3.2.

Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berasaskan kaedah yang digunakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Menurut Krejcie dan Morgan (1970), tatacara untuk menentukan saiz sampel adalah berdasarkan formula berikut:

$$S = X^2 NP(1-P) \div d^2 (N-P) + X^2 P(1-P),$$

S = saiz sampel

X^2 = Jadual Nilai Khi-kuasa dua untuk 1 darjah kebebasan pada aras keyakinan yang diperlukan 0.05 (3.841)

N = saiz populasi

P = nisbah populasi (dianggarkan sebagai 0.50 untuk memberi saiz sampel yang maksimum).

d = Darjah ketepatan yang dinyatakan sebagai nisbah 0.05

Walaupun bagaimanapun, bagi memudahkan pengiraan, Krejcie dan Morgan (1970) telah menyediakan Jadual Penentuan Saiz Sampel seperti dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970)

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	320
80	66	420	201	3500	346
100	80	500	217	6000	360
150	108	750	254	15000	375
200	132	1000	278	75000	382

Petunjuk: N = Bil. Populasi, S = Bil. Sampel

Sumber: Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.

Sampel kajian terdiri daripada 210 orang pelajar yang dipilih dari beberapa buah sekolah di Daerah Pontian, Johor. Sampel ini dipilih dari kalangan 420 pelajar yang pernah melakukan kesalahan disiplin berdasarkan rekod disiplin sekolah. Kawasan kajian dibahagikan kepada empat buah zon dalam Daerah Pontian, iaitu Zon Pekan Nanas, Zon Bandar, Zon Kukup dan Zon Benut. Beberapa buah sekolah menengah di setiap zon tersebut dipilih oleh penyelidik untuk dijadikan sampel kajian. Seramai 30 orang pelajar dari setiap sekolah telah dipilih berdasarkan rekod disiplin mereka untuk menjadi bahan kajian.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Cates (1980) pula berpendapat, penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan

dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia merupakan cara yang paling sesuai digunakan. Dengan menggunakan soal selidik juga responden tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkan mereka menjawab dengan jujur (Cockburn, 1996). Pembinaan soal selidik ini telah dilakukan berdasarkan beberapa andaian yang telah dicadangkan oleh Wolf (1988) iaitu:

- i. Responden mudah membaca dan memahami item-item soal selidik
- ii. Responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik
- iii. Responden menjawab soal selidik secara suka rela dan ikhlas

Penggunaan soal selidik tertutup adalah baik kerana ia tidak memerlukan subjek berfikir atau melahirkan idea-idea baru terhadap sesuatu soalan (Kerlinger, 1986). Data-data yang diperolehi juga akan disusun secara teratur, jelas dan seterusnya dapatan dianalisis daripada jawapan yang diberikan untuk ditafsirkan dengan lebih berkesan. Soal selidik dalam bahagian ini dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu :

BAHAGIAN A: Latar belakang responden dan keluarga.

BAHAGIAN B: Soal selidik ciri-ciri tingkah laku ibu bapa / penjaga.
(fizikal, verbal dan anti sosial).

BAHAGIAN C: Soal selidik tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama.

BAHAGIAN D: Soal selidik corak gaya asuhan ibu bapa terhadap remaja
(autoritarian, autoritatif dan permisif).

BAHAGIAN E: Soal selidik tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja.

BAHAGIAN F: Soal selidik kekerapan tingkah laku devian remaja
(fizikal, verbal, seksual dan anti sosial).

3.4.1 Bahagian A: Soal Selidik Latar Belakang Responden Dan Keluarga

Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu jantina, prestasi akademik, lokasi sekolah, bilangan adik-beradik, taraf pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan pendapatan keluarga. Responden perlu menjawab dengan menandakan (√) pada ruangan yang disediakan mengikut kesesuaian maklumat yang ada dan menyatakan maklumat yang diperlukan. Kaedah ini mampu memberikan maklumat tepat yang dikehendaki (Borg dan Gall, 1983).

3.4.2 Bahagian B: Soal Selidik Ciri-Ciri Tingkah Laku Ibu Bapa / Penjaga (Fizikal, Verbal dan Anti Sosial)

Bahagian B ialah soal selidik tentang ciri-ciri tingkah laku ibu bapa yang menjadi amalan harian. Soal selidik Parental Behaviour Inventory (PBI) adalah berdasarkan kepada soal selidik yang telah dibentuk oleh Schaefer (1968). Soal selidik tersebut telah diubahsuai berdasarkan konteks masyarakat dan budaya Malaysia. PBI mengandungi dua puluh pernyataan untuk mengenalpasti ciri-ciri tingkah laku ibu bapa yang menjadi amalan harian. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut :

- 1 Sangat tidak setuju
- 2 Tidak setuju
- 3 Kurang setuju
- 4 Setuju
- 5 Sangat setuju

Jadual 3.3: Pembahagian item berdasarkan tingkah laku ibu bapa

Komponen Item	No. Item	Jumlah
Fizikal	1, 5, 7, 11, 14, 17	6
Verbal	2, 4, 6, 12, 19	5
Anti sosial	3, 8, 9, 10, 13, 15, 16, 18, 20	9
Jumlah Item		20

3.4.3 Bahagian C: Soal Selidik Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama

Bahagian C adalah soal selidik tahap kepatuhan ibu bapa terhadap suruhan agama. Soal selidik ini adalah berdasarkan kepada soal selidik yang telah dibentuk oleh penyelidik berdasarkan perbincangan dengan pakar-pakar dalam bidang ini. Soal selidik tersebut telah diubahsuai berdasarkan konteks masyarakat dan budaya Malaysia. Soal selidik ini digunakan untuk mengetahui sama ada amalan dan didikan agama oleh ibu bapa mempengaruhi tingkah laku remaja. Soal selidik ini mengandungi 20 item yang terbahagi kepada 2 jenis subskala iaitu kepatuhan ibu bapa terhadap suruhan agama dan tingkah laku ibu bapa yang bertentangan dengan suruhan agama. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut;

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Kurang setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

Jadual 3.4: Pembahagian item kepatuhan ibu bapa terhadap agama

Komponen Item	No. Item	Jumlah
Kepatuhan ibu bapa terhadap suruhan agama	1, 2, 3, 4, 5, 6, 15, 17, 18	9
Tingkah laku ibu bapa yang berlawanan dengan suruhan agama	7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 16, 19, 20	11
Jumlah item		20

3.4.4 Bahagian D: Soal Selidik Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Remaja (autoritarian, autoritatif dan permisif)

Bahagian D adalah soal selidik berkaitan corak gaya asuhan ibu bapa terhadap remaja. Soal Selidik ini diadaptasi dari '*Paulson's Perception of Parenting Scale*' yang dibangunkan oleh Paulson (1994) Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui corak gaya asuhan ibu bapa iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif yang mempengaruhi tingkah laku remaja. Soal selidik dibahagikan kepada 3 jenis subskala iaitu gaya asuhan autoritarian, gaya asuhan autoritatif dan gaya asuhan permisif. Untuk memudahkan responden menjawab, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Kurang setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

Jadual 3.5: Pembahagian Item Berdasarkan Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa

Komponen Item	No. Item	Jumlah
Gaya asuhan autoritarian	2, 3, 4, 10, 11, 14, 19	7
Gaya asuhan autoritatif	9, 12, 13, 15, 16, 18	6
Gaya asuhan permisif	1, 5, 6, 7, 8, 17, 20	7
Jumlah Item		20

3.4.5 Bahagian E: Soal Selidik Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja

Bahagian E ialah soal selidik berkaitan dengan tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja. Soal selidik ini telah dicipta oleh Benda (1995) dan telah digunakan dalam kebanyakan kajiannya. Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui

tahap hubungan kasih sayang antara ibu bapa dan remaja. Soal selidik ini mengandungi 20 item yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu menunjukkan sifat sayang dan penolakan. Untuk memudahkan responden membuat persepsi tentang tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut :

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Kurang setuju
4. Setuju
5. Sangat setuju

Jadual 3.6: Pembahagian Item Tahap Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja

Komponen Item	No. Item	Jumlah
Menunjukkan sifat kasih sayang	1, 2, 4, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 14, 16, 17, 18, 19, 20	15
Penolakan	3, 5, 6, 13, 15	5
Jumlah item		20

3.4.6 Bahagian F: Soal Selidik Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja

Soal selidik tahap tingkah laku devian yang diadaptasi daripada soal selidik ‘*Delinquency Scale*’ oleh Junger (1997). Soal selidik ini bertujuan untuk mengukur kekerapan tingkah laku devian pelajar yang mengandungi 37 item dan dibahagikan kepada kelangsangan fizikal, verbal, seksual dan anti-sosial. Untuk memudahkan responden membuat persepsi tentang tahap tingkah laku devian, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut :

1. Tidak pernah (Tiada)
2. Jarang (1 atau 2 kali dalam masa 6 bulan)

3. Kadang-kadang (1 atau 2 kali sebulan)
4. Kerap kali (1 atau 2 kali seminggu)
5. Selalu (Setiap hari)

Jadual 3.7: Pembahagian Item Berdasarkan Kekerapan Tingkah Laku Devian

Komponen Item	No. Item	Jumlah
Fizikal	1, 2, 3, 6, 8, 21, 22, 28, 29, 33	10
Verbal	5, 23, 31, 32, 37	5
Seksual	10, 11, 12, 13, 14, 15	6
Anti-Sosial	4, 7, 9, 16, 17, 18, 19, 20, 24, 25, 26, 27, 30, 34, 35, 36, 38, 39, 40	19
Jumlah Item		40

3.4.7 Pemarkatan Skor Faktor-Faktor Paling Dominan

Jadual 3.8 menunjukkan pemarkatan faktor-faktor persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja dan kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja. Ianya digunakan untuk menentukan faktor paling dominan dari aspek ciri-ciri tingkah laku ibu bapa / penjaga, tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama, corak gaya asuhan ibu bapa terhadap remaja, tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja dan kekerapan tingkah laku devian remaja berdasarkan kepada persoalan kajian. Tahap pemarkatan tersebut dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Pembahagian skor atau markat bagi setiap tahap adalah seperti berikut :-

Jadual 3.8: Pemarkatan Skor Dan Tahap

Tahap	Markat
Rendah	1.00 hingga 2.33
Sederhana	2.34 hingga 3.67
Tinggi	3.68 hingga 5.00

3.4.8 Interpretasi Jadual

Jadual 3.9 menunjukkan Jadual Guilford's Rule of Thumb. Guilford (1956) telah memberikan interpretasi umum terhadap korelasi. Guilford's Rule of Thumb digunakan untuk menginterpretasi kekuatan hubungan antara pemboleh ubah berkaitan. Formula ini digunakan untuk mengukur korelasi sesuatu hubungan sama ada sangat kuat, kuat, sederhana, lemah dan sangat lemah. Interpretasinya adalah seperti berikut :-

Jadual 3.9: Guilford's Rule of Thumbs

Nilai Pekali Korelasi (r)	Tafsiran Hubungan
Lebih daripada 0.9	Korelasi sangat kuat
0.90 hingga 0.70	Korelasi kuat
0.70 hingga 0.40	Korelasi sederhana
0.40 hingga 0.20	Korelasi lemah
Kurang daripada 0.2	Korelasi sangat lemah

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum memulakan kajian di sekolah-sekolah, penyelidik akan memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Setelah kebenaran diperolehi, penyelidik akan mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri bagi menggunakan pelajar sekolah sebagai sampel kajian. Proses pengumpulan data pula menggunakan soal selidik yang diedarkan ke sekolah-sekolah melalui guru disiplin dan kaunselor sekolah. Penyelidik akan pergi sendiri ke sekolah-sekolah terlibat untuk mengedarkan soal selidik, menerangkan tatacara menjawab soal selidik, taklimat pentadbiran kepada pihak sekolah dan memungut soal selidik untuk tindakan selanjutnya.

3.6 Analisis Data

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Analisis deskriptif dan peratus digunakan untuk menentukan kekerapan dan tahap tingkah

laku devian di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang dikaji. Analisis kekerapan dan peratusan digunakan untuk melihat taburan latar belakang responden seperti jantina, keturunan, kemudahan media dan liputan media yang diterima. Untuk tujuan pengujian hipotesis, statistik ujian-t digunakan. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan adalah 'Statistical Package for the Social Science' (SPSS) Versi 11.5.

3.6.1 Min

Penggunaan dan pengiraan min bagi item-item dalam Bahagian F merupakan penilaian setiap pembolehubah yang sangat penting dalam kajian ini. Min adalah purata dengan mencampurkan semua skor dibahagi dengan jumlah responden atau item. Nilai ini menerangkan kecenderungan setiap pembolehubah secara purata. Menurut Muhammad Najib Abdul Ghafar (1999), analisis skor min boleh digunakan untuk menentukan setiap tahap kecenderungan respon dalam penilaian setiap persoalan kajian. Jadual 3.10 menunjukkan penggunaan min untuk menilai kekerapan tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja.

3.6.2 Ujian-t

Ujian-t merupakan satu kaedah statistik yang sangat berguna untuk membandingkan perbezaan min antara dua kumpulan. Dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk membandingkan perbezaan tingkah laku devian antara pelajar lelaki dan perempuan.

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, Jadual 3.11 menunjukkan ringkasan statistik yang digunakan.

Jadual 3.11: Jadual Ringkasan Pengujian Statistik Objektif Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Jenis Statistik
1	Mengenal pasti ciri-ciri tingkah laku ibu bapa yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian.	Min Kekerapan Peratusan Sisihan Piawai
2	Mengenal pasti tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja devian.	Min Sisihan Piawai
3	Mengenal pasti jenis-jenis gaya asuhan ibu bapa remaja devian yang dominan.	Min Kekerapan Peratusan Sisihan Piawai
4	Mengenal pasti tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian.	Min, Sisihan Piawai
5	Mengenal pasti kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja.	Min Kekerapan Peratusan Sisihan Piawai
6	Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara faktor tingkah laku ibu bapa, gaya asuhan ibu bapa, kepatuhan ibu bapa kepada agama dan kasih sayang dengan kekerapan tingkah laku devian remaja.	Korelasi Pearson
7	Mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara kekerapan tingkah laku devian dengan jantina.	Ujian t

3.7 Kajian Rintis

Menurut Polit et al. (2001), kajian rintis adalah merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Baker (1994) pula berpendapat, kajian rintis boleh merupakan pra ujian untuk mencuba instrumen kajian yang khusus. Kajian rintis dapat membantu penyelidik memperoleh pertunjuk awal tentang mana-mana bahagian kajian yang mungkin tidak tepat atau gagal. Ianya juga membolehkan penyelidik mengenal pasti sebarang kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaiki kelemahan tersebut.

Menurut Borg dan Gall (1983), kajian rintis ialah satu kajian yang dilaksanakan sebelum set soal selidik diedarkan kepada responden sebenar. Tujuan utama kajian rintis

dijalankan ialah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah penting bagi memastikan maklumat yang diperolehi mencapai matlamat penyelidikan. Kajian rintis juga dapat digunakan untuk menguji kefahaman responden terhadap konsep-konsep yang digunakan dalam instrumen kajian khususnya mengenai kekurangan, kekeliruan dan kekaburan bahasa instrumen (Wiersma, 2000). Kajian rintis membolehkan penyelidik mengenal pasti kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaikinya supaya tidak menjejaskan hasil kajian. Kajian rintis juga dijalankan bagi memastikan item-item yang digunakan mempunyai kerangka rujukan yang sama di antara responden dengan penyelidik.

Kajian rintis ini telah dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Seramai 30 orang pelajar bermasalah disiplin yang telah dipilih telah digunakan untuk menguji sama ada mereka dapat memahami item-item yang digunakan dalam soal selidik yang telah diterjemahkan. Peringkat pertama kajian rintis telah dijalankan pada minggu pertama bulan September 2006. Peringkat kedua pula telah dijalankan pada minggu keempat Bulan September 2006. Kajian rintis ini telah dijalankan di dalam bilik tertutup atau bilik-bilik khas yang disediakan oleh pihak sekolah-sekolah yang terlibat dan dikendalikan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan guru kaunselor atau guru disiplin.

3.7.1 Kesahan Instrumen

Menurut Majid (1998), pengujian tahap kesahan adalah penting untuk memastikan item yang dibuat adalah bersesuaian dengan responden yang hendak diuji. Dalam ujian psikologi seperti yang digunakan dalam kajian ini penyelidik memfokuskan kepada kesahan konstrak dalam membina item-item. Bagi menentukan kesahan instrumen kajian ini, penyelidik meminta bantuan daripada pakar-pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidang psikologi pendidikan.

3.7.2 Kebolehpercayaan Instrumen

Dalam kajian rintis yang pertama sebanyak 30 set borang soal selidik yang mengandungi 129 item diedarkan kepada responden untuk dijawab dan penyelidik mengumpulnya sendiri sejeurus selepas responden selesai menjawab. Semasa menjawab pelajar-pelajar boleh bertanya kepada penyelidik jika terdapat perkataan-perkataan yang tidak difahami. Pada minggu keempat bulan September 2006 kajian rintis kali kedua dijalankan dan pelajar yang sama akan digunakan untuk menjawab soal selidik ini. Setelah kajian rintis kali pertama dan kedua dibuat, penyelidik menilai skor pelajar-pelajar bagi item-item dalam soal selidik tersebut. Skor-skor daripada kedua-dua soal selidik ini akan dikolerasikan dengan menggunakan Kolerasi Pearson untuk mencari hubungan atau kaitan antara dua pembolehubah tersebut. Jika nilai kolerasi yang diperolehi mempunyai nilai kolerasi 0.8 atau lebih, maka korelasi ini menunjukkan soal selidik mempunyai kesahan yang baik. Sekiranya kolerasi sederhana atau rendah (kurang daripada nilai 0.8), item adalah tidak baik dan perlu dibaiki semula.

Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan komputer dengan menggunakan perisian 'Statistical Package for the Social Science' (SPSS) Versi 11.5. Setelah analisis dibuat, didapati pekali Alpha Cronbach bagi keseluruhan item persoalan adalah seperti berikut :

Jadual 3.11: Jadual Keputusan Analisis Nilai Kebolehpercayaan Kajian

Item Persoalan	Pekali Alpha
Ciri-ciri tingkah laku ibu bapa / penjaga	0.8267
Tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama	0.4043
Corak gaya asuhan ibu bapa terhadap remaja	0.6143
Tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja	0.8013
Kekerapan tingkah laku devian remaja	0.9275
Keseluruhan Item	0.8401

3.8 Penutup

Dalam bab ini, penyelidik menerangkan tentang cara serta kaedah yang digunakan berdasarkan kepada reka bentuk kajian, sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan pentadbiran soal selidik, analisis data, kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Ini bertujuan untuk mendapatkan hasil kajian yang sah supaya dapatan kajian adalah sahih dan boleh dipertanggungjawabkan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan analisis data secara deskriptif dan inferensi. Perbincangan deskriptif menumpukan kepada penghuraian latar belakang diri responden, manakala penganalisan inferensi pula melibatkan kaedah statistik analisis min dan ujian korelasi pearson-r untuk melihat hubungan pembolehubah yang dikaji berdasarkan hipotesis yang telah dibentuk. Analisis yang dibuat juga akan menjawab persoalan-persoalan yang telah dikemukakan dalam bab pertama.

4.1 Huraian Latar Belakang Responden

Responden kajian adalah terdiri daripada 210 orang pelajar daripada tujuh buah sekolah dalam Daerah Pontian, Johor yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat. Latar belakang responden melibatkan aspek-aspek jantina, pencapaian peperiksaan PMR, lokasi sekolah, tinggal bersama siapa, bilangan adik-beradik, taraf pendidikan ibu dan bapa, pekerjaan ibu dan bapa serta jumlah pendapatan ibu dan bapa.

4.1.1 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 150 orang (71.4 peratus) terdiri daripada pelajar lelaki manakala selebihnya iaitu 60 orang (28.6 peratus) adalah pelajar perempuan.

Jadual 4.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	150	71.4
Perempuan	60	28.6
Jumlah	210	100.0

4.1.2 Taburan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Akademik

Tahap pencapaian akademik responden diukur melalui keputusan peperiksaan PMR yang diperolehi oleh mereka. Tahap pencapaian akademik responden dibahagikan kepada dua kategori iaitu lulus atau gagal peperiksaan tersebut. Melalui jawapan yang diberikan dalam borang soal selidik, penyelidik dapat mengenal pasti sama ada mereka lulus iaitu lulus sekurang-kurangnya pangkat D dalam setiap mata pelajaran. Sekiranya mereka memperolehi pangkat E dalam salah satu mata pelajaran, mereka dianggap gagal dalam keseluruhan peperiksaan tersebut. Berdasarkan Jadual 4.2, didapati bahawa 99 orang (47.1 peratus) telah lulus Peperiksaan PMR manakala selebihnya iaitu 111 orang (52.9 peratus) gagal.

Jadual 4.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Berdasarkan Pencapaian Dalam Peperiksaan PMR

Pencapaian dalam PMR	Bilangan	Peratus
Lulus	99	47.1
Gagal	111	52.9
Jumlah	210	100.0

4.1.3 Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah

Lokasi kajian yang dijalankan dibahagikan kepada dua kawasan, iaitu sekolah di kawasan bandar dan sekolah di kawasan luar bandar. Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut lokasi sekolah. Seramai 60 orang (28.6 peratus) responden bersekolah di kawasan bandar manakala 150 orang (71.4 peratus) bersekolah di kawasan luar bandar.

Jadual 4.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Lokasi Sekolah

Lokasi sekolah	Bilangan	Peratus
Bandar	60	28.6
Luar bandar	150	71.4
Jumlah	210	100.0

4.1.4 Taburan Responden Berdasarkan Dengan Siapa Mereka Tinggal

Jadual 4.4 menunjukkan taburan responden berdasarkan dengan siapa responden tinggal. Hasil soal selidik, didapati 180 orang (85.7 peratus) tinggal dengan ibu bapa, 11 orang (5.2 peratus) tinggal dengan ibu sahaja, 4 orang (1.9 peratus) tinggal dengan bapa sahaja manakala selebihnya iaitu 15 orang (7.2 peratus) tinggal dengan penjaga seperti datuk, nenek, bapa saudara, abang atau pun kakak.

Jadual 4.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Dengan Siapa Mereka Tinggal

Tinggal dengan siapa	Bilangan	Peratus
Ibu dan bapa	180	85.7
Ibu sahaja	11	5.2
Bapa sahaja	4	1.9
Penjaga	15	7.2
Jumlah	210	100.0

4.1.5 Taburan Responden Mengikut Bilangan Adik-Beradik

Taburan bilangan adik-beradik responden dibahagikan kepada empat kategori, iaitu 1 orang, 2 hingga 3 orang, 4 hingga 5 orang dan lebih daripada 5 orang. Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut bilangan adik-beradik iaitu mereka yang tidak mempunyai adik beradik lain adalah seramai 2 orang (1.0 peratus), bilangan adik-beradik dua hingga tiga orang adalah seramai 56 orang (26.7 peratus), bilangan adik-beradik empat hingga lima orang adalah seramai 91 orang (43.3 peratus) dan mereka yang mempunyai bilangan adik-beradik melebihi lima orang adalah seramai 61 orang (29.0 peratus).

Jadual 4.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Bilangan Adik Beradik

Bilangan adik-beradik	Bilangan	Peratus
1 orang sahaja	2	1.0
2 hingga 3 orang	56	26.7
4 hingga 5 orang	91	43.3
Lebih daripada 5 orang	61	29.0
Jumlah	210	100.0

4.1.6 Tahap Pendidikan Bapa

Tahap pendidikan bapa dibahagikan kepada lapan kategori, iaitu ijazah, diploma, STPM, SPM, SRP/LCE, Darjah 6/sekolah rendah, tidak bersekolah dan lain-lain kelulusan. Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan bapa mereka. Bilangan bapa responden yang mempunyai ijazah adalah seramai 6 orang (2.9 peratus), diploma seramai 7 orang (3.3 peratus), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) seramai 14 orang (6.7 peratus), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 81 orang (38.6 peratus), Sijil Rendah Pelajaran (SRP/LCE) seramai 40 orang (19.0 peratus), tamat Darjah 6 atau sekolah rendah seramai 58 orang (27.6 peratus), tidak bersekolah seramai 3 orang (1.4 peratus)

dan selebihnya yang mempunyai lain-lain kelulusan seperti Sijil Persekolahan Agama seramai 1 orang sahaja (0.5 peratus).

Jadual 4.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Bapa

Tahap Pendidikan Bapa	Bilangan	Peratus
Ijazah	6	2.9
Diploma	7	3.3
STPM	14	6.7
SPM	81	38.6
SRP/LCE	40	19.0
Darjah 6/ Sekolah Rendah	58	27.6
Tidak bersekolah	3	1.4
Lain-lain kelulusan	1	0.5
Jumlah	210	100.0

4.1.7 Tahap Pendidikan Ibu

Tahap pendidikan ibu dibahagikan kepada lapan kategori, iaitu ijazah, diploma, STPM, SPM, SRP/LCE, Darjah 6/sekolah rendah, tidak bersekolah dan lain-lain kelulusan. Jadual 4.7 menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan ibu mereka. Bilangan ibu responden yang mempunyai ijazah adalah seramai 7 orang (3.3 peratus), diploma seramai 2 orang (0.9 peratus), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) seramai 22 orang (10.5 peratus), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 79 orang (37.6 peratus), Sijil Rendah Pelajaran (SRP/LCE) seramai 35 orang (16.7 peratus), tamat Darjah 6 atau sekolah rendah seramai 60 orang (28.6 peratus), tidak bersekolah seramai 4 orang (1.9 peratus) dan selebihnya yang mempunyai lain-lain kelulusan seperti Sijil Persekolahan Agama seramai 1 orang sahaja (0.5 peratus).

Jadual 4.7: Taburan Bilangan Dan Peratus Responden Mengikut Tahap Pendidikan Ibu

Tahap Pendidikan Ibu	Bilangan	Peratus
Ijazah	7	3.3
Diploma	2	0.9
STPM	22	10.5
SPM	79	37.6
SRP/LCE	35	16.7
Darjah 6/ Sekolah Rendah	60	28.6
Tidak bersekolah	4	1.9
Lain-lain kelulusan	1	0.5
Jumlah	210	100.0

4.1.8 Jenis Pekerjaan Bapa

Pekerjaan bapa responden dibahagikan kepada tujuh kategori, iaitu bekerja kerajaan, swasta, kilang, buruh, bekerja sendiri, berniaga dan tidak bekerja. Jadual 4.8 menunjukkan taburan responden mengikut jenis pekerjaan bapa mereka. Bilangan bapa responden yang bekerja kerajaan adalah seramai 53 orang (25.2 peratus), bekerja swasta seramai 22 orang (10.5 peratus), bekerja kilang seramai 16 orang (7.6 peratus), bekerja sebagai buruh seramai 66 orang (31.4 peratus) bekerja sendiri seramai 35 orang (16.7 peratus) berniaga seramai 8 orang (3.8 peratus) manakala selebihnya bapa yang tidak bekerja seramai 8 orang (3.8 peratus).

Jadual 4.8: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Bapa

Pekerjaan Bapa	Bilangan	Peratus
Kerajaan	53	25.2
Swasta	22	10.5
Kilang	16	7.6
Buruh	66	31.4
Bekerja sendiri	35	16.7
Berniaga	8	3.8
Tidak bekerja	10	4.8
Jumlah	210	100.0

4.1.9 Pekerjaan Ibu

Pekerjaan ibu responden dibahagikan kepada tujuh kategori, iaitu bekerja kerajaan, swasta, kilang, buruh, bekerja sendiri, berniaga dan tidak bekerja. Jadual 4.9 menunjukkan taburan responden mengikut jenis pekerjaan ibu mereka. Bilangan ibu responden yang bekerja kerajaan adalah seramai 23 orang (10.9 peratus), bekerja swasta seramai 6 orang (2.9 peratus), bekerja kilang seramai 44 orang (21.0 peratus), bekerja sebagai buruh seramai 15 orang (7.1 peratus) bekerja sendiri seramai 5 orang (2.4 peratus) berniaga seramai 15 orang (7.1 peratus) manakala bilangan ibu yang tidak bekerja pula adalah seramai 102 orang (48.6 peratus).

Jadual 4.9: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Ibu

Pekerjaan Ibu	Bilangan	Peratus
Kerajaan	23	10.9
Swasta	6	2.9
Kilang	44	21.0
Buruh	15	7.1
Bekerja sendiri	5	2.4
Berniaga	15	7.1
Tidak bekerja	102	48.6
Jumlah	210	100.0

4.1.10 Jumlah Pendapatan Bulanan Ibu Bapa Atau Penjaga

Jadual 4.10 menunjukkan taburan responden mengikut jumlah pendapatan bulanan ibu dan bapa mereka. Jumlah pendapatan ibu bapa atau penjaga sebulan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kurang dari RM1000, RM 1000 hingga RM3000 dan lebih dari RM3000. Daripada soal selidik, didapati bahawa 110 orang (52.4 peratus) berpendapatan kurang dari RM1000 sebulan, 87 orang (41.4 peratus) berpendapatan RM1000 hingga 3000 sebulan dan selebihnya iaitu seramai 13 orang (6.2 peratus) berpendapatan melebihi RM3000 sebulan. Jumlah pendapatan minima yang dicatatkan ialah sebanyak RM300 sebulan manakala jumlah pendapatan maksima ialah RM4500 sebulan. Purata jumlah pendapatan bulanan pula ialah RM1164.29.

Jadual 4.10: Taburan Bilangan Dan Peratusan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Bulanan Ibu Bapa Atau Penjaga

Jumlah Pendapatan Bulanan Ibu dan bapa	Bilangan	Peratus
Kurang daripada RM1000	110	52.4
RM1000 hingga RM3000	87	41.4
Lebih daripada RM3000	13	6.2
Jumlah	210	100.0

Minimum=RM300 Maksimum=4500 Julat=RM4200 Min=RM1164.29

4.2 Analisis Dapatan Kajian Berdasarkan Persoalan Kajian

Berdasarkan soal selidik yang telah dikemukakan, item-item dibahagikan kepada lima kategori iaitu Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D, Bahagian E dan Bahagian F.

Bahagian B mengandungi 20 item mengenai ciri-ciri tingkah laku ibu bapa. Bahagian C mengandungi 20 item mengenai tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama. Bahagian D mengandungi 20 item berkaitan corak gaya asuhan ibu bapa terhadap remaja. Bahagian E mengandungi 20 item mengenai tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja. Manakala Bahagian F pula mengandungi 40 item mengenai kekerapan tingkah laku devian remaja.

4.2.1 Persoalan Kajian 1: Apakah Ciri-Ciri Tingkah Laku Ibu Bapa (Fizikal, Verbal dan Anti Sosial) Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian ?

Analisis bagi menentukan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian telah dilakukan dengan menggunakan min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Bagi mendapatkan hasil yang lebih jelas, item-item telah dibahagikan kepada tiga aspek iaitu ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dari aspek fizikal, verbal dan anti sosial.

4.2.1.1 Analisis Deskriptif Ciri-Ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal

Jadual 4.11 menunjukkan taburan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa remaja dari aspek tingkah laku fizikal berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Bapa saya seorang yang sangat garang” mencatat min tertinggi iaitu 2.75 dan sisihan piawai 1.06. Sebanyak 18.1 peratus responden menjawab sangat tidak

setuju, 14.8 peratus tidak setuju, 44.3 peratus kurang setuju, 20.0 peratus setuju dan 2.9 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Bapa saya merokok di hadapan saya” mencatat min 2.51 dan sisihan piawai 1.52. Sebanyak 41.9 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 10.5 peratus tidak setuju, 16.7 peratus kurang setuju, 16.2 peratus setuju dan 14.8 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya memukul saya apabila saya melakukan kesalahan”, menunjukkan 38.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 23.8 peratus tidak setuju, 18.6 peratus kurang setuju, 13.3 peratus setuju dan 5.7 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 2.24 dan sisihan piawai 1.25.

Pernyataan “Ibu atau bapa saya selalu menghukum saya walau pun saya melakukan kesalahan yang kecil” menunjukkan seramai 58.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 21.0 peratus tidak setuju, 13.3 peratus kurang setuju, 3.8 peratus setuju dan 3.3 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.72 dan sisihan piawai 1.05.

Bagi pernyataan “Bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal bila bertengkar dengan ibu” mencatat min 1.35 dan sisihan piawai 0.92. Sebanyak 83.3 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 7.1 peratus tidak setuju, 5.2 peratus kurang setuju dan 4.3 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.97 dan sisihan piawai ialah 0.58. Ini menunjukkan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dari aspek fizikal yang memberi kesan kepada tingkah laku devian remaja adalah pada tahap rendah.

Jadual 4.11: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal (n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Bapa saya seorang yang sangat garang	18.1	14.8	44.3	20.0	2.9	2.75	1.06
Bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal bila bertengkar dengan ibu	83.3	7.1	5.2	0	4.3	1.35	0.92
Ibu/bapa selalu menghukum walau pun saya melakukan kesalahan yang	58.6	21.0	13.3	3.8	3.3	1.72	1.05
Bapa saya merokok di hadapan saya	41.9	10.5	16.7	16.2	14.8	2.51	1.52
Ibu/bapa memukul saya apabila saya melakukan kesalahan	38.6	23.8	18.6	13.3	5.7	2.24	1.25
Ibu/bapa saya suka mengambil barang kepunyaan orang lain tanpa kebenaran	85.7	7.6	4.8	1.0	1.0	1.24	0.67

Min keseluruhan = 1.97 Sisihan Piawai = 0.58

4.2.1.1.1 Taburan Tahap Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian

Jadual 4.11.1 menunjukkan taburan tahap tingkah laku ibu bapa dari aspek tingkah laku fizikal yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian. Dapatan kajian menunjukkan seramai 162 orang (77.1 peratus) berada pada tahap yang rendah, 47 orang (22.4 peratus) tahap sederhana dan selebihnya 1 orang (0.5 peratus) berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.11.1: Taburan Tahap Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	162	77.1
Sederhana	47	22.4
Tinggi	1	0.5
Jumlah	210	100

4.2.1.2 Analisis Deskriptif Ciri-Ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian Dari Aspek Tingkah Laku Verbal

Jadual 4.12 menunjukkan taburan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa remaja dari aspek tingkah laku verbal berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu saya selalu berleter tentang tingkah laku saya” mencatat min tertinggi iaitu 3.20 dan sisihan piawai 1.13. Sebanyak 8.1 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 19.0 peratus tidak setuju, 29.0 peratus kurang setuju, 31.9 peratus setuju dan 11.9 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu dan bapa saya selalu bertengkar” mencatat min 1.83 dan sisihan piawai 1.16. Sebanyak 56.2 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 20.5 peratus tidak setuju, 11.9 peratus kurang setuju, 6.7 peratus setuju dan 4.8 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu saya suka mengata-ngata orang lain (jiran/saudara mara)” menunjukkan 58.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 20.5 peratus tidak setuju, 11.0 peratus kurang setuju, 9.0 peratus setuju dan 1.0 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.73 dan sisihan piawai 1.04.

Pernyataan “Ibu atau bapa saya memaki hamun apabila marah” menunjukkan seramai 65.7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 16.7 peratus tidak setuju, 12.4 peratus kurang setuju dan 5.2 peratus setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.57 dan sisihan piawai 0.90

Bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya suka bercakap bohong” mencatat min 1.42 dan sisihan piawai 0.80. Sebanyak 77.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 6.7 peratus tidak setuju, 5.7 peratus kurang setuju, 7.1 peratus setuju dan 2.9 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.95 dan sisihan piawai ialah 0.69. Ini menunjukkan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dari aspek verbal yang memberi kesan kepada tingkah laku devian remaja adalah pada tahap rendah.

Jadual 4.12: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Verbal (n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu saya selalu berleter tentang tingkah laku saya	8.1	19.0	29.0	31.9	11.9	3.2	1.13
Ibu dan bapa saya selalu bertengkar	56.2	20.5	11.9	6.7	4.8	1.83	1.16
Ibu saya suka mengata-ngata orang lain (jiran/saudara mara).	58.6	20.5	11.0	9.0	1.0	1.73	1.04
Ibu/bapa saya memaki hamun apabila marah	65.7	16.7	12.4	5.2	0	1.57	0.90
Ibu/bapa saya suka bercakap bohong	77.6	6.7	5.7	7.1	2.9	1.42	0.80

Min keseluruhan = 1.95

Sisihan Piawai = 0.69

4.2.1.2.1 Taburan Tahap Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Verbal Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian

Jadual 4.12.1 menunjukkan taburan tahap tingkah laku ibu bapa dari aspek tingkah laku verbal yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian. Dapatan kajian menunjukkan seramai 152 orang (72.4 peratus) berada pada tahap yang tinggi, 55 orang (26.2 peratus) tahap sederhana dan selebihnya 3 orang (1.4 peratus) berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.12.1: Taburan Tahap Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Verbal Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	152	72.4
Sederhana	55	26.2
Tinggi	3	1.4
Jumlah	210	100

4.2.1.3 Analisis Deskriptif Ciri-Ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial

Jadual 4.13 menunjukkan taburan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa remaja dari aspek tingkah laku anti sosial berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Bapa saya sering tidak mematuhi peraturan jalan raya ketika memandu” mencatat min tertinggi iaitu 1.70 dan sisihan piawai 1.04. Sebanyak 60.5 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 17.1 peratus tidak setuju, 18.1 peratus kurang setuju dan 4.3 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Bapa saya selalu pulang jauh malam” mencatat min 1.47 dan sisihan piawai 0.51. Sebanyak 65.7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 12.9 peratus tidak setuju, 11.9 peratus kurang setuju, 6.2 peratus setuju dan 3.3 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu atau bapa saya tidak suka melibatkan diri dengan masyarakat sekeliling” menunjukkan 62.4 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 20.0 peratus tidak setuju, 12.9 peratus kurang setuju, 1.9 peratus setuju dan selebihnya 2.9 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.62 dan sisihan piawai 0.98.

Pernyataan “Bapa saya suka menghabiskan masa di kedai kopi atau kedai makan” menunjukkan seramai 68.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 14.8 peratus tidak setuju, 11.0 peratus kurang setuju, 5.2 peratus setuju dan selebihnya 0.5 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.54 dan sisihan piawai 0.92.

Bagi pernyataan “Bapa saya suka berjudi (bertaruh atau membeli nombor ramalan)” mencatat min 1.51 dan sisihan piawai 1.07. Sebanyak 77.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 6.7 peratus tidak setuju, 5.7 peratus kurang setuju, 7.1 peratus setuju dan 2.9 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.47 dan sisihan piawai ialah 0.51. Ini menunjukkan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dari aspek anti sosial yang memberi kesan kepada tingkah laku devian remaja adalah pada tahap rendah.

Jadual 4.13: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial (n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Bapa selalu pulang jauh malam	65.7	12.9	11.9	6.2	3.3	1.69	1.11
Ibu/bapa saya terlibat dengan kegiatan jenayah	91.9	4.8	1.9	1.4	0	1.11	0.49
Ibu/ bapa saya mengambil dadah/ alkohol	92.4	4.3	2.9	0.5	0	1.11	0.43
Bapa saya mempunyai teman wanita lain.	78.6	9.5	5.7	3.3	29	1.42	0.95
Ibu/bapa saya ada menyimpan / menonton filem lucah	77.1	10.0	4.8	6.2	1.9	1.46	0.97
Bapa saya suka menghabiskan masa di kedai kopi / kedai makan	68.6	14.8	11.0	5.2	0.5	1.54	0.92
Bapa saya sering tidak mematuhi peraturan jalan raya ketika memandu	60.5	17.1	18.1	0	4.3	1.70	1.04
Bapa saya suka berjudi (bertaruh / membeli nombor ramalan)	77.6	6.7	5.7	7.1	2.9	1.51	1.07
Ibu/bapa saya tidak suka melibatkan diri dengan masyarakat sekeliling	62.4	20.0	12.9	1.9	2.9	1.62	0.98

Min keseluruhan = 1.47

Sisihan Piawai = 0.51

4.2.1.3.1 Taburan Tahap Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian

Jadual 4.13.1 menunjukkan taburan tahap tingkah laku ibu bapa dari aspek tingkah laku anti sosial yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian. Dapatan kajian menunjukkan seramai 196 orang (93.3 peratus) berada pada tahap yang rendah dan 14 orang (6.7 peratus) tahap sederhana.

Jadual 4.13.1: Taburan Tahap Tingkah Laku Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial Yang Menyebabkan Remaja Bertingkah Laku Devian

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	196	93.3
Sederhana	14	6.7
Tinggi	0	0
Jumlah	210	100

4.2.2 Persoalan Kajian 2: Apakah Tahap Kepatuhan Agama Ibu Bapa Remaja Devian?

4.2.2.1 Analisis Deskriptif Tahap Kepatuhan Agama Ibu Bapa Remaja Devian Dari Aspek Kepatuhan Kepada Suruhan Agama

Jadual 4.14 menunjukkan taburan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja devian dari aspek kepatuhan kepada suruhan agama berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu bapa saya memahami ajaran Agama Islam” mencatat min tertinggi iaitu 4.43 dan sisihan piawai 0.95. Sebanyak 3.3 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 1.4 peratus tidak setuju, 8.1 peratus kurang setuju, 22.4 peratus setuju dan 64.8 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya sering menyuruh saya sembahyang” mencatat min 4.09 dan sisihan piawai 1.28. Sebanyak 8.1 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 6.7 peratus tidak setuju, 8.6 peratus kurang setuju, 21.9 peratus setuju dan 54.8 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu bapa saya sentiasa menutup aurat ketika keluar dari rumah” menunjukkan 2.9 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 7.1 peratus tidak setuju, 12.9 peratus kurang setuju, 33.3 peratus setuju dan selebihnya 43.8 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.08 dan sisihan piawai 1.05.

Pernyataan “Ibu bapa saya sentiasa mematuhi amalan agama” menunjukkan seramai 6.7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 3.3 peratus tidak setuju, 21.4 peratus kurang setuju, 23.8 peratus setuju dan selebihnya 44.8 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.97 dan sisihan piawai 1.18.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya pandai mengaji Al Quran” mencatat min 3.95 dan sisihan piawai 1.29. Sebanyak 10.0 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 4.8 peratus tidak setuju, 11.0 peratus kurang setuju, 28.6 peratus setuju dan 45.7 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.93 dan sisihan piawai ialah 0.77. Ini menunjukkan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja devian dari aspek kepatuhan kepada suruhan agama adalah tinggi.

Jadual 4.14: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Kepatuhan Kepada Suruhan Agama

(n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu/bapa saya memahami ajaran agama Islam	3.3	1.4	8.1	22.4	64.8	4.43	0.95
Bapa saya selalu ke masjid atau ke surau	3.8	7.1	30.5	30.0	28.6	3.32	1.07
Ibu/bapa saya tidak pernah meninggalkan ibadat solat lima waktu.	7.6	4.3	30.0	18.6	39.5	3.78	1.23
Ibu/bapa saya sentiasa menutup aurat ketika keluar dari rumah	2.9	7.1	12.9	33.3	43.8	4.08	1.05
Ibu/bapa saya sentiasa mematuhi amalan agama	6.7	3.3	21.4	23.8	44.1	3.97	1.18
Ibu/bapa saya pandai mengaji Al Quran	10.0	4.8	11.0	28.6	45.3	3.95	1.29
Ibu/bapa saya suka ke majlis-majlis ceramah agama	10.5	6.2	27.1	36.2	20.0	3.49	1.19
Ibu/bapa saya tidak pernah meninggalkan ibadat puasa Ramadhan	10.5	6.7	18.1	18.1	46.7	3.84	1.36
Ibu/bapa saya sering menyuruh saya sembahyang	8.1	6.7	8.6	21.9	54.8	4.09	1.28

Min keseluruhan = 3.93

Sisihan Piawai = 0.77

4.2.2.1.1 Taburan Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Kepatuhan Kepada Suruhan Agama

Jadual 4.14.1 menunjukkan taburan tahap kepatuhan ibu bapa dari aspek kepatuhan kepada suruhan agama. Dapatan kajian menunjukkan 140 orang (66.7 peratus) mempunyai tahap kepatuhan kepada suruhan agama yang tinggi, 59 orang (28.1 peratus) pada tahap sederhana manakala selebihnya iaitu 11 orang (5.2 peratus) pada tahap yang rendah.

Jadual 4.14.1: Taburan Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Kepatuhan Kepada Suruhan Agama

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	11	5.2
Sederhana	59	28.1
Tinggi	140	66.7
Jumlah	210	100

4.2.2.2 Analisis Deskriptif Tahap Kepatuhan Agama Ibu Bapa Remaja Devian Dari Aspek Tingkah Laku Yang Berlawanan Dengan Suruhan Agama

Jadual 4.15 menunjukkan taburan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja devian dari aspek tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Bapa saya sering tidak bersembahyang Jumaat” mencatat min tertinggi iaitu 1.96 dan sisihan piawai 1.33. Sebanyak 57.6 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 11.9 peratus tidak setuju, 15.7 peratus kurang setuju, 6.2 peratus setuju dan 8.6 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya sering tidak bersembahyang lima waktu” mencatat min 1.89 dan sisihan piawai 1.24. Sebanyak 58.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 13.3 peratus tidak setuju, 14.3 peratus kurang setuju, 8.6 peratus setuju dan 5.2 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu bapa saya tidak suka ke majlis-majlis kenduri” menunjukkan 60.5 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 15.7 peratus tidak setuju, 16.7 peratus kurang setuju, 4.8 peratus setuju dan selebihnya 2.4 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.73 dan sisihan piawai 1.05.

Pernyataan “Ibu bapa saya hanya mematuhi ajaran agama dalam keadaan tertentu sahaja” menunjukkan seramai 64.3 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju,

14.8 peratus tidak setuju, 10.0 peratus kurang setuju, 6.7 peratus setuju dan selebihnya 4.3 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.72 dan sisihan piawai 1.15.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya sering bangun lewat waktu pagi” mencatat min 1.54 dan sisihan piawai 0.95. Sebanyak 70.5 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 11.0 peratus tidak setuju, 14.3 peratus kurang setuju, 2.4 peratus setuju dan 1.9 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.58 dan sisihan piawai ialah 0.54. Ini menunjukkan tahap kepatuhan agama ibu bapa remaja devian dari aspek tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama adalah rendah.

Jadual 4.15: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Yang Berlawanan Dengan Suruhan Agama (n = 210)

Kenyataan	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu/bapa saya tidak bersembahyang lima waktu	58.6	13.3	14.3	8.6	5.2	1.89	1.24
Ibu/bapa saya tidak mempunyai pegangan agama	83.3	6.7	4.8	2.9	2.4	1.34	0.88
Ibu/bapa saya hanya mematuhi ajaran agama dalam keadaan yang tertentu sahaja	64.3	14.8	10.0	6.7	4.3	1.72	1.15
Ibu/bapa saya tidak menghiraukan amalan agama	79.0	7.6	10.0	1.9	1.4	1.39	0.85
Ibu/bapa saya sering bangun lewat waktu pagi	70.5	11.0	14.3	2.4	1.9	1.54	0.95
Ibu/bapa saya gemar berjudi (bertaruh / membeli nombor ramalan)	78.6	7.6	4.3	7.6	1.9	1.47	1.01
Ibu/bapa saya tidak suka ke majlis-majlis kenduri	60.5	15.7	16.7	4.8	2.4	1.73	1.05
Ibu/bapa saya gemar meminum minuman keras	85.2	4.8	4.8	5.2	0	1.30	1.05
Bapa saya tidak bersembahyang Jumaat	57.6	11.9	15.7	6.2	8.6	1.96	1.33
Ibu saya sering memakai seluar pendek ketika keluar dari rumah	71.4	15.2	7.6	3.3	2.4	1.50	0.94
Ibu/bapa saya suka mengeluarkan kata-kata yang tidak baik (babi, sial, celaka dan sebagainya).	69.5	15.7	10.5	1.0	3.3	1.53	0.96

Min keseluruhan = 1.58 Sisihan Piawai = 0.54

4.2.2.2.1 Taburan Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Yang Berlawanan Dengan Suruhan Agama

Jadual 4.15.1 menunjukkan taburan tahap kepatuhan ibu bapa dari aspek tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama. Dapatan kajian menunjukkan 184 orang (87.6 peratus) mempunyai tahap tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama

yang rendah manakala selebihnya iaitu 26 orang (12.4 peratus) pada tahap yang sederhana.

Jadual 4.15.1: Taburan Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Dari Aspek Tingkah Laku Yang Berlawanan Dengan Suruhan Agama

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	184	87.6
Sederhana	26	12.4
Tinggi	0	0
Jumlah	210	100

4.2.3 Persoalan Kajian 3: Apakah Jenis-Jenis Gaya Asuhan (Autoritarian, Autoritatif Dan Permisif) Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan?

4.2.3.1 Analisis Deskriptif Jenis-Jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritarian

Jadual 4.16 menunjukkan taburan jenis-jenis gaya asuhan ibu bapa remaja devian yang dominan dari aspek gaya asuhan autoritarian berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu bapa saya sering memaksa saya mematuhi segala peraturan di rumah tanpa mempersoalkannya” mencatat min tertinggi iaitu 2.74 dan sisihan piawai 1.30. Sebanyak 23.3 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 19.5 peratus tidak setuju, 28.6 peratus kurang setuju, 17.1 peratus setuju dan 11.4 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya sering memukul saya jika saya melakukan kesalahan” mencatat min 2.54 dan sisihan piawai 1.14. Sebanyak 23.3 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 21.9 peratus tidak setuju, 37.6 peratus kurang setuju, 11.4 peratus setuju dan 5.7 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu bapa saya menghukum saya jika saya gagal dalam ujian/peperiksaan” menunjukkan 29.0 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 29.5 peratus tidak setuju, 21.0 peratus kurang setuju, 8.6 peratus setuju dan selebihnya 11.9 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 2.45 dan sisihan piawai 1.31.

Pernyataan “Ibu bapa saya tidak mahu mendengar pendapat saya” menunjukkan seramai 37.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 23.3 peratus tidak setuju, 22.9 peratus kurang setuju, 9.0 peratus setuju dan selebihnya 7.1 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 2.25 dan sisihan piawai 1.25.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya mengugut akan menghukum saya jika saya melakukan kesalahan” mencatat min 1.99 dan sisihan piawai 1.21. Sebanyak 48.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 21.4 peratus tidak setuju, 18.1 peratus kurang setuju, 5.7 peratus setuju dan 6.2 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.28 dan sisihan piawai ialah 0.58. Ini menunjukkan corak gaya asuhan dari aspek gaya asuhan autoritarian adalah rendah.

Jadual 4.16: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritarian

(n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu/bapa saya sering memukul saya jika saya melakukan kesalahan	23.3	21.9	37.6	11.4	5.7	2.54	1.14
Ibu/bapa saya tidak membenarkan saya keluar rumah kecuali ke sekolah	40.0	26.2	29.0	4.3	0.5	1.99	0.95
Ibu/bapa saya menentukan semua keputusan mengenai diri saya	41.9	27.6	20.5	9.0	1.0	1.99	1.04
Ibu/bapa saya sering mengugut akan menghukum saya jika saya melakukan	48.6	21.4	18.1	5.7	6.2	1.99	1.21
Ibu/bapa saya menghukum saya jika saya gagal dalam ujian / peperiksaan	29.0	29.5	21.0	8.6	11.9	2.45	1.31
Ibu/bapa saya sering memaksa saya mematuhi segala peraturan di rumah tanpa mempersoalkannya	23.3	19.5	28.6	17.1	11.4	2.74	1.30
Ibu/bapa saya tidak mahu mendengar pendapat saya	37.6	23.3	22.9	9.0	7.1	2.25	1.25

Min keseluruhan = 2.28

Sisihan Piawai = 0.58

4.2.3.1.1 Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritarian

Jadual 4.16.1 menunjukkan taburan tahap gaya asuhan ibu bapa yang dominan iaitu dari aspek gaya asuhan autoritarian. Dapatan kajian menunjukkan 117 orang (55.7 peratus) berada pada tahap yang rendah, 91 orang (43.3 peratus) pada tahap sederhana manakala selebihnya iaitu 2 orang (1.0 peratus) berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.16.1: Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritarian

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	117	55.7
Sederhana	91	43.3
Tinggi	2	1.0
Jumlah	210	100

4.2.3.2 Analisis Deskriptif Jenis-Jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritatif

Jadual 4.17 menunjukkan taburan jenis-jenis gaya asuhan ibu bapa remaja devian yang dominan dari aspek gaya asuhan autoritatif berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu bapa saya sering mengajarkan nilai-nilai yang baik kepada saya” mencatat min tertinggi iaitu 4.36 dan sisihan piawai 1.05. Sebanyak 5.2 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 1.9 peratus tidak setuju, 6.7 peratus kurang setuju, 23.8 peratus setuju dan 62.4 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya sering menasihati saya agar mengerjakan suruhan agama” mencatat min 4.26 dan sisihan piawai 1.19. Sebanyak 6.7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.2 peratus tidak setuju, 5.7 peratus kurang setuju, 20.5 peratus setuju dan 61.9 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu bapa saya sering menasihati saya apabila saya melakukan kesalahan” menunjukkan 5.2 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.7 peratus tidak setuju, 22.4 peratus kurang setuju, 18.1 peratus setuju dan selebihnya 48.6 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.99 dan sisihan piawai 1.19.

Pernyataan “Ibu bapa saya sering menerangkan dengan rasional tentang sesuatu peraturan” menunjukkan seramai 7.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 12.9 peratus tidak setuju, 23.3 peratus kurang setuju, 32.4 peratus setuju dan selebihnya 23.8 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.52 dan sisihan piawai 1.20.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya mengajak saya berbincang tentang penentuan sebarang keputusan yang hendak dibuat” mencatat min 3.37 dan sisihan piawai 1.25. Sebanyak 11.9 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 10.5 peratus tidak setuju, 26.2 peratus kurang setuju, 31.9 peratus setuju dan 19.5 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.74 dan sisihan piawai ialah 0.80. Ini menunjukkan corak gaya asuhan dari aspek gaya asuhan autoritatif adalah tinggi.

Jadual 4.17: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritatif

(n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu/bapa saya memberikan kebebasan kepada saya untuk membuat sesuatu keputusan setelah berbincang	18.1	19.5	23.3	26.7	12.4	2.96	1.30
Ibu/bapa saya sering mengajarkan nilai-nilai yang baik kepada saya	5.2	1.9	6.7	23.8	62.4	4.36	1.05
Ibu/bapa saya sering menasihati saya agar mengerjakan suruhan agama	6.7	5.2	5.7	20.5	61.9	4.26	1.19
Ibu/bapa saya sering menerangkan dengan rasional tentang sesuatu peraturan.	7.6	12.9	23.3	32.4	23.8	3.52	1.20
Ibu/bapa saya mengajak saya berbincang tentang penentuan sebarang keputusan yang hendak dibuat.	11.9	10.5	26.2	31.9	19.5	3.37	1.25
Ibu/bapa saya sering menasihati saya apabila saya melakukan kesalahan	5.2	5.7	22.4	18.1	48.6	3.99	1.19

Min keseluruhan = 3.74

Sisihan Piawai = 0.80

4.2.3.2.1 Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritatif

Jadual 4.17.1 menunjukkan taburan tahap gaya asuhan ibu bapa yang dominan iaitu dari aspek gaya asuhan autoritatif. Dapatan kajian menunjukkan 113 orang (53.8 peratus) berada pada tahap yang tinggi, 81 orang (38.6 peratus) pada tahap sederhana manakala selebihnya iaitu 16 orang (7.6 peratus) berada pada tahap rendah.

Jadual 4.17.1: Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Autoritatif

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	16	7.6
Sederhana	81	38.6
Tinggi	113	53.8
Jumlah	210	100

4.2.3.3 Analisis Deskriptif Jenis-Jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Permisif

Jadual 4.18 menunjukkan taburan jenis-jenis gaya asuhan ibu bapa remaja devian yang dominan dari aspek gaya asuhan permisif berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu bapa saya sering memberi wang kepada saya apabila diminta tanpa persoalan” mencatat min tertinggi iaitu 2.91 dan sisihan piawai 1.17. Sebanyak 12.4 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 23.8 peratus tidak setuju, 36.7 peratus kurang setuju, 14.8 peratus setuju dan 12.4 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya tidak menentukan sebarang peraturan di rumah” mencatat min 2.57 dan sisihan piawai 1.36. Sebanyak 31.0 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 18.1 peratus tidak setuju, 25.2 peratus kurang setuju, 14.3 peratus setuju dan 11.4 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu bapa saya memberi kebebasan sepenuhnya kepada saya untuk membuat keputusan mengenai diri saya” menunjukkan 29.5 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 25.7 peratus tidak setuju, 29.0 peratus kurang setuju, 13.3 peratus setuju dan selebihnya 2.4 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 2.33 dan sisihan piawai 1.11.

Pernyataan “Ibu bapa saya tidak menegur saya jika saya pulang lewat malam” menunjukkan seramai 54.8 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 22.4 peratus tidak setuju, 12.4 peratus kurang setuju, 7.6 peratus setuju dan selebihnya 2.9 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.81 dan sisihan piawai 1.10.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya tidak pernah bertanya ke mana saya pergi apabila saya keluar rumah” mencatat min 1.76 dan sisihan piawai 1.09. Sebanyak 59.0 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 17.1 peratus tidak setuju, 16.7 peratus kurang setuju, 3.3 peratus setuju dan 3.8 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.10 dan sisihan piawai ialah 0.63. Ini menunjukkan corak gaya asuhan dari aspek gaya asuhan permisif adalah rendah.

Jadual 4.18: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Permisif

(n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu/bapa saya tidak memperdulikan hal diri saya	67.1	12.9	12.9	4.3	2.9	1.67	1.04
Ibu/bapa saya tidak menghiraukan sebarang tingkah laku buruk saya	58.6	20.0	13.8	5.7	1.9	1.72	1.03
Ibu/bapa saya memberikan kebebasan yang sepenuhnya kepada saya untuk membuat keputusan mengenai diri saya	29.5	25.7	29.0	13.3	2.4	2.33	1.11
Ibu/bapa saya tidak menegur saya jika saya pulang lewat malam	54.8	22.4	12.4	7.6	2.9	1.81	1.10
Ibu/bapa saya tidak pernah bertanya ke mana saya pergi apabila saya keluar rumah	59.0	17.1	16.7	3.3	3.8	1.76	1.09
Ibu/bapa saya sering memberi wang kepada saya apabila diminta tanpa persoalan	12.4	23.8	36.7	14.8	12.4	2.91	1.17
Ibu/bapa saya tidak menentukan sebarang peraturan di rumah	31.0	18.1	25.2	14.7	11.4	2.57	1.36

Min keseluruhan = 2.10

Sisihan Piawai = 0.63

4.2.3.3.1 Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Permisif

Jadual 4.18.1 menunjukkan taburan tahap gaya asuhan ibu bapa yang dominan iaitu dari aspek gaya asuhan permisif. Dapatan kajian menunjukkan 146 orang (69.5 peratus) berada pada tahap yang rendah, 62 orang (29.5 peratus) pada tahap sederhana manakala selebihnya iaitu 2 orang (1.0 peratus) berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.18.1: Taburan Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Yang Dominan Dari Aspek Gaya Asuhan Permisif

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	146	69.5
Sederhana	62	29.5
Tinggi	2	1.0
Jumlah	210	100

4.2.4 Persoalan Kajian 4: Apakah Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian?

4.2.4.1 Analisis Deskriptif Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Menunjukkan Kasih Sayang

Jadual 4.19 menunjukkan taburan tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian dari aspek menunjukkan kasih sayang berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu bapa saya memahami dan mengambil berat tentang diri saya” mencatat min tertinggi iaitu 4.18 dan sisihan piawai 0.96. Sebanyak 2.4 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 2.9 peratus tidak setuju, 15.7 peratus kurang setuju, 31.9 peratus setuju dan 47.1 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya mempamerkan kasih sayang mereka kepada saya” mencatat min 4.17 dan sisihan piawai 1.05. Sebanyak 3.3 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 3.8 peratus tidak setuju, 16.2 peratus kurang setuju, 25.7 peratus setuju dan 51.0 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu bapa saya memberikan bantuan apabila saya memerlukan” menunjukkan 2.9 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.7 peratus tidak setuju, 13.3 peratus kurang setuju, 32.9 peratus setuju dan selebihnya 45.2 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.12 dan sisihan piawai 1.03.

Pernyataan “Ibu bapa saya sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah” menunjukkan seramai 5.7 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 5.2 peratus tidak setuju, 15.2 peratus kurang setuju, 31.4 peratus setuju dan selebihnya 42.4 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.99 dan sisihan piawai 1.14.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya mampu melungkan masa untuk saya walau pun mereka sibuk” mencatat min 3.95 dan sisihan piawai 1.13. Sebanyak 4.8 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 7.1 peratus tidak setuju, 15.7 peratus kurang setuju, 32.9 peratus setuju dan 39.5 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.71 dan sisihan piawai ialah 0.75. Ini menunjukkan tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian adalah tinggi.

Jadual 4.19: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Menunjukkan Kasih Sayang (n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu/bapa saya mampu meluangkan masa untuk saya walaupun mereka sibuk	4.8	7.1	15.7	32.9	39.5	3.95	1.13
Ibu/bapa saya memahami dan mengambil berat tentang diri saya	2.4	2.9	15.7	31.9	47.1	4.18	0.96
Ibu/bapa saya sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah	5.7	5.2	15.2	31.4	42.4	3.99	1.14
Ibu/bapa saya memberikan bantuan apabila saya memerlukan	2.9	5.7	13.3	32.9	45.2	4.12	1.03
Ibu/bapa saya mempamerkan kasih sayang mereka kepada saya	3.3	3.8	16.2	25.7	51	4.17	1.05
Ibu/bapa saya amat memahami jiwa dan perasaan saya	2.9	9.0	23.8	27.1	37.6	3.88	1.09
Ibu/bapa saya cuba memenuhi permintaan saya walaupun sukar	5.2	4.3	31.0	28.6	31.0	3.76	1.10
Ibu/bapa saya mengingati akan harijadi saya dan mengucapkan selamat harijadi / tidak lupa menyambut hari jadi saya	8.1	15.7	26.7	31.9	17.6	3.35	1.18
Ibu/bapa saya memuji saya apabila saya berjaya melakukan sesuatu dengan baik	4.8	11.0	18.1	38.1	28.1	3.74	1.12
menunjukkan sikap lemah lembut kepada saya	11.4	16.2	20.0	31.4	21.0	3.34	1.29
Ibu/bapa saya mengetahui apa yang saya suka dan apa yang saya tidak suka	12.9	9.5	27.1	34.8	15.7	3.31	1.22
Ibu saya suka memasak makanan kegemaran saya	9.5	8.6	16.7	33.6	27.6	3.65	1.24
Ibu/bapa saya ialah tempat saya mengadu sebarang masalah yang saya	7.1	11.9	17.6	23.5	40	3.77	1.28
Ibu/bapa saya sering bertanya tentang hal pelajaran saya	4.8	11.4	14.3	29.5	40.0	3.89	1.19
Ibu/bapa saya selalu membelikan saya hadiah	23.3	24.3	31.9	9.0	11.4	2.61	1.26

Min keseluruhan = 3.71 Sisihan Piawai = 0.75

4.2.4.1.1 Taburan Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Menunjukkan Kasih Sayang

Jadual 4.19.1 menunjukkan taburan tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian dari aspek menunjukkan kasih sayang. Dapatan kajian menunjukkan 124 orang (59.1 peratus) berada pada tahap yang tinggi, 75 orang (35.7 peratus) pada tahap sederhana dan selebihnya 11 orang (5.2 peratus) berada pada tahap rendah.

Jadual 4.19.1: Taburan Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Menunjukkan Kasih Sayang

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	11	5.2
Sederhana	75	35.7
Tinggi	124	59.1
Jumlah	210	100

4.2.4.2 Analisis Deskriptif Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Penolakan

Jadual 4.20 menunjukkan taburan tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian dari aspek penolakan berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa pernyataan “Ibu bapa saya suka membanding-bandingkan saya dengan adik-beradik lain” mencatat min tertinggi iaitu 2.48 dan sisihan piawai 1.38. Sebanyak 35.2 peratus responden menjawab sangat tidak setuju, 17.6 peratus tidak setuju, 22.4 peratus kurang setuju, 13.3 peratus setuju dan 11.4 peratus sangat setuju.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya mencemuh saya apabila saya melakukan kesilapan” mencatat min 2.48 dan sisihan piawai 1.32. Sebanyak 34.3 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 15.7 peratus tidak setuju, 25.7 peratus kurang setuju, 16.2 peratus setuju dan 8.1 peratus sangat setuju.

Hasil analisis juga mendapati bagi pernyataan “Ibu bapa saya terlalu sibuk hingga tidak berpeluang untuk bersama saya” menunjukkan 37.6 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 32.4 peratus tidak setuju, 16.7 peratus kurang setuju, 8.6 peratus setuju dan selebihnya 4.8 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 2.10 dan sisihan piawai 1.14.

Pernyataan “Ibu bapa saya tidak mengambil peduli tentang apa yang berlaku kepada saya” menunjukkan seramai 56.2 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 21.0 peratus tidak setuju, 10.5 peratus kurang setuju, 10.0 peratus setuju dan selebihnya 2.4 peratus sangat setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 1.81 dan sisihan piawai 1.12.

Bagi pernyataan “Ibu bapa saya menganggap saya sering menyusahkan mereka” mencatat min 1.76 dan sisihan piawai 1.10. Sebanyak 61.4 peratus responden menyatakan sangat tidak setuju, 13.8 peratus tidak setuju, 13.8 peratus kurang setuju, 9.5 peratus setuju dan 1.4 peratus sangat setuju.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 2.13 dan sisihan piawai ialah 0.79. Ini menunjukkan tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian dari aspek penolakan adalah rendah.

Jadual 4.20: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Penolakan (n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Ibu/bapa saya mencemuh saya apabila saya melakukan kesilapan	34.3	15.7	25.3	16.2	8.1	2.48	1.32
Ibu/bapa saya tidak mengambil peduli tentang apa yang berlaku kepada saya	56.2	21.0	10.5	10.0	2.4	1.81	1.12
Ibu/bapa saya menganggap saya sering menyusahkan mereka	61.4	13.8	13.8	9.5	1.4	1.76	1.10
Ibu/bapa saya terlalu sibuk hingga tidak berpeluang untuk bersama saya	37.6	32.4	16.7	8.6	4.8	2.10	1.14
Ibu/bapa saya suka membanding-bandingkan saya dengan adik-beradik lain	35.2	17.6	22.4	13.3	11.4	2.48	1.38

Min keseluruhan = 2.13 Sisihan Piawai = 0.79

4.2.4.2.1 Taburan Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Penolakan

Jadual 4.20.1 menunjukkan taburan tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian dari aspek penolakan. Dapatan kajian menunjukkan 135 orang (64.3 peratus) berada pada tahap yang rendah, 63 orang (30.0 peratus) pada tahap sederhana dan selebihnya 12 orang (5.7 peratus) berada pada tahap tinggi.

Jadual 4.20.1: Taburan Tahap Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Terhadap Remaja Devian Dari Aspek Penolakan

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	135	64.3
Sederhana	63	30.0
Tinggi	12	5.7
Jumlah	210	100

4.2.5 Persoalan Kajian 5: Apakah Kekekapan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja?

4.2.5.1 Analisis Deskriptif Kekekapan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal

Jadual 4.21 menunjukkan taburan kekekapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku fizikal berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa tingkah laku melanggar peraturan sekolah mencatat min tertinggi iaitu 2.25 dan sisihan piawai 0.85. Sebanyak 19.0 peratus responden menyatakan tidak pernah, 43.8 peratus jarang, 31.4 peratus kadang-kadang, 4.8 peratus kerap kali dan 1.0 peratus menyatakan selalu melakukan tingkah laku tersebut.

Tingkah laku bergaduh atau berkelahi mencatat min 2.09 dan sisihan piawai 0.99. Sebanyak 29.0 peratus responden menyatakan tidak pernah, 43.8 peratus jarang, 19.5 peratus kadang-kadang, 3.8 peratus kerap kali dan 3.8 peratus menyatakan selalu melakukan tingkah laku tersebut.

Hasil analisis juga mendapati bagi tingkah laku memukul rakan menunjukkan 41.9 peratus responden menyatakan tidak pernah melakukan, 38.1 peratus jarang, 13.3 peratus kadang-kadang, 3.3 peratus kerap kali dan selebihnya 3.3 peratus selalu. Min bagi tingkah laku ini ialah 1.88 dan sisihan piawai 0.99.

Bagi tingkah laku membuli atau mendera, menunjukkan sebanyak 57.6 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat, 32.9 peratus jarang, 7.1 peratus kadang-kadang dan 10.0 peratus kerap kali melakukan perbuatan tersebut. Min bagi tingkah laku ini ialah 1.54 dan sisihan piawai 0.73.

Tingkah laku mencederakan seseorang pula mencatat min 1.51 dan sisihan piawai 0.74. Sebanyak 61.0 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat, 29.0 peratus jarang, 7.6 peratus kadang-kadang dan 2.4 peratus selalu melakukan perbuatan tersebut.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.57 dan sisihan piawai ialah 0.44. Ini menunjukkan tingkah laku devian dari aspek fizikal di kalangan pelajar remaja adalah pada tahap yang rendah.

Jadual 4.21: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Kekekapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal
(n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Bergaduh / berkelahi	29.0	43.8	19.5	3.8	3.8	2.09	0.99
Memukul rakan	41.9	38.1	13.3	3.3	3.3	1.88	0.99
Mencederakan seseorang	61.0	29.0	7.6	2.4	0	1.51	0.74
Membuli / mendera	57.6	32.9	7.1	2.4	0	1.54	0.73
Merampas harta benda orang lain	69.0	20.0	9.0	1.9	0	1.44	0.74
Bertaruh / berjudi	73.8	18.1	5.7	1.4	1.0	1.38	0.74
Melanggar peraturan sekolah	19.0	43.8	31.4	4.8	1.0	2.25	0.85
Membawa senjata berbahaya ke sekolah	80.5	15.3	1.9	1.9	0	1.25	0.58
Di tangkap polis kerana disyakki terlibat dalam jenayah.	92.9	7.1	0	0	0	1.07	0.26
Bergaduh dengan ibu bapa (fizikal)	73.8	21.0	5.2	0	0	1.31	0.57

Min keseluruhan = 1.57 Sisihan Piawai = 0.44

4.2.5.1.1 Taburan Tahap Kekekapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal

Jadual 4.21.1 menunjukkan taburan tahap kekekapan tingkah laku devian remaja dari aspek tingkah laku fizikal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 197 orang (93.8 peratus) berada pada tahap yang rendah manakala selebihnya iaitu 13 orang (6.2 peratus) pula pada tahap yang sederhana.

Jadual 4.21.1: Taburan Tahap Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Fizikal

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	197	93.8
Sederhana	13	6.2
Tinggi	0	0
Jumlah	210	100

4.2.5.2 Analisis deskriptif kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku verbal

Jadual 4.22 menunjukkan taburan kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku verbal berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa tingkah laku berbohong kepada ibu bapa atau rakan-rakan atau orang lain mencatat min tertinggi iaitu 2.27 dan sisihan piawai 0.83. Sebanyak 14.8 peratus responden menyatakan tidak pernah, 51.0 peratus jarang, 29.5 peratus kadang-kadang, 2.4 peratus kerap kali dan 2.4 peratus menyatakan selalu melakukan tingkah laku tersebut.

Tingkah laku melawan ibu bapa secara lisan mencatat min 1.94 dan sisihan piawai 0.75. Sebanyak 28.6 peratus responden menyatakan tidak pernah, 51.9 peratus jarang, 16.7 peratus kadang-kadang dan 2.9 peratus menyatakan kerap kali melakukan tingkah laku tersebut.

Hasil analisis juga mendapati bagi tingkah laku menghina orang lain dengan kata-kata kesat menunjukkan 42.4 peratus responden menyatakan tidak pernah melakukan, 39.5 peratus jarang, 9.5 peratus kadang-kadang, 5.2 peratus kerap kali dan selebihnya 3.3 peratus selalu. Min bagi tingkah laku ini ialah 1.88 dan sisihan piawai 1.07.

Bagi tingkah laku melawan guru atau engkar arahan guru, menunjukkan sebanyak 41.4 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat, 39.5 peratus jarang, 14.3

peratus kadang-kadang dan 4.8 peratus kerap kali melakukan perbuatan tersebut. Min bagi tingkah laku ini ialah 1.82 dan sisihan piawai 0.85.

Tingkah laku mengugut atau mengancam orang lain pula mencatat min 1.37 dan sisihan piawai 0.67. Sebanyak 70.5 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat, 24.3 peratus jarang, 3.8 peratus kadang kadang, 0.5 kerap kali dan 1.0 peratus selalu melakukan perbuatan tersebut.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.86 dan sisihan piawai ialah 0.55. Ini menunjukkan tingkah laku devian dari aspek verbal di kalangan pelajar remaja adalah pada tahap yang rendah.

Jadual 4.22: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Kekekapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Verbal

(n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Mengugut / mengancam orang lain	70.5	24.3	3.8	0.5	1.0	1.37	0.67
Melawan guru / Engkar arahan guru	41.4	39.5	14.3	4.8	0	1.82	0.85
Berbohong kepada ibu bapa / rakan-rakan / orang lain	14.8	51.0	29.5	2.4	2.4	2.27	0.83
Melawan ibu bapa (lisan)	28.6	51.9	16.7	2.9	0	1.94	0.75
Menghina orang lain dengan kata-kata kesat.	42.4	39.5	9.5	5.2	3.3	1.88	1.07

Min keseluruhan = 1.86

Sisihan Piawai = 0.55

4.2.5.2.1 Taburan Tahap Kekekapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Verbal

Jadual 4.22.1 menunjukkan taburan tahap kekekapan tingkah laku devian remaja dari aspek tingkah laku verbal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 167 orang (79.5 peratus) berada pada tahap yang rendah manakala selebihnya iaitu 43 orang (20.5 peratus) pula pada tahap yang sederhana.

Jadual 4.22.1: Taburan Tahap Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Verbal

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	167	79.5
Sederhana	43	20.5
Tinggi	0	0
Jumlah	210	100

4.2.5.3 Analisis Deskriptif Kekerapan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Seksual

Jadual 4.23 menunjukkan taburan kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku seksual berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa tingkah laku menonton filem lucah mencatat min tertinggi iaitu 2.07 dan sisihan piawai 1.14. Sebanyak 41.9 peratus responden menyatakan tidak pernah, 26.7 peratus jarang, 15.2 peratus kadang-kadang, 14.8 peratus kerap kali dan 1.4 peratus menyatakan selalu melakukan tingkah laku tersebut.

Tingkah laku membuat gangguan seksual atau isyarat lucah atau mengeluarkan kata-kata lucah pula mencatat min 1.69 dan sisihan piawai 0.97. Sebanyak 57.1 peratus responden menyatakan tidak pernah, 24.3 peratus jarang, 12.4 peratus kadang-kadang, 4.3 peratus kerap kali dan 1.9 peratus menyatakan selalu melakukan tingkah laku tersebut.

Hasil analisis juga mendapati bagi tingkah laku mencabul kehormatan atau meraba menunjukkan 78.6 peratus responden menyatakan tidak pernah melakukan, 11.0 peratus jarang, 9.5 peratus kadang-kadang, dan selebihnya 1.0 peratus kerap kali melakukan. Min bagi tingkah laku ini ialah 1.33 dan sisihan piawai 0.69.

Bagi tingkah laku melakukan persetubuhan haram atau berasmara tanpa hubungan seksual, menunjukkan sebanyak 81.4 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat,

11.0 peratus jarang, 4.3 peratus kadang-kadang dan 3.3 peratus kerap kali melakukan perbuatan tersebut. Min bagi tingkah laku ini ialah 1.29 dan sisihan piawai 0.70.

Tingkah laku terlibat dalam aktiviti pelacuran atau bohsia pula mencatat min 1.13 dan sisihan piawai 0.43. Sebanyak 90.0 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat, 6.7 peratus jarang dan 3.3 peratus kadang-kadang melakukan perbuatan tersebut.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.42 dan sisihan piawai ialah 0.50. Ini menunjukkan tingkah laku devian dari aspek seksual di kalangan pelajar remaja adalah pada tahap yang rendah.

Jadual 4.23: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Seksual (n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Mencabul kehormatan / meraba	78.6	11.0	9.5	1.0	0	1.33	0.69
Merogol	98.1	1.9	0	0	0	1.02	0.14
Menonton filem lucah	41.9	26.7	15.2	14.8	1.4	2.07	1.14
Melakukan persetubuhan / berasmara tanpa hubungan seksual	81.4	11.0	4.3	3.3	0	1.29	0.70
Membuat gangguan seksual / isyarat lucah / kata-kata lucah	57.1	24.3	12.4	4.3	1.9	1.69	0.97
Terlibat dalam aktiviti pelacuran / bohsia	90.0	6.7	3.3	0	0	1.13	0.43

Min keseluruhan = 1.42 Sisihan Piawai = 0.50

4.2.5.3.1 Taburan Tahap Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Seksual

Jadual 4.23.1 menunjukkan taburan tahap kekerapan tingkah laku devian remaja dari aspek tingkah laku seksual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 197 orang (93.8 peratus) berada pada tahap yang rendah manakala selebihnya iaitu 13 orang (6.2 peratus) pula pada tahap yang sederhana.

Jadual 4.23.1: Taburan Tahap Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Seksual

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	197	93.8
Sederhana	13	6.2
Tinggi	0	0
Jumlah	210	100

4.2.5.4 Analisis Deskriptif Kekerapan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial

Jadual 4.24 menunjukkan taburan kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja dari aspek tingkah laku anti sosial berdasarkan peratus, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa tingkah menunggang motosikal tanpa lesen atau tanpa topi keledar mencatat min tertinggi iaitu 2.46 dan sisihan piawai 1.42. Sebanyak 31.0 peratus responden menyatakan tidak pernah, 33.3 peratus jarang, 10.0 peratus kadang-kadang, 10.0 peratus kerap kali dan 15.7 peratus menyatakan selalu melakukan tingkah laku tersebut.

Tingkah laku ponteng sekolah atau ponteng kelas mencatat min 2.37 dan sisihan piawai 1.14. Sebanyak 24.8 peratus responden menyatakan tidak pernah, 37.6 peratus jarang, 18.1 peratus kadang-kadang, 15.2 peratus kerap kali dan 4.3 peratus menyatakan selalu melakukan tingkah laku tersebut.

Hasil analisis juga mendapati bagi tingkah laku sering tidak menyiapkan kerja sekolah menunjukkan 22.9 peratus responden menyatakan tidak pernah melakukan, 41.0 peratus jarang, 20.0 peratus kadang-kadang, 10.0 peratus kerap kali dan selebihnya 6.2 peratus selalu. Min bagi tingkah laku ini ialah 2.36 dan sisihan piawai 1.12.

Bagi tingkah laku menghisap rokok, menunjukkan sebanyak 47.6 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat, 18.6 peratus jarang, 15.7 peratus kadang-kadang, 4.3 peratus kerap kali dan 2.18 peratus selalu melakukan perbuatan tersebut. Min bagi tingkah laku ini ialah 2.18 dan sisihan piawai 1.42.

Tingkah laku sering datang lewat ke sekolah pula mencatat min 2.08 dan sisihan piawai 1.18. Sebanyak 37.6 peratus responden menyatakan tidak pernah terlibat, 38.1 peratus jarang, 9.5 peratus kadang kadang, 8.1 kerap kali dan 6.7 peratus selalu melakukan perbuatan tersebut.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 1.65 dan sisihan piawai ialah 0.49. Ini menunjukkan tingkah laku devian dari aspek anti sosial di kalangan pelajar remaja adalah pada tahap yang rendah.

Jadual 4.24: Taburan Responden Mengikut Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Item Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial (n = 210)

Item	1 STS %	2 TS %	3 KS %	4 S %	5 SS %	Min	SP
Menyertai kumpulan haram/ gengster/punk/skinhead/black metal	84.3	4.8	9.0	1.9	0	1.28	0.70
Mencuri	53.8	29.5	12.9	3.8	0	1.67	0.84
Memeras ugut	79.0	12.4	6.7	0	1.9	1.33	0.77
Menghisap rokok	47.6	18.6	15.7	4.3	13.8	2.18	1.42
Menghisap ganja / dadah / pil khayal / pil ecstasy	88.1	3.3	7.6	1.0	0	1.21	0.62
Meminum minuman keras / memabukkan / alkohol	84.3	9.5	2.4	2.9	1.0	1.27	0.73
Menceroboh sekolah / kedai	79.5	14.8	2.9	1.0	1.9	1.31	0.75
Terlibat dalam lumba haram	77.1	5.7	8.1	6.2	2.9	1.52	1.06
Ponteng sekolah / kelas	24.8	37.6	18.1	15.2	4.3	2.37	1.14
Merosakkan harta benda awam / vandalisme / menconteng meja di dalam kelas	40.5	33.8	19.5	3.3	2.9	1.94	1.00
Menimbulkan konfrantasi / kekacauan di sekolah / mengganggu ketenteraman sekolah	61.4	26.2	10.5	1.9	0	1.53	0.76
Merosakkan kenderaan guru (termasuk mengguris / memancitkan / memecahkan cermin)	87.1	9.5	2.4	0.5	0.5	1.18	0.53
Berpakaian dengan pakaian yang bukan jantina saya	88.6	5.7	2.9	2.9	0	1.20	0.62
Lari dari rumah	84.3	11.0	3.3	0.5	1.0	1.23	0.62
Melepak di kompleks membeli belah	65.7	19.5	6.2	7.1	1.4	1.59	0.98
Menghabiskan masa di kedai permainan video / pusat snooker	64.3	16.2	11.4	4.8	3.3	1.67 6	1.07
Sering datang lewat ke sekolah	37.6	38.1	9.5	8.1	6.7	2.08	1.18
Sering tidak menyiapkan kerja sekolah	22.9	41.0	20.0	10.0	6.2	2.36	1.12
Menunggang motosikal tanpa lesen / topi keledar	31.0	33.3	10.0	10.0	15.7	2.46	1.42

Min keseluruhan = 1.65

Sisihan Piawai = 0.49

4.2.5.4.1 Taburan Tahap Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial

Jadual 4.24.1 menunjukkan taburan tahap kekerapan tingkah laku devian remaja dari aspek tingkah laku anti sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 185 orang (88.1 peratus) berada pada tahap yang rendah manakala selebihnya iaitu 25 orang (11.9 peratus) pula pada tahap yang sederhana.

Jadual 4.24.1: Taburan Tahap Kekerapan Tingkah Laku Devian Remaja Dari Aspek Tingkah Laku Anti Sosial

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	185	88.1
Sederhana	25	11.9
Tinggi	0	0
Jumlah	210	100

4.3 Pengujian Hipotesis

Dalam bahagian ini, keputusan statistik dikemukakan. Kaedah statistik yang digunakan adalah Korelasi Pearson. Keputusan kajian dilaporkan berdasarkan hipotesis.

4.3.1 Hipotesis 1: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja.

Jadual 4.25: Analisis Korelasi Pearson untuk hubungan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja

		TINGKAH LAKU KELUARGA	TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA
TINGKAH LAKU KELUARGA	Korelasi Pearson	1	.421
	Sig. (2-hala)	.	.000
	N	210	210
TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA	Korelasi Pearson	.421	1
	Sig. (2-hala)	.000	.
	N	210	210

Signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.05$

Daripada Jadual 4.25 didapati bahawa kekuatan hubungan antara tingkah laku keluarga dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan 0.421. Ini menunjukkan hubungan yang sederhana. Memandangkan nilai $p=0.000$ adalah lebih kecil daripada 0.05 maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja.

4.3.2 Hipotesis 2: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Amalan Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja.

Jadual 4.26: Analisis Korelasi Pearson Untuk Hubungan Antara Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja.

		GAYA ASUHAN	TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA
GAYA ASUHAN	Korelasi Pearson	1	.039
	Sig. (2-hala)	.	.571
	N	210	210
TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA	Korelasi Pearson	.039	1
	Sig. (2-hala)	.571	.
	N	210	210

Signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.05$

Daripada Jadual 4.26 didapati bahawa kekuatan hubungan antara tingkah laku keluarga dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan 0.039. Ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Memandangkan nilai $p=0.571$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja.

4.3.3 Hipotesis 3: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Faktor Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama Dengan Tingkah Laku Devian Remaja.

Jadual 4.27: Analisis Korelasi Pearson Untuk Hubungan Antara Faktor Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama Dengan Tingkah Laku Devian Remaja.

		KEPATUHAN AGAMA KELUARGA	TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA
KEPATUHAN AGAMA KELUARGA	Korelasi Pearson	1	.120
	Sig. (2-hala)	.	.082
	N	210	210
TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA	Korelasi Pearson	.120	1
	Sig. (2-hala)	.082	.
	N	210	210

Signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.05$

Daripada Jadual 4.27 didapati bahawa kekuatan hubungan antara tingkah laku keluarga dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan 0.120. Ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Memandangkan nilai $p=0.082$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja.

4.3.4 Hipotesis 4: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja.

Jadual 4.28: Analisis Korelasi Pearson Untuk Hubungan Antara Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja.

		KASIH SAYANG KELUARGA	TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA
KASIH SAYANG KELUARGA	Korelasi Pearson	1	-.120
	Sig. (2-hala)	.	.082
	N	210	210
TINGKAH LAKU DEVIAN REMAJA	Korelasi Pearson	-.120	1
	Sig. (2-hala)	.082	.
	N	210	210

Signifikan pada aras keyakinan $p \leq 0.05$

Daripada Jadual 4.27 didapati bahawa kekuatan hubungan antara tingkah laku keluarga dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan -0.120. Ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p=0.082$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja.

4.3.5 Hipotesis 5: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Devian Remaja Dengan Jantina

Jadual 4.29: Analisis Ujian-t Untuk Menunjukkan Perbezaan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Devian Remaja Dengan Jantina

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means				
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference
TINGKAH LAKU DEVIAN	Equal variances assumed	14.774	.000	6.534	208	.000	.4006	.06131
	Equal variances not assumed			8.213	185.820	.000	.4006	.04878

Daripada Jadual 4.29, berdasarkan ujian-t didapati bahawa nilai $p=0.000$ adalah lebih kecil daripada 0.005 , maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian remaja dengan jantina. Dapatan menunjukkan bahawa kadar remaja lelaki yang terlibat dengan tingkah laku devian adalah lebih ramai dari remaja perempuan. Remaja perempuan pula kebanyakannya hanya terlibat dengan tingkah laku delinkuen kecil, manakala remaja lelaki banyak terlibat dengan tingkah laku devian yang agak besar.

4.4 Penutup

Dalam bab ini, penyelidik telah mengemukakan analisis data maklumat yang telah dikumpul hasil daripada soal selidik yang telah dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan. Hasil dari keputusan analisis yang diperolehi akan dibincangkan dengan lebih mendalam pada Bab 5.

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan dan merumuskan dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah diutarakan. Tumpuan perbincangan adalah berkaitan dengan persoalan-persoalan kajian secara keseluruhannya iaitu faktor-faktor persekitaran keluarga dan pengaruhnya terhadap tingkah laku devian remaja. Kesemua dapatan akan dihuraikan dengan jelas dan tepat agar dapat difahami dan diinterpretasi oleh pengkaji-pengkaji lain dan seterusnya dapat digunakan sebagai sumber bagi kajian-kajian akan datang. Hasil dari perbincangan, rumusan dan cadangan diharapkan akan dapat memberi kebaikan kepada semua pihak khususnya dalam usaha menangani gejala tingkah laku devian di kalangan remaja.

5.1 Perbincangan Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

5.1.1 Perbincangan Latar Belakang Responden

Di dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah-sekolah yang terpilih di Daerah Pontian. Bilangan responden adalah seramai 210 orang iaitu 150 orang (71.4 peratus) lelaki dan 60 orang (28.6 peratus) perempuan. Kesemua responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat yang berusia dalam lingkungan enam belas tahun. Dari segi pencapaian akademik, kajian mendapati bahawa 111 orang (52.9 peratus) telah gagal dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2005 manakala 99 orang (47.1 peratus) daripadanya telah lulus dalam peperiksaan tersebut. Dari segi persekitaran tempat tinggal responden, 150 orang (71.4 peratus) adalah dari kawasan luar bandar manakala selebihnya iaitu 60 orang (28.6 peratus) adalah dari kawasan bandar.

Sebahagian besar responden tinggal bersama ibu dan bapa iaitu seramai 180 orang (85.7 peratus) manakala selebihnya iaitu 11 orang (5.2 peratus) tinggal bersama ibu sahaja, 4 orang (1.9 peratus) tinggal bersama bapa sahaja dan 15 orang (7.1 peratus) tinggal bersama penjaga. Dari segi bilangan adik-beradik, didapati 2 orang (1.0 peratus) merupakan anak tunggal, 56 orang (26.7 peratus) mempunyai dua hingga tiga orang adik beradik, 91 orang (43.3 peratus) mempunyai empat hingga lima orang adik-beradik dan selebihnya iaitu 61 orang (29.0 peratus) mempunyai adik-beradik melebihi 5 orang. Kebanyakan bapa responden mempunyai tahap pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia iaitu seramai 81 orang (38.6 peratus). Begitu juga dengan tahap pendidikan ibu responden yang kebanyakannya mencapai Sijil Pelajaran Malaysia iaitu seramai 79 orang (37.6 peratus).

Dari segi pekerjaan bapa, didapati bahawa kebanyakan bapa responden bekerja sebagai buruh iaitu 66 orang (31.4 peratus). Manakala dari segi pekerjaan ibu, kebanyakannya adalah suri rumah dengan bilangan seramai 102 orang (48.6 peratus). Kebanyakan ibu bapa responden mempunyai jumlah pendapatan bulanan kurang daripada RM1000 dengan bilangan seramai 110 orang (52.4 peratus).

5.1.2 Perbincangan Hasil Kajian Faktor-faktor Persekitaran Keluarga Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Devian Remaja

Faktor-faktor persekitaran keluarga meliputi kesan ciri-ciri tingkah laku ibu bapa, corak gaya asuhan ibu bapa, kepatuhan ibu bapa kepada agama, tahap kasih sayang ibu bapa kepada remaja dan juga terhadap tingkah laku devian remaja.

5.1.2.1 Perbincangan Hasil Kajian Ciri-ciri Tingkah Laku Ibu Bapa Remaja Devian

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa ciri-ciri tingkah laku keluarga secara keseluruhannya menghasilkan min 1.74 dan sisihan piawai 0.48. Mengikut skala, nilai ini dianggap pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan bahawa kesan pengaruh ciri-ciri tingkah laku keluarga terhadap tingkah laku devian remaja adalah rendah. Jelasnya, tingkah laku keluarga turut menyumbang kepada tingkah laku devian remaja.

Dari aspek domain tertentu, ciri-ciri tingkah laku fizikal ibu bapa menunjukkan min 1.97 dan sisihan piawai 0.58. Dapatan ini menjelaskan bahawa tingkah laku fizikal ibu bapa yang mempengaruhi remaja bertingkah laku devian adalah pada tahap rendah.

Jika dilihat dari aspek tingkah laku verbal ibu bapa yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian, dapatan menghasilkan min 1.95 dan sisihan piawai 0.69. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tingkah laku verbal ibu bapa yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja adalah pada tahap rendah.

Begitu juga dengan aspek tingkah laku anti sosial ibu bapa yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja turut berada pada tahap rendah, iaitu dengan min 1.47 dan sisihan piawai 0.51.

Secara keseluruhannya, tingkah laku fizikal ibu bapa paling mempengaruhi tingkah laku devian remaja dengan min tertinggi yang diperolehi iaitu 1.97 dan sisihan piawai 0.58. Ini amat berkait rapat dengan tingkah laku devian remaja yang lebih banyak berkisar kepada tingkah laku devian berbentuk fizikal, iaitu seperti bergaduh, berkelahi dan memukul rakan. Manakala dari aspek tingkah laku anti sosial, hasil kajian menunjukkan tingkah laku ibu bapa anti sosial ibu bapa yang menyumbang min tertinggi adalah berdasarkan pernyataan “Bapa saya sering tidak mematuhi peraturan jalanraya ketika memandu” iaitu dengan min 1.70 dan sisihan piawai 1.04. Hal ini boleh dikaitkan dengan tingkah laku devian remaja iaitu “Saya sering melanggar peraturan sekolah” dengan min tertinggi iaitu 2.25 dan sisihan piawai 0.85. Dalam hal ini, ibu bapa dianggap turut menyumbang terhadap tingkah laku devian remaja iaitu dari aspek melanggar peraturan sekolah. Ini bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan oleh Loeber (1986) ke atas sekumpulan 1109 orang pelajar sekolah di Amerika yang mendapati bahawa kebanyakan remaja yang terlibat dalam tingkah laku devian sejak usia kanak-kanak mempunyai ahli keluarga yang juga pernah bertingkah laku sedemikian.

Hasil kajian penyelidik juga turut disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Patterson (1989) dan Dishion dan rakan-rakan, (1991) yang mendapati bahawa pengaruh keluarga dan rakan sebaya saling berkait dalam pembentukan tingkah laku anti sosial remaja. Kajian menunjukkan bahawa remaja bermasalah kebanyakannya adalah berlatarbelakangkan keluarga yang bermasalah (Dishion, et.al., 1991; Rutter, 1985; Vuchinich, et al., 1992). Masalah-masalah yang dihadapi oleh remaja pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak ((Block, et.al, 1988).

5.1.2.2 Perbincangan Hasil Kajian Tahap Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama

Daripada hasil kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa faktor tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama secara keseluruhannya menghasilkan min 2.66 dan sisihan piawai 0.31. Berdasarkan skala, nilai ini dianggap pada tahap yang sederhana. Ini

menunjukkan bahawa kebanyakan ibu bapa remaja devian secara keseluruhannya mempunyai kepatuhan terhadap agama.

Dari aspek domain tertentu, tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama dari aspek kepatuhan kepada agama menunjukkan min 3.93 dan sisihan piawai 0.77. Dapatan ini menjelaskan bahawa tahap kepatuhan ibu bapa terhadap suruhan agama adalah tinggi.

Jika dilihat dari aspek tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama dari aspek tingkah laku yang berlawanan dengan suruhan agama yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian, dapatan menghasilkan min 1.58 dan sisihan piawai 0.54. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tingkah laku ibu bapa dari aspek berlawanan dengan suruhan agama yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja adalah pada tahap rendah.

Secara keseluruhannya, tahap kepatuhan ibu bapa remaja terhadap agama kurang memberi kesan terhadap tingkah laku anak-anak mereka. Dapatan ini dianggap relevan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Aziz (1997) di tiga buah sekolah di Daerah Marang, Terengganu. Dari hasil kajiannya, beliau merumuskan faktor yang paling kuat mempengaruhi pelajar-pelajar terlibat dalam salah laku adalah rakan sebaya, jika dibandingkan dengan faktor-faktor lain. Walau pun ibu bapa remaja kebanyakannya patuh terhadap suruhan agama namun anak-anak mereka sering terlibat dengan tingkah laku devian. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kurangnya didikan agama oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Kajian mendapati bahawa ramai remaja juga tidak memahami ajaran agama dengan baik dan hanya menganggap agama sebagai satu lambang saja, yang hanya dipraktikkan dalam ibadah wajib sahaja (Fadzillah Kamsah, Berita Harian, 22 Mac 2006). Agama bukannya satu lambang semata-mata, tetapi lebih daripada itu iaitu sebagai satu ikutan dan cara hidup. Ramai remaja hari ini tidak memahami dan mendalami ajaran agama. Mereka juga tidak sedar akan peranan agama yang boleh dijadikan pendinding utama kerana tidak ada agama di dunia ini yang membenarkan umatnya hanyut dalam gejala-gejala sosial. Pendidikan agama sejak kecil dan dimulakan di rumah seharusnya

menjadi elemen yang penting dalam membentuk moral dan mengatasi masalah sosial ini. Faktor agama memainkan peranan yang dominan bagi membentuk sikap dan nilai yang betul terhadap kehidupan. Institusi keluarga juga amat penting, kerana pada hari ini ramai ibu bapa tidak mempunyai masa yang cukup dengan anak-anak, akibat terlalu sibuk bekerja.

5.1.2.3 Perbincangan Hasil Kajian Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Devian Yang Dominan (Autoritarian, Autoritatif dan Permisif)

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa corak gaya asuhan ibu bapa remaja devian yang dominan secara keseluruhannya menghasilkan min 2.66 dan sisihan piawai 0.41. Mengikut skala, nilai ini dianggap pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kesan pengaruh corak gaya asuhan keluarga terhadap tingkah laku devian remaja adalah sederhana.

Dari aspek domain tertentu, gaya asuhan autoritarian ibu bapa menunjukkan min 2.28 dan sisihan piawai 0.58. Dapatan ini menjelaskan bahawa gaya asuhan berbentuk autoritarian ibu bapa remaja devian adalah pada tahap rendah.

Jika dilihat dari aspek corak gaya asuhan autoritatif ibu bapa yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian, dapatan menghasilkan min 3.74 dan sisihan piawai 0.80. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa corak gaya asuhan autoritatif ibu bapa remaja devian adalah pada tahap tinggi.

Manakala bagi corak gaya asuhan permisif ibu bapa remaja devian turut berada pada tahap rendah, iaitu dengan min 2.10 dan sisihan piawai 0.63.

Secara keseluruhannya, corak gaya asuhan ibu bapa remaja devian menunjukkan ianya berada pada tahap sederhana, dengan min 2.66 dan sisihan piawai 0.41. Ini jelas menyatakan bahawa corak gaya asuhan yang di anggap kurang berkesan, iaitu

autoritarian dan permisif memberi kesan terhadap sebahagian tingkah laku remaja yang berbentuk devian. Sebagai contohnya, dari aspek corak gaya asuhan autoritarian pernyataan “Ibu bapa saya sering memaksa saya mematuhi segala peraturan dirumah tanpa mempersoalkannya” menyumbang min tertinggi dalam domain tersebut iaitu 2.74 dan sisihan piawai 1.30. Hal ini mungkin menyebabkan remaja memberontak untuk melepaskan perasaan apabila keluar rumah dengan melakukan pelbagai tingkah laku devian. Begitu juga dengan pernyataan “Ibu bapa saya sering memukul saya jika saya melakukan kesalahan”, yang menghasilkan min 2.54 dan sisihan piawai 1.14, iaitu yang kedua tertinggi dalam domain corak gaya asuhan autoritarian. Keadaan ini mungkin dijadikan bahan peniruan oleh remaja yang membawa mereka kepada tingkah laku agresif dan ganas. Hasilnya, mereka mudah terlibat dengan tingkah laku devian agresif dan ganas seperti memukul, suka bergaduh, mengugut, mengancam orang lain dan sebagainya. Dapatan ini berseuaian dengan hasil kajian Bandura dan Walters (1959) yang mendapati bahawa ibu bapa yang sering melakukan hukuman fizikal didapati menyebabkan anak-anak mereka bertingkah laku agresif.

Namun yang demikian, dapatan kajian ini tidak selari dengan hasil kajian oleh Jacobvitz dan Bush (1996) ke atas sekumpulan remaja di sebuah pusat pemulihan akhlak di Amerika. Rumusan kajian mereka mendapati bahawa kebanyakan tingkah laku anti sosial remaja adalah berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga.

5.1.2.4 Perbincangan Hasil Kajian Tahap Kasih Sayang Ibu bapa Terhadap Remaja Devian

Dari hasil kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa faktor tahap kasih sayang ibu bapa terhadap remaja devian secara keseluruhannya menghasilkan min 3.32 dan sisihan piawai 0.54. Berdasarkan skala, nilai ini dianggap pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa tahap kasih sayang ibu bapa remaja devian yang mempengaruhi remaja bertingkah laku devian adalah sederhana.

Dari aspek domain tertentu, iaitu tahap kasih sayang ibu bapa remaja devian dari aspek menunjukkan kasih sayang menghasilkan min 3.71 dan sisihan piawai 0.75. Dapatan ini menjelaskan bahawa tahap kasih sayang ibu bapa remaja devian dianggap berada pada tahap tinggi.

Jika dilihat dari aspek tahap kasih sayang ibu bapa remaja devian dari aspek penolakan yang menyebabkan remaja bertingkah laku devian, dapatan menghasilkan min 2.13 dan sisihan piawai 0.79. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tahap kasih sayang ibu bapa remaja devian yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja adalah pada tahap rendah.

Secara keseluruhannya, tahap kasih sayang ibu bapa remaja devian kurang memberi kesan terhadap tingkah laku anak-anak mereka. Walau pun ibu bapa remaja kebanyakannya mempamerkan kasih sayang, namun anak-anak mereka sering terlibat dengan tingkah laku devian. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pengawasan ketika di luar rumah atau pun sikap memanjakan yang melampau oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Dapatan ini dianggap berbeza dengan kajian yang telah dijalankan oleh Sigurdsson & Gudjonsson (1996) ke atas sekumpulan pelajar di Sweden yang merumuskan bahawa perkembangan personaliti negatif dan tingkah laku devian adalah hasil daripada kegagalan dalam ikatan kekeluargaan seperti kekurangan kasih sayang dan perhatian. Abdullah Al-Hadi (1993) dalam kajiannya telah mendapati bahawa memang terdapat perkaitan yang signifikan antara kerapatan hubungan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Regoli dan Hewitt (2000), yang menyatakan bahawa anak-anak yang menggemari sikap dan tingkah laku ibu bapanya akan sentiasa menjauhi masalah dalam perhubungan dan akan sentiasa menghormati dan mengasihi ibu bapa mereka. Kajian yang telah dijalankan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (1993) telah mendapati bahawa kerengangan hubungan kekeluargaan menjadi punca utama remaja terjebak ke kancah maksiat. Ibu bapa tidak mampu memainkan peranan yang sepatutnya oleh kerana kesibukan bekerja. Kajian oleh Herzoy dan rakan-rakan (Muhd. Mansur, 1988),

mendapati 70 peratus responden mereka lari dari rumah dan terlibat dengan dadah disebabkan oleh suasana rumah yang menekan, sikap ibu bapa yang tidak mengambil tahu dan jurang antara mereka.

5.1.2.5 Perbincangan Hasil Kajian Kekekapan Tingkah laku Devian di Kalangan Remaja

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati kekekapan tingkah laku devian di kalangan remaja secara keseluruhannya menghasilkan min 1.63 dan sisihan piawai 0.45. Mengikut skala, nilai ini dianggap pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kekekapan tingkah laku devian di kalangan remaja adalah berada pada tahap yang rendah.

Dari aspek domain tertentu, tingkah laku devian remaja dari aspek tingkah laku fizikal menunjukkan min 1.57 dan sisihan piawai 0.44. Dapatan ini menjelaskan bahawa tingkah laku devian remaja dari aspek tingkah laku fizikal adalah pada tahap rendah. Tingkah laku devian remaja berbentuk fizikal yang mencatat min tertinggi ialah tingkah laku “sering melanggar peraturan sekolah” iaitu 2.25 dan sisihan piawai 0.85. Pada kedudukan kedua pula ialah tingkah laku bergaduh atau berkelahi yang menghasilkan min 2.09 dan sisihan piawai 0.99.

Jika dilihat dari aspek tingkah laku devian verbal, dapatan menghasilkan min 1.86 dan sisihan piawai 0.55. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tingkah laku devian remaja dari aspek tingkah laku verbal adalah pada tahap rendah. Tingkah laku devian remaja berbentuk verbal yang mencatat min tertinggi ialah tingkah laku suka berbohong kepada ibu bapa, rakan-rakan dan orang lain iaitu 2.27 dan sisihan piawai 0.83. Pada kedudukan kedua pula ialah tingkah laku melawan ibu bapa yang menghasilkan min 1.94 dan sisihan piawai 0.75.

Manakala bagi aspek tingkah laku devian berbentuk seksual juga turut berada pada tahap rendah, iaitu dengan min 1.42 dan sisihan piawai 0.50. Tingkah laku devian remaja berbentuk seksual yang mencatat min tertinggi ialah tingkah laku menonton filem lucah iaitu 2.07 dan sisihan piawai 1.14. Tingkah laku kedua tertinggi pula ialah tingkah laku membuat gangguan seksual, mengeluarkan isyarat lucah dan kata-kata lucah yang menghasilkan min 1.69 dan sisihan piawai 0.97.

Bagi tingkah laku devian remaja berbentuk anti sosial, dapatan menghasilkan min 1.65 dan sisihan piawai 0.49. Tingkah laku devian remaja berbentuk anti sosial yang mencatat min tertinggi ialah tingkah laku menunggang motosikal tanpa lesen atau topi keledar iaitu 2.46 dan sisihan piawai 1.42. Tingkah laku kedua tertinggi pula ialah sering ponteng sekolah atau kelas yang menghasilkan min 2.37 dan sisihan piawai 1.14. Tingkah laku ketiga tertinggi adalah sering tidak menyiapkan kerja sekolah dengan min 2.36 dan sisihan piawai 1.12. Manakala tingkah laku menghisap rokok mencatat min keempat tertinggi dalam domain ini iaitu 2.18 dan sisihan piawai 1.42.

Secara keseluruhannya, kekerapan tingkah laku devian di kalangan remaja devian di beberapa buah sekolah yang dikaji menunjukkan ianya berada pada tahap rendah, dengan min 1.63 dan sisihan piawai 0.45. Sungguh pun demikian, gejala tingkah laku devian masih tetap berterusan dari hari ke hari sekiranya langkah langkah perlu untuk menanganinya tidak dilaksanakan. Apa yang ketara ialah dari segi tingkah laku seksual, bilangan pelajar yang pernah dan aktif menonton filem lucah adalah agak besar dan dikhuatiri akan menimbulkan kesan sampingan yang negatif terhadap tingkah laku dan naluri seks mereka.

Secara umumnya, kajian ini juga turut relevan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Dryfoos (1990) yang menyatakan bahawa terdapat empat kategori berkaitan dengan remaja berisiko dari lingkungan usia 10 hingga 17 tahun. 10 peratus dari jumlah keseluruhan adalah remaja yang sangat berisiko tinggi, iaitu terlibat dengan salah laku jenayah yang berat seperti merompak, merogol, pecah rumah, penyalahgunaan dadah, membunuh dan sebagainya. 15 peratus mewakili remaja berisiko tinggi, iaitu

terlibat dengan salah laku kurang serius seperti pergaulan bebas, terlibat dengan video lucu, bergaduh, menyerang fizikal, meminum minuman keras, lumba haram, berjudi dan seumpamanya. 25 peratus remaja berisiko sederhana, iaitu terlibat dengan tingkah laku devian yang agak ringan seperti ponteng sekolah, vandalisme, mencuri, merokok, melepak, engkar arahan guru, melawan ibu bapa dan seumpamanya. Manakala selebihnya iaitu 50 peratus merupakan remaja berisiko rendah, iaitu sama ada tidak melakukan tingkah laku devian dan anti sosial atau pun tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian Hubungan Antara Faktor-faktor Persekitaran Keluarga Yang Mempengaruhi Tingkah Laku Devian Remaja

Bagi melihat hubungan antara faktor-faktor persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja di sekolah-sekolah menengah di Daerah Pontian, Johor, pengujian hipotesis telah dilakukan dengan menggunakan kaedah Korelasi Pearson. Terdapat lima hipotesis yang telah diuji bagi tujuan ini.

5.2.1 Hipotesis 1: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Analisis Korelasi Pearson menghasilkan dapatan yang menunjukkan nilai pekali korelasi, r bagi hubungan antara tingkah laku keluarga dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan 0.421. Ini menunjukkan hubungan yang sederhana. Memandangkan nilai $p=0.000$ adalah lebih kecil daripada 0.05, maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan

antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja devian di sekolah-sekolah yang dikaji.

Berdasarkan hipotesis yang telah diuji, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Ini bermakna pembentukan tingkah laku devian remaja secara umumnya dipengaruhi oleh tingkah laku ibu bapa mereka. Perkara ini membuktikan bahawa ianya relevan dengan beberapa kajian terdahulu tentang hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut. Muhd Mansur (1998), telah menjalankan satu kajian berkaitan sikap ibu bapa dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tingkah laku pelajar mempunyai hubung kait dengan sikap yang terdapat pada ibu bapa remaja itu sendiri. Begitu juga dengan kajian oleh Phares dan Compas (1992), ibu bapa juga didapati banyak menyumbang kepada masalah tingkah laku anak-anak, iaitu gagal menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka, di samping mengabaikan ajaran agama. Contohnya, anak-anak yang mempunyai ibu bapa yang mengambil alkohol dan mengalami kekecewaan didapati lebih bermasalah tingkah laku berbanding ibu bapa yang tidak mengambil alkohol dan sihat.

5.2.2 Hipotesis 2: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Amalan Corak Gaya Asuhan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Analisis Korelasi Pearson menghasilkan dapatan yang menunjukkan nilai pekali korelasi, r bagi hubungan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan 0.039. Ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Memandangkan nilai $p=0.571$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja devian di sekolah-sekolah yang dikaji. Ini bermakna tingkah laku devian remaja secara umumnya tidak dipengaruhi oleh corak gaya asuhan ibu bapa mereka. Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Rodzik (1998) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku remaja. Ini bermakna corak gaya asuhan ibu bapa tidak boleh dikaitkan seratus peratus dengan tingkah laku remaja. Selain daripada corak gaya asuhan ibu bapa, terdapat banyak lagi faktor lain di luar persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku remaja. Oleh itu pembentukan tingkah laku devian remaja tidak boleh dikaitkan dengan corak gaya asuhan ibu bapa sahaja. Sebaliknya perlu dilihat dan diambil kira faktor-faktor lain di sekitar remaja itu sendiri. Walaubagaimana pun didapati keputusan kajian ini adalah berlawanan dengan hasil dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa corak gaya asuhan ibu bapa memberi kesan terhadap tingkah laku devian remaja. Kajian oleh Jacobvitz dan Bush (1996) merumuskan latarbelakang tingkah laku antisosial adalah kesan daripada kekurangan, ketidaksesuaian atau kawalan disiplin yang tidak konsisten semasa kanak-kanak. Begitu juga dengan Foster dan Clark (1989), yang telah melakukan kajian ke atas 231 orang pelajar yang berada dalam lingkungan 14 tahun, telah mendapati bahawa pelajar-pelajar yang kerap merasa tidak puas hati terhadap layanan yang diterima daripada keluarga mempunyai korelasi yang signifikan terhadap sikap melanggar disiplin di kalangan pelajar sekolah.

5.2.3 Hipotesis 3: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Faktor Kepatuhan Ibu Bapa Kepada Agama Dengan Tingkah Laku Devian Remaja

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja. Analisis Korelasi Pearson menghasilkan dapatan yang menunjukkan nilai pekali korelasi, r bagi hubungan antara tingkah laku keluarga dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan 0.120. Ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah. Memandangkan nilai $p=0.082$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja devian di sekolah-sekolah yang di kaji. Ini bermakna tingkah laku devian remaja tidak dipengaruhi oleh tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama. Dapatan kajian ini berbeza dengan oleh Abdul Rahim (1993) yang menyatakan bahawa pendidikan agama adalah rawatan psikologi tingkah laku remaja. Pendidikan agama merupakan benteng bagi menangkis tingkah laku yang negatif. Semakin jauh masyarakat daripada unsur-unsur keagamaan, semakin sukar untuk memelihara moral. Penanaman nilai-nilai agama di jiwa anak-anak sejak kecil adalah amat penting agar anak-anak khususnya anak remaja tidak mudah terjebak kepada tingkah laku devian. Begitu juga dengan hasil kajian oleh Slaby dan Guerra (1988) yang turut mendapati bahawa remaja yang bertingkah laku devian dan delinkuen mempunyai kurang kawalan diri dan tingkah laku mereka banyak dipengaruhi oleh kawalan luar dari persekitaran. Kajian oleh Michelle dan rakan-rakan (1989) mendapati, ajaran agama dapat menjadi pelita atau pun pegangan moral dalam diri remaja supaya mereka dapat berfikir sebelum melakukan perkara tidak bermoral. Rumusannya, pendidikan agama dan sivik boleh mempengaruhi cara pemikiran dan tingkah laku sosial remaja.

5.2.4 Hipotesis 4: Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Devian Remaja

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Analisis Korelasi Pearson menghasilkan dapatan yang menunjukkan nilai pekali korelasi, r bagi hubungan antara tingkah laku keluarga dengan tingkah laku devian remaja adalah bersamaan dengan -0.120 . Ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah dan songsang. Memandangkan nilai $p=0.082$ adalah lebih besar daripada 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar remaja. Ini bermakna tingkah laku devian remaja secara umumnya tidak dipengaruhi oleh tahap kasih sayang ibu bapa mereka. Keputusan ini adalah berlawanan dengan hasil dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa tahap kasih sayang ibu bapa memberi kesan terhadap tingkah laku devian remaja. Kajian oleh Patterson dan rakan-rakan (1989) dan Yoshikawa (1994) mendapati bahawa kegagalan keluarga dalam memberi perhatian dan berinteraksi secara berkesan dengan anak-anak menyebabkan anak-anak remaja mudah terpengaruh dengan tingkah laku anti sosial. Begitu juga dengan kajian oleh Dishion, et al. (1995) dan Tremblay, et al. (1995) yang juga menunjukkan pengaruh rakan sebaya turut memainkan peranan penting dalam tingkah laku anti sosial remaja selain pengaruh keluarga.

5.2.5 Hipotesis 5: Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Tingkah Laku Devian Remaja Dengan Jantina

Berdasarkan Ujian-t didapati bahawa nilai $p=0.000$ adalah lebih kecil daripada 0.005 , maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian remaja dengan jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi korelasinya, pelajar lelaki lebih ramai terlibat dengan tingkah laku devian dan keadaan ini adalah relevan dengan kajian-kajian lepas. Pelajar lelaki juga lebih banyak terlibat dengan tingkah laku devian yang serius berbanding perempuan. Hasil kajian ini turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Gold dan Reimer (1975) ke atas 1395 pelajar berusia antara 11 hingga 18 tahun yang mendapati bahawa tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan. Peningkatan salah laku devian yang paling ketara ialah ketika usia 11 tahun hingga 15 tahun. Begitu juga dengan kajian oleh Huizinga dan Elliot (1987) dan Yoshikawa (1994) yang menunjukkan bahawa tingkah laku devian lebih banyak dilakukan oleh remaja lelaki berbanding remaja perempuan.

5.3 Rumusan

Hasil daripada dapatan yang diperoleh terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan mengenai hubungan antara faktor-faktor persekitaran keluarga yang mempengaruhi tingkah laku devian remaja. Perkara-perkara tersebut adalah asas kepada objektif kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Antara rumusan yang dapat dibuat ialah :

- i. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.
- ii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara corak gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

- iii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kepatuhan ibu bapa kepada agama dengan tingkah laku devian remaja.
- iv. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan kasih sayang ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.
- v. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku devian remaja dengan jantina.
- vi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar remaja di Daerah Pontian adalah pada tahap yang rendah.

5.4 Cadangan

Berdasarkan dapatan, perbincangan dan rumusan daripada kajian yang dijalankan, penyelidik ingin memberikan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pengetua, guru-guru dan ibu bapa khususnya di Daerah Pontian atau pun di kawasan-kawasan lain.

5.4.1 Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa tingkah laku ponteng sekolah merupakan salah satu antara tingkah laku devian yang mencatatkan min yang tertinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa ponteng sekolah merupakan faktor utama yang boleh menjerumuskan pelajar kepada pelbagai tingkah laku devian. Ketidakhadiran atau ponteng sekolah mempunyai perkaitan yang signifikan dengan delinkuensi jenayah kecil di kalangan remaja. Pelajar yang kerap ponteng sekolah mempunyai masa senggang yang banyak dan ini menyebabkan mereka mengisi masa senggang mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berbentuk negatif dan ini termasuklah aktiviti devian atau delinkuensi. Di pihak guru, aktiviti

pengajaran dan pembelajaran haruslah dipertingkatkan mutunya agar pelajar lebih berminat untuk datang ke sekolah serta menghilangkan kebosanan mereka terhadap situasi di dalam kelas. Pelajar juga perlu diberikan motivasi yang secukupnya agar mereka sedar kepentingan menghadirkan diri ke sekolah setiap hari. Selain itu masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam mengesan dan melapor aktiviti ponteng sekolah kepada pihak sekolah dan ibu bapa pelajar terbabit atau pun pihak polis supaya gejala ini dapat dibendung.

5.4.2 Dapatan kajian juga mengesan tingkah laku menonton filem lucah di kalangan pelajar merupakan antara min yang tertinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam era global yang hebat pada masa kini, banjir pelbagai unsur-unsur negatif sukar dikawal. Oleh itu adalah penting bagi ibu bapa khususnya mengawasi tingkah laku anak-anak mereka sewaktu di rumah atau di luar rumah. Ibu bapa juga seharusnya mampu memastikan bahawa anak-anak mereka tidak menyimpan barangan yang berunsur lucah, seperti VCD lucah, majalah-majalah berunsur porno atau juga memastikan anak-anak mereka tidak melayari laman-laman web lucah. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah boleh memainkan peranan dengan memberi penerangan dan penjelasan mengenai gejala filem lucah di kalangan pelajar sekolah melalui sesi Mesyuarat Agung PIBG atau pun sesi-sesi pertemuan yang lain bagi menyedarkan ibu bapa dan penjaga mengenai gejala ini. Di sekolah, unit disiplin juga berperanan dalam menangani gejala tersebut dengan memastikan adanya pemeriksaan berkala yang kerap agar pelajar tidak berpeluang untuk menyebarkan barangan berunsur lucah kepada rakan-rakan lain di sekolah.

5.4.3 Fenomena sering melanggar peraturan sekolah turut mendapat tempat antara yang tertinggi dari segi catatan min tingkah laku devian di kalangan pelajar sekolah. Oleh itu, adalah penting bagi pihak yang berkaitan di sekolah iaitu unit disiplin merekod segala salah laku yang dilaporkan. Mereka yang terlibat seharusnya diberikan bimbingan dan kaunseling yang secukupnya, dan bukan dikenakan hukuman semata-mata. Pihak sekolah dan Jabatan Pelajaran perlu lebih aktif

merancang dan melaksanakan program-program tertentu kepada golongan pelajar yang dalam kategori berisiko tinggi melakukan tingkah laku devian. Program-program kursus kesedaran, jati diri dan pembimbing rakan sebaya misalnya, seharusnya dijalankan dengan terancang dan teliti agar menghasilkan kesan yang optima serta mendatangkan kesedaran di sanubari pelajar terbabit. Selain itu, pihak sekolah juga seharusnya menyiasat latar belakang pelajar bermasalah disiplin untuk mengenal pasti masalah peribadi pelajar yang mendorong mereka sering bertingkah laku melanggar peraturan sekolah.

- 5.4.4** Gejala menghisap rokok di kalangan pelajar-pelajar sekolah juga dianggap sebagai satu fenomena yang membimbangkan. Kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa lebih dari separuh responden pernah atau sedang terlibat dengan aktiviti menghisap rokok dan lebih kurang 34.5 peratus daripadanya aktif menghisap rokok setiap hari. Ini menunjukkan bahawa tabiat menghisap rokok di kalangan pelajar sekolah adalah sudah dianggap sebagai satu perkara biasa bagi mereka. Oleh itu adalah penting bagi ibu bapa khususnya mengawasi tingkah laku anak-anak mereka sewaktu di rumah atau di luar rumah. Ibu bapa juga seharusnya berupaya mengesan aktiviti merokok di kalangan anak-anak mereka dan berusaha membendung gejala ini dari terus berkembang. Misalnya seperti memeriksa beg bilik tidur anak-anak, memeriksa beg sekolah, mengenal pasti dengan siapa anak-anak mereka bergaul, mengurangkan kekerapan anak-anak keluar rumah, memantau pergerakan anak-anak dan sebagainya. Langkah-langkah ini adalah perlu bagi membendung ketagihan rokok di kalangan anak-anak remaja yang mungkin boleh membawa kepada gejala yang lebih buruk lagi seperti penglibatan dalam pengambilan ganja dan dadah terlarang. Pihak sekolah, melalui unit disiplin juga diharapkan dapat memainkan peranan dalam mengesan pelajar-pelajar yang menghisap rokok dan berusaha membendungnya melalui program-program seperti kaunseling, sekolah bebas dari rokok dan juga program kerajaan yang sedang dijalankan iaitu program ‘Tak Nak Kepada Rokok’. Program-program ini seharusnya dilaksanakan secara berterusan sehinggalah mendatangkan hasil yang positif dan dapat menyedarkan pelajar-pelajar

khususnya tentang keburukan tabiat merokok. Masyarakat sekitar juga seharusnya berperanan memberikan teguran dan nasihat terhadap pelajar-pelajar yang merokok di hadapan mereka.

5.4.5 Kajian yang dijalankan ini juga mengesan sebilangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti lumba haram dan menunggang motosikal tanpa lesen. Gejala lumba haram telah menjadi satu isu nasional yang hangat diperkatakan sekarang. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan penjaga bagi mengawasi pergerakan dan aktiviti anak-anak mereka agar tidak terlibat dengan gejala ini. Anak-anak mereka tidak sepatutnya dibiarkan menunggang motosikal sewenang-wenangnya sekiranya mereka tidak mempunyai lesen memandu yang sah dan langkah ini sedikit sebanyak akan dapat mengelakkan mereka dari terlibat dengan aktiviti lumba haram. Pihak kerajaan, melalui polis diharapkan dapat mengadakan siri-siri ceramah di sekolah-sekolah bagi memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang gejala lumba haram dan kesalahan menunggang motosikal tanpa lesen. Mereka juga perlu disedarkan bahawa aktiviti ini sangat membahayakan nyawa diri sendiri dan pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Selain itu pihak polis juga diharapkan mengadakan rondaan-rondaan yang lebih kerap khususnya di waktu malam bagi mengawasi aktiviti lumba haram. Selain itu, di pihak masyarakat melalui badan-badan tertentu seperti NGO (*Non Government Organisation*) juga boleh menganjurkan kempen belajar memandu secara berkelompok dengan bayaran yang minima kepada pelajar yang telah cukup umur dan layak memandu dan apabila lulus pelajar-pelajar tersebut akan diberikan lesen memandu yang sah. Langkah ini akan turut dapat membendung aktiviti menunggang motosikal tanpa lesen.

5.5 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang

Dapatan kajian ini mengesahkan dapatan kajian terdahulu dan beberapa andaian awal terhadap faktor persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Namun yang demikian, beberapa cadangan perlu diutarakan dengan tujuan untuk kajian lanjutan di masa-masa akan datang. Antara kajian lanjutan yang dirasakan wajar dilakukan adalah seperti berikut :

- 5.5.1** Kajian yang dijalankan ini meneroka persepsi guru dan pelajar tentang tingkah laku devian di kalangan pelajar-pelajar sekolah di beberapa buah daerah atau negeri lain di Malaysia. Kajian lanjutan hendaklah dilakukan terhadap beberapa sekolah yang dianggap berisiko tinggi dengan populasi dan sampel yang lebih besar. Responden kajian di setiap sekolah pula sebaik-baiknya mewakili lima puluh peratus daripada populasi sekolah yang dijadikan bahan kajian.
- 5.5.2** Kajian yang akan datang akan menjadi lebih bermakna sekiranya ianya turut melibatkan ibu bapa atau penjaga pelajar remaja sebagai responden. Dapatan kajian tersebut dapat digunakan untuk membanding dan meneroka persepsi ibu bapa atau penjaga tentang tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja. Ini akan dapat memberikan pemahaman yang lebih tentang bagaimana pandangan ibu bapa terhadap pengalaman anak-anak mereka menghadapi tingkah laku devian di sekolah atau di luar sekolah.
- 5.5.3** Kajian terhadap persepsi pelajar dan guru terhadap tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja yang sedang bersekolah ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian akan datang akan menjadi lebih bermakna sekiranya ianya dapat menggabungkan kaedah kualitatif bagi mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang persepsi guru dan pelajar terhadap tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja yang mana tidak dapat dicakupi dalam kajian terdahulu.

5.5.4 Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat dari sekolah menengah harian biasa. Adalah dicadangkan agar kajian lanjutan yang serupa dapat dijalankan ke atas sekolah-sekolah berasrama penuh yang terdiri daripada golongan pelajar yang berpendidikan tinggi. Kehidupan di asrama yang mempunyai suasana yang berbeza dengan di rumah mungkin akan memberikan dapatan yang lebih kompleks lagi tentang gejala tingkah laku devian. Hasil kajian ini nanti akan dapat dikaitkan dengan aspek pencapaian akademik mereka.

5.5.5 Kajian yang dijalankan ini tidak meneroka faktor persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian dengan lebih mendalam. Adalah dicadangkan kajian lanjutan dijalankan di pusat-pusat pemulihan akhlak remaja bagi menghasilkan dapatan yang lebih bermakna melalui kaedah temubual, pemerhatian dan kaedah-kaedah lain yang bersesuaian di samping menggunakan kaedah borang soal selidik. Hasil kajian tersebut akan dapat memberi gambaran dengan lebih mendalam berkaitan gejala tingkah laku devian yang lebih serius di kalangan pelajar remaja.

5.6 Penutup

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan dengan lebih jelas tentang hasil dapatan kajian. Terdapat beberapa keputusan yang selari dengan dapatan kajian-kajian lepas dan sebaliknya terdapat juga keputusan yang berbeza dengan kajian-kajian lepas. Melalui kajian ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sebahagian besar pelajar remaja di Daerah Pontian mempunyai kecenderungan untuk bertingkah laku devian. Namun yang demikian, hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka pernah terlibat dengan tingkah laku devian yang serius manakala majoritinya hanya terlibat dengan tingkah laku devian yang kurang serius seperti melanggar peraturan sekolah, bercakap bohong, sering tidak menyiapkan kerja sekolah, sering datang lewat ke sekolah dan sebagainya. Hal ini adalah berdasarkan keputusan kajian yang mendapati bahawa tahap tingkah laku devian pelajar remaja di daerah ini adalah pada tahap yang rendah.

Hasil ujian hipotesis berkaitan faktor persekitaran keluarga dengan tingkah laku devian remaja pula, kajian mendapati bahawa hanya faktor tingkah laku keluarga sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja di Daerah Pontian. Manakala faktor-faktor lain seperti tahap kepatuhan ibu bapa kepada ajaran agama, corak gaya asuhan keluarga dan tahap kasih sayang keluarga didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku devian pelajar remaja.

Kajian ini turut mengutarakan beberapa cadangan yang dianggap relevan dengan permasalahan tingkah laku devian remaja di samping mencadangkan beberapa cadangan bagi penambahbaikan yang boleh diambil kira untuk kajian-kajian lanjutan di masa-masa akan datang. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan akan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha menangani masalah gejala tingkah laku devian di kalangan pelajar remaja, supaya generasi akan datang bebas dari masalah keruntuhan akhlak.

BIBLIOGRAFI

- Abd Rahim Abd Rashid. (1993). *Pendidikan Merentasi Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi Zakaria. (2000). *Laporan Kajian Tingkah Laku Remaja Johor*. Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, Johor Bahru.
- Abdullah Al-Hadi Mohamed. (1993). *Faktor-faktor Keluarga dan Tingkah Laku Penyalahgunaan Dadah: Satu Kajian Perbandingan Antara Penyalahgunaan Dadah dan Bukan Penyalahgunaan Dadah*. *Journal of Science and Humanities*, Vol 1, 41-45.
- Alice Rani, A.S. (1988). *Gaya Asuhan Keluarga dan Pembentukan Personaliti Remaja*. UKM: Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan).
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon, (2005). *Psikologi Sosial: Alam Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. & Mischel, W.(1986). *Social Foundation Of Thought And Action: A Social And Cognitive Theory*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1965). *Influence Of Models' Reinforcement Contingencies On The Acquisition Of Imitative Responses*. *Journal of Personality and Social Psychology*, 6, 589 – 595.
- Bandura, A. (1973) *Aggression: A Social Learning Analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bandura, A.; Walter, R. (1959). *Adolescent Aggression*. Ronald Press.
- Baumrind, D. (1968). *Autoritarian vs Autoritative Parental Central Adolescence*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Baumrind, D. (1971). *Current Patterns Of Parental Authority*. *Developmental Psychology Monographs*, 4, part 2.
- Baumrind, D. (1989). *Rearing Competent Children*. In *Child Development Today and Tomorrow*, Damon, W. (Ed.). San Francisco: Jossey-Bass, pp. 349-378.

- Baumrind, D. (1991). *Parenting Styles And Adolescent Development*. In Encyclopedia of Adolescence, Lerner, R. M., Petersen, A. C. and Brooks-Gunn, J. (Eds). New York: Garland, pp. 746-758.
- Bee, H & Boyd, D. (2000). *Life Span Developmental*. Boston: Allyn & Bacon.
- Becker, J. (2003). *The Social Creation of A Social Problem*. (unpublished doctoral dissertation). Washington State University.
- Benda, B.B. (1995). *The Effect of Religion on Adolescent Delinquency Revisited*. Journal of Research in Crime and Delinquency.
- Block, J., Block, J.H., dan Keyes, S. (1988). *Longitudinally Foretelling Drug Usage in Adolescence: Early Childhood Personality and Environmental Precursors*. Child Development, 59, 336-355.
- Borg, M.G. & Gall. (1983). *The Emotion Reaction Of School Bullies And Their Victims*. Educational Psychology, 18, 433 – 444.
- Bushman, B.J. & Anderson, C.A. (2002). *Violent Video Games and Hostile Expectations: A Test of General Aggression Model*. Iowa State University.
- Byrne, D. (1981). *An Introduction to Personality*. 3rd Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Caspi, A., Henry, B., McGee, R., Moffit, T., dan Silva, P.(1995). *Temperamental Origins of Child and Adolescent Behaviour Problems: From Age Three to Age Fifteen*. Child Development, 66, 55-68.
- Clark, R.D., dan Shields, G. (1997). *Family Communication and Delinquency*. Adolescence, 32(125), 81-92.
- Cockburn, A.D. (1996). *Primary Teachers Knowledge and Acquisition of Stress Relieving Strategies*. British Journal of Educational Psychology, 66, 339-410.
- Cohen, R., & Nisbett, R.E., Schwarz, N. (1996). *Insult, Aggression And The Southern Culture Of Honor: "An Experimental Ethnography."* Journal of Personality and Social Psychology Bulletin, 23, 1188 – 1199.
- Coie, J., Lochman, J., Terry, R., dan Hyman, C. (1992). *Predicting Early Adolescent Disorder from Childhood Aggression and Peer Rejection*. Journal of Consulting and Clinical Psychology, 60, 783-792.
- Connel, W.F. (1981). *Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Csikszentmihalyi, M., Larson, R., dan Prescott, S. (1977). *The Ecology of Adolescent Activity and Experient*. Journal of Youth and Adolescence, 6, 281-294.

- D'Angelo, L., Getson, P., dan Luban, N. (1991). *Human Immunodeficiency Virus Infection in Urban Adolescents : Can We Predict Who is at Risk?* Pediatrics, 88, 982-986.
- Darling, N., & Steinberg, L. (1993). *Parenting Style As Context: An Integrative Model.* Psychological Bulletin, 113(3), 487-496.
- Dewan Masyarakat (1995). *Tingkah Laku Delinkuen.* 9 –12.
- Dishion, T., Andrews, D., dan Crosby, L. (1995). *Anti Social Boys and Their Friends in Early Adolescence: Relationship Characteristics, Quality and Interactional Process.* Child Development, 66, 139-151.
- Dishion, T.J., Patterson, G.R., Stoolmiller, M., dan Skinner, M.L. (1991). *Family, School and Behavioural Antecedents to Early Adolescent Involvement with Antisocial Peers.* Developmental Psychology, 27(1), 172-180.
- Dornbusch, S., Carlsmith, J., Ritter, P., dan Leiderman, P. (1985). *Single Parents, Extended Households and The Control of Adolescents.* Child Development, 52, 179-185.
- Dryfoos, J. (1990). *Adolescents at Risk : Prevalence and Prevention.* New York: Oxford University Press.
- Durkheim, G.D. (1987). *Multimethod Research : A Synthesis of Styles.* Beverly Hills: Sage.
- Elliott, D.S. and Ageton, S.S. (1980): *Reconciling Race And Class Differences In Self-Reported And Official Estimates Of Delinquency.* Anti Social Rev; 45:95–110
- Erikson, E. (1963). *Childhood and Society.* New York: Norton.
- Eron, L.D. (1982). *Parent-Child Interaction, Television Violence and Aggression of Children.* American Psychologist, 37, 197-211.
- Farrington, D. (1989). *Early Predictors of Adolescent Aggression and Adult Violence.* Violence and Victims, 4, 79-100.
- Fatanah Mohamed. (1997). *Kajian Terhadap Masalah Peribadi Pelajar-pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Tidak Berasrama Penuh di Pengkalan Chepa.* Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fergusson, D., dan Horwood, L. (1995). *Early Disruptive Behaviour, IQ and Later School Achievement and Delinquent Behaviour.* Journal of Abnormal Child Psychology, 23, 183-199.

- Fergusson, D., dan Horwood, L. (1996). *The Role of Adolescent Peer Affiliations in the Continuity Between Childhood Behavioural Adjustment and Juvenile Offending*. Journal of Abnormal Child Psychology, 24, 205-221.
- Fergusson, D., Lynskey, M., dan Horwood, L. (1996a). *Factors Associated with Continuity and Changes in Disruptive Behaviour Patterns Between Childhood and Adolescence*. Journal of Abnormal Child Psychology, 24, 533-553.
- Fontana, A. (1981). *Social Problems*. New York : Holt Rinehart Winston.
- Forgatch, M., dan Stoolmiller, M. (1994). *Emotions as Contexts for Adolescent Delinquency*. Journal of Research on Adolescence, 4, 601-614.
- Foster, E., dan Clark, F.S. (1989). *Parental Influences on Adolescent Problem Behaviour: Mediation and Moderation Models Involving Deviant Peers*. Journal of Family Psychology, 3, 39-60.
- Freud, S.F. (1953). *Circle of Friends: The Role of Gender and Networks in Delinquent Group Dynamic. Paper Presented at Annual Meeting of The American Society of Criminology*, Chicago, IL.
- Garbarino, J., dan Wilson, J. (1986). *The Adolescent Runaway. Troubled Youth, Troubled Families*. New York: Aldine de Gruyter.
- Gill, P (1992). *Research Note: Girls, Guys and Gangs. The Changing Social Context of Female Delinquency*. Journal of Criminal Law, 69, 26-57.
- Gold, M. Dan Reimer, D.J. (1975). *Changing Pattern of Delinquent Behaviour Among American 13 through 16 Year Olds: 1967-1972*. Crime and Delinquency Literature. 7, 483-517.
- Gpeda, B.J. (1988). *A General Theory of Crime*. Stanford CA: Stanford University Press.
- Guilford, J.P. (1967). *The Nature of Human Intelligence*. New York: McGraw Hill.
- Habibah Elias dan Noran fauziah Yaacob. (2002). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hall, G.S. (1904). *Adolescence*. (2 vols). New York: Appleton.
- Henggeler, S. (1996). *Treatment of Juvenile Offenders- We Have The Knowledge: Comment on Gormant Smith et al.* (1996). Journal of Family Psychology, 10, 137-141.
- Henggeler, S., Melton, G., dan Smith, L. (1992). *Family Prevention Using Multisystemaic Therapy: An Effective Alternative to Incarcerating Serious Juvenile Offenders*. Journal of Consulting and Clinical Psychology, 60, 953-961.

- Hoffman, L. (1996). *Progress and Problems in The Study of Adolescence*. Developmental Psychology, 32, 777-780.
- Huizinga, D., dan Elliot, D. (1985). *Juvenile Offenders Prevalence, Offender Incidence and Arrest Rates by Race*. Boulder, CO: Institute of Behavioural Science.
- Idris Harun. (2000). *Fenomena Budaya Lepak Di Kalangan Remaja Di Bandaraya Johor Bahru: Satu Tinjauan*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jacobvitz, D.B., dan Bush, N.F. (1996). *Reconstructions of Family Relationships : Parent-Child Alliances, Personal Distress, and Self Esteem*. Developmental Psychology, 32(4), 732-743.
- Junewitz, M. (1983). *Adolescents' Moral Dilemmas: The Context*. Journal of Youth and Adolescence, 19(6), 615-622.
- Kamus Dewan. (1990). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan. (2003). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Laporan Disiplin 2001*. Unit Hal Ehwal Murid.
- Kenneth, R. dan Moyer, P. (1961). Female Delinquency and Related Problem. SOC. Forces, 43, 82-89.
- Kerlinger, FM. (1986). *Foundation of Behavioral Research*. (3rd ed.) New York: Winston Inc.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research*. Educational and Psychological Measurements, 30, 607-610.
- Krisberg, B. (1986). *The Incarceration of Minority Youth*. Minneapolis, MN : Hubert H. Humphrey Institute of Public Affairs, National Council on Crime and Delinquency.
- Lemert, E.M. (1972). *Human Deviance : Social Problems and Social Control*. Eaglewood Cliffs, N.J. : Prentice Hall.
- Loeber, R. dan Stouthamer-Loeber, M. (1986). *Family Factors As Correlates and Predictors of Juvenile Conduct Problems and Delinquency*. Journal of Research in Adolescence, 5, 615-637.
- Lowe, G., Sibley, D. (1993). *Adolescent Drinking and Family Lifestyle*. Switzerland : Harwood Academic Publisher.

- Mahmood Nazar Mohamed (1993). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ma'rof Redzuan. (2003). *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mc Caghy, C.H. (1985). *Deviant Behaviour: Crime, Conflict and Interesting Group*. New York: Mav Publishing Co.
- Merton, R. (1938). *Social Structure and Anomie*. American Sociological Review (Oktober 1938), 3:672-682
- Mitchell, B. (1989). *The Family Environment and Leaving the Parental Home*. Journal of the Marriage and Family, 51, 605-613.
- Moffit, T.E. (1993). *Adolescence Limited and Life Course Persistent Antisocial Behaviour: A Developmental Taxonomy*. Psychological Review, 100(4), 674-701.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : UTM.
- Mohd Fadhilah Kamsah. (1997). *Institusi Keluarga Masa Kini : Satu Hiba*. Tamadun, Februari 6-12.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd Makzan Musa. (1994). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Rodzik Abd Razak. (1998). *Hubungan Gaya Didikan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Mohd Salleh Mohamed. (1986). *Pengaruh Ibu Bapa Terhadap penglibatan Remaja Melayu Dalam Penyalahgunaan Dadah. Satu Kajian Di Pusat Pemulihan Dadah, Sungai Petani dan Bukit Mertajam*. Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan). Universiti Pertanian Malaysia.
- Muhd Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd Tamin. (1998). *Psikologi Remaja*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Olweus, D. (1978). *Victimisation By Peers: Antecedents And Longterm Outcomes*. In K.H. Rubin & J.B. Asendorpf (Eds.), *Social Withdrawal, Inhibition and shyness In Childhood*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

- Patterson, G. (1989). *A Developmental Perspective on Antisocial Behaviour*. *American Psychologist*, 44, 329-335.
- Paulson, S. (1994) *Relations of Parenting Style and Parental Involvement with Ninth Grade Students' Achievement*. *Journal of Early Adolescence*, 14, 250-267.
- Pepler, D.J. & Craig, W.M. (1988). *Making a Difference in bullying*. Toronto: LaMarsh Centre for Research on Violence and Conflict Resolution, York University.
- Phares, V. dan Compas, B.E. (1992). *The Role of Fathers in Child and Adolescent Psychopathology: Make Room for Daddy*. *Psychological Bulletin*, 111(3), 387-412.
- Polit, D.F. Beck, C.T. & Hungler, B.P. (2001). *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraised and Utilization*, (5th. ed.), Philadelphia: Lippincott William & Walkins.
- Portney L.G. & Walkins M.R. (1993). *Foundation Of Clinical Research: Application To Practice*. East Norwalk, Conn.: Appleton & Lang.
- Regoli, R.M. dan Hewitt, J.D. (1991). *Delinquency in Society*. 4th Edition. New York: McGraw Hill.
- Reine, et al. (1993). *Street Gangs in Phoenix*. A Manual for Parents, Teachers and Community Members.
- Renfrew, J.W. (1997). *Aggression And It Causes: A Bio Psychosocial Approach*. New York: Oxford Universiti Press.
- Roberta, L.B. dan Virginia, K.C. (1997). *Self Reported Differences in The Experience and Expression of Anger Between Girls and Boys*. *Sex Roles*, 36(9/10), 625-637.
- Rogers, D. (1981). *Adolescence and Youth*. United State : Prentice Hall.
- Rohana Yusof. (1996). *Perlakuan Devian: Sebab Berlaku dan Kawalan Sosial Terhadapnya*. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 19, 23-37.
- Rowe, D. (1992). *Sibling Delinquency and The Family Environment: Shared and Unshared Influences*. *Child Development*, 63, 59-67.
- Rutter, M. (1985). *Family and School Influences in Behavioural Development*. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 26, 349-368.
- Sabitha, M. dan Mahmood, N. M.(1995). *Pencemaran Budaya Remaja: Siapakah Yang Bertanggungjawab*. *Jurnal Kebajikan*, 17(1),44-53
- Santrock, J.M. (1972). *Relation of Type and Onset of Father Absence to Cognitive Development*. *Child Development*, 43, 455-469.

- Schaefer, E.S. (1968). *Children's Report on Parental Behaviour and Child Development*. *Child Development*, 36, 413-424.
- Sham Sani Salleh. (1994). *Latar Belakang Keluarga, Perhubungan Ibu Bapa Dengan Remaja dan Konsep Kendiri Remaja Delinkuen dan Bukan Delinkuen*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Pertanian Malaysia.
- Slaby, R.G. dan Guerra, N.G. (1988). *Cognitive Mediators of Aggression in Adolescent Offenders*. *Developmental Psychology*. 24, 580-588.
- Sigurdsson, J.F. dan Gudjonsson, G.H. (1996). *Psychological Characteristics of Juvenile Alcohol and Drug Users*. *Journal of Adolescence*, 19, 41-46.
- Smith, P.K. dan Thompson, D. (1991). *Practical Approaches to Bullying*. London: David Fulton.
- Smith, R.W. dan Fontana, A. (1981). *Social Problems*. New York: Holt Rinehart Winston.
- Snyder, H. Dan Sickmund, M. (1995). *Juvenile Offenders and Victims : A National Report*. Washington, DC: Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.
- Sokol-Katz, J., Dunham, R., dan Zimmerman, R. (1997). *Family Structure Versus Parental Attachment in Controlling Adolescent Deviant Behaviour: A Social Control Model*. *Adolescence*, 32(125), 199-215.
- Stattin, H., dan Magnusson, D. (1994). *Behavioural and Interpersonal Antecedents Behind The Age at Leaving Home and The Future Consequences for Parent-Child Relations*. Paper Presented at The Biennial Meetings of The Society for Research on Adolescence, San Diego.
- Steinberg, L., Darling, N., & Fletcher, A. C. (1995). *Authoritative Parenting And Adolescent Adjustment: An Ecological Journey*. *Child Development*, 65, 774-770.
- Steinberg, L. (2001). *We know some things: Parent-adolescent relationships in retrospect and prospect*. *Journal of Research on Adolescence*, 11, 1-19.
- Steinberg, L., Elmen, J., & Mounts, N. (1989). *Authoritative Parenting, Psychosocial Maturity, And Academic Succes Among Adolescents*. *Child Development*, 60, 1424-1436.
- Steinberg, L., Lamborn, S. D., Darling, N., Mounts, N. S., & Dornbusch, S. M. (1994). *Over-Time Changes In Adjustment And Competence Among Adolescents From Authoritative, Authoritarian, Indulgent, And Neglectful Families*. *Child Development*, 65, 754-770.

- Stern, S.B. dan Smith, C.A. (1995). *Family Process and Delinquency in An Ecological Context*. Journal of Service Review. 69, 703-701.
- Sumber: Bahagian Hal Ehwal Pencegahan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman.
- Sumber: Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia 1993
- Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2003
- Sumber: Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.
- Tattum, G., (1986). *Accumulation of Problems in Social Functioning in Young Adulthood*. Journal of Personality and Social Psychology, 69, 381-391.
- Tremblay, R. (1995). *The Impact of Friends' Deviant Behaviour on Early Onset of Delinquency: Longitudinal Data from 6 to 13 Years of Age*. Development and Psychopathology, 7, 649-667.
- Tuckman, B.W. (1978). *Conducting Education Research*. 2nd Edition. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Universiti Islam Antarabangsa (2001). *An Analysis of Values and Their Effects on Social Problems*. Laporan kajian.
- Vuchinich, S. (1992). *Parenting, Peers and The Stability of Antisocial Behaviour in Preadolescent Boys*. Developmental Psychology, 28, 510-521.
- Webster, M. (1985). *Webster's Ninth New Collegiate Dictionary*. Meriam – Webster Inc.
- Wells, L.E. (1989). *Self-Enhancement Through Delinquency: A Conditional Test of Self-Derogation Theory*. Journal of Research in Crime and Delinquency, 26, 226-252.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods In Educational: An Introduction*. (6th ed.) Boston, Allyn & Bacon.
- Wilkerson, I. (1994). *Two Boys, A Debt, A Gun, A Victim: The Face of Violence*. New York Times, pp. A1 and ff.
- Wolf, R.M. (1988). Questionnaires. In Keeves, J.P. (Eds.) *Educational Research, Methodology and Measurement: An International Handbook*. Oxford: Pergamon Press, 478-482.
- Yoshikawa, H. (1994). *Prevention As Cumulative Protection: Effects of Early Family Support and Education on Chronic Delinquency and Its Risks*. Psychological Bulletin, 115, 28-54.

Sumber Internet :

<http://www.webster>. Dictionary.com.my

Sumber Akhbar :

Berita Harian, 20 Oktober 1998.

Berita Harian, Februari 2000.

Berita Harian, 12 Julai 2000.

Berita Harian, 24 Oktober 2000.

Berita Harian, 22 Mac 2006.

Utusan Malaysia, 25 Februari 1999.

Utusan Malaysia, Mei 2000.

Utusan Malaysia, 6 Julai 2001.

Utusan Malaysia, 14 Oktober 2000.

The Star, 21 Mei 1998.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**FAKULTI PENDIDIKAN****SOAL SELIDIK****Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah laku Devian Remaja**

Pelajar-pelajar sekalian,

Soal selidik yang dikemukakan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang '*Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja*'. Diharapkan pelajar-pelajar dapat memberikan kerjasama dengan menjawab semua soalan yang dikemukakan dengan jujur dan ikhlas agar kajian ini dapat dihasilkan dengan sebaiknya. Sila baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan-soalan tersebut.

Semua maklumat yang diberikan adalah **RAHSIA** dan hanya digunakan untuk tujuan kajian sahaja. Di atas kesudian pelajar-pelajar melibatkan diri dan memberikan kerjasama dalam menjawab soal selidik ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. *Selamat menjawab.*

Soal selidik ini mengandungi 6 bahagian.

BAHAGIAN A : Latar belakang responden dan keluarga

BAHAGIAN B : Soal selidik ciri-ciri tingkah laku ibu bapa / penjaga.
(Fizikal, verbal, anti sosial)

BAHAGIAN C : Soal selidik tahap kepatuhan ibu bapa kepada agama.

BAHAGIAN D : Soal selidik corak gaya asuhan ibu bapa terhadap remaja

BAHAGIAN E : Soal selidik tahap hubungan kasih sayang ibu bapa terhadap remaja.

BAHAGIAN F : Soal selidik kekerapan tingkah laku devian remaja

BAHAGIAN A

Arahan : Sila tandakan (\surd) berkaitan maklumat anda pada ruang yang disediakan.

1. Jantina

Lelaki	
Perempuan	

2. Keputusan PMR (Nyatakan gred diperolehi)

Bahasa Melayu	
Bahasa Inggeris	
Matematik	
Sains	
Sejarah	
Geografi	
Kemahiran Hidup	
Pend. Agama Islam / Moral	
Lain-lain (Nyatakan)	

3. Lokasi sekolah

Bandar	
Luar Bandar	

4. Sekarang anda tinggal bersama

Ibu dan bapa	
Ibu sahaja	

Bapa sahaja	
Lain-lain (Nyatakan)	
.....	

5. Bilangan adik-beradik (Nyatakan) : orang.
 Lelaki : orang.
 Perempuan :orang.

6. Anda anak ke berapa ?

7.

Taraf Pendidikan Tertinggi	Bapa (√)	Ibu (√)	Penjaga (√) (jika tinggal dengan penjaga)
Ijazah			
Diploma			
STPM			
SPM			
SRP / LCE			
Darjah 6 / Sekolah rendah			
Tidak bersekolah			
Lain-lain (Nyatakan)			
.....			

8.

Pekerjaan	Bapa (√)	Ibu (√)	Penjaga (√) (jika tinggal dengan penjaga sahaja)
Kerajaan			
Swasta			
Kilang			
Buruh			
Kerja sendiri			
Berniaga			
Tidak bekerja			

9. Pendapatan bapa / penjaga sebulan : RM
- Pendapatan ibu sebulan : RM
- Jumlah pendapatan : RM

BAHAGIAN B

Arahan : Sila tandakan (\checkmark) pada setiap pilihan anda berpandukan kepada skala yang diberikan.

Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju
1	2	3	4	5

Bil	Item	1	2	3	4	5
1	Bapa saya seorang yang sangat garang					
2	Ibu saya selalu berleter tentang tingkah laku saya					
3	Bapa selalu pulang jauh malam					
4	Ibu dan bapa saya selalu bertengkar					
5	Bapa selalu menggunakan kekerasan fizikal bila bertengkar dengan ibu					
6	Ibu saya suka mengata-ngata orang lain (jiran/saudara mara).					
7	Ibu/bapa selalu menghukum walau pun saya melakukan kesalahan yang kecil					
8	Ibu/bapa saya terlibat dengan kegiatan jenayah					
9	Ibu/ bapa saya mengambil dadah/ alkohol					
10	Bapa saya mempunyai teman wanita lain.					
11	Bapa saya merokok di hadapan saya					
12	Ibu/bapa saya memaki hamun apabila marah					
13	Ibu/bapa saya ada menyimpan / menonton filem lucah					
14	Ibu/bapa memukul saya apabila saya melakukan kesalahan					

15	Bapa saya suka menghabiskan masa di kedai kopi / kedai makan					
16	Bapa saya sering tidak mematuhi peraturan jalan raya ketika memandu kenderaan					
17	Ibu/bapa saya suka mengambil barang kepunyaan orang lain tanpa kebenaran					
18	Bapa saya suka berjudi (bertaruh / membeli nombor ramalan)					
19	Ibu/bapa saya suka bercakap bohong					
20	Ibu/bapa saya tidak suka melibatkan diri dengan masyarakat sekeliling					

BAHAGIAN C

Arahan : Sila tandakan (√) pada setiap pilihan anda berpandukan kepada skala yang diberikan.

Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju
1	2	3	4	5

Bil	Item	1	2	3	4	5
1	Ibu/bapa saya memahami ajaran agama Islam					
2	Bapa saya selalu ke masjid atau ke surau					
3	Ibu/bapa saya tidak pernah meninggalkan ibadat solat lima waktu.					
4	Ibu/bapa saya sentiasa menutup aurat ketika keluar dari rumah					
5	Ibu/bapa saya sentiasa mematuhi amalan agama					
6	Ibu/bapa saya pandai mengaji Al Quran					
7	Ibu/bapa saya tidak bersembahyang lima waktu					
8	Ibu/bapa saya tidak mempunyai pegangan agama					
9	Ibu/bapa saya hanya mematuhi ajaran agama dalam keadaan yang tertentu sahaja					
10	Ibu/bapa saya tidak menghiraukan amalan agama					

11	Ibu/bapa saya sering bangun lewat waktu pagi					
12	Ibu/bapa saya gemar berjudi (bertaruh / membeli nombor ramalan)					
13	Ibu/bapa saya tidak suka ke majlis-majlis kenduri					
14	Ibu/bapa saya gemar meminum minuman keras					
15	Ibu/bapa saya suka ke majlis-majlis ceramah agama					
16	Bapa saya tidak bersembahyang Jumaat					
17	Ibu/bapa saya tidak pernah meninggalkan ibadat puasa Ramadhan					
18	Ibu/bapa saya sering menyuruh saya sembahyang					
19	Ibu saya sering memakai seluar pendek ketika keluar dari rumah					
20	Ibu/bapa saya suka mengeluarkan kata-kata yang tidak baik (babi, sial, celaka dan sebagainya).					

BAHAGIAN D

Arahan : Sila tandakan (√) pada setiap pilihan anda berpandukan kepada skala yang diberikan.

Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Setuju	Sangat setuju
1	2	3	4	5

Bil	Cara ibu bapa mendidik saya dengan.....	1	2	3	4	5
1	tidak memperdulikan hal diri saya					
2	memukul saya jika saya melakukan kesalahan					
3	tidak membenarkan saya keluar rumah kecuali ke sekolah					
4	menentukan semua keputusan mengenai diri saya					
5	tidak menghiraukan sebarang tingkah laku buruk saya					
6	memberikan kebebasan yang sepenuhnya kepada saya untuk membuat keputusan mengenai diri saya					
7	tidak menegur saya jika saya pulang lewat malam					
8	tidak pernah bertanya ke mana saya pergi apabila saya keluar rumah					

9	memberikan kebebasan kepada saya untuk membuat sesuatu keputusan setelah berbincang					
10	mengugut akan menghukum saya jika saya melakukan kesalahan					
11	menghukum saya jika saya gagal dalam ujian / peperiksaan					
12	mengajarkan nilai-nilai yang baik kepada saya					
13	sering menasihati saya agar mengerjakan suruhan agama					
14	memaksa saya mematuhi segala peraturan di rumah tanpa mempersoalkannya					
15	menerangkan dengan rasional tentang sesuatu peraturan.					
16	mengajak saya berbincang tentang penentuan sebarang keputusan yang hendak dibuat.					
17	sering memberi wang kepada saya apabila diminta tanpa persoalan					
18	sering menasihati saya apabila saya melakukan kesalahan					
19	tidak mahu mendengar pendapat saya					
20	tidak menentukan sebarang peraturan di rumah					

BAHAGIAN E

Arahan : Sila tandakan (√) pada setiap pilihan anda berpandukan kepada skala yang diberikan.

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

Bil	Secara umumnya ibu bapa saya	1	2	3	4	5
1	mampu meluangkan masa untuk saya walaupun mereka sibuk					
2	memahami dan mengambil berat tentang diri saya					
3	mencemuh saya apabila saya melakukan kesilapan					
4	sedia memberikan nasihat dan bimbingan apabila saya menghadapi masalah					
5	tidak mengambil peduli tentang apa yang berlaku					

	kepada saya					
6	menganggap saya sering menyusahkan mereka					
7	memberikan bantuan apabila saya memerlukan					
8	mempamerkan kasih sayang mereka kepada saya					
9	amat memahami jiwa dan perasaan saya					
10	cuba memenuhi permintaan saya walaupun sukar					
11	mengingati akan harijadi saya dan mengucapkan selamat harijadi / tidak lupa menyambut hari jadi saya setiap tahun					
12	memuji saya apabila saya berjaya melakukan sesuatu dengan baik					
13	terlalu sibuk hingga tidak berpeluang untuk bersama saya					
14	menunjukkan sikap lemah lembut kepada saya					
15	suka membanding-bandingkan saya dengan adik-beradik lain					
16	mengetahui apa yang saya suka dan apa yang saya tidak suka					
17	suka memasak makanan kegemaran saya					
18	ialah tempat saya mengadu sebarang masalah yang saya hadapi					
19	sering bertanyakan tentang hal pelajaran saya					
20	selalu membelikan saya hadiah					

BAHAGIAN F

Arahan : Sila tandakan (✓) pada setiap pilihan anda berpandukan kepada skala yang diberikan.

Tidak pernah	Jarang	Kadang-kadang	Kerapkali	Selalu
1	2	3	4	5

Sejauh manakah anda pernah terlibat dengan perkara-perkara berikut?

Bil	Item	1	2	3	4	5
1	Bergaduh / berkelahi					

2	Memukul rakan					
3	Mencederakan seseorang					
4	Menyertai kumpulan haram / gengster / punk / skinhead / black metal					
5	Mengugut / mengancam orang lain					
6	Membuli / mendera					
7	Mencuri					
8	Merampas harta benda orang lain					
9	Memeras ugut					
10	Mencabul kehormatan / meraba					
11	Merogol					
12	Menonton filem lucah					
13	Melakukan persetubuhan / berasmara tanpa hubungan seksual					
14	Membuat gangguan seksual / isyarat lucah / kata-kata lucah					
15	Terlibat dalam aktiviti pelacuran / bohsia					
16	Menghisap rokok					
17	Menghisap ganja / dadah / pil khayal / pil ecstasy					
18	Meminum minuman keras / memabukkan / alkohol					
19	Menceroboh sekolah / kedai					
20	Terlibat dalam lumba haram					
21	Bertaruh / berjudi					
22	Melanggar peraturan sekolah					
23	Melawan guru / Engkar arahan guru					
24	Ponteng sekolah / kelas					
Bil	Item	1	2	3	4	5
25	Merosakkan harta benda awam / vandalisme / menconteng meja di dalam kelas					
26	Menimbulkan konfrantasi / kekacauan di sekolah / mengganggu ketenteraman sekolah					
27	Merosakkan kenderaan guru (termasuk mengguris / memancitkan / memecahkan cermin)					
28	Membawa senjata berbahaya ke sekolah					
29	Di tangkap polis kerana disyakki terlibat dalam jenayah.					
30	Berpakaian dengan pakaian yang bukan jantina saya					
31	Berbohong kepada ibu bapa / rakan-rakan / orang lain					

32	Melawan ibu bapa (lisan)					
33	Bergaduh dengan ibu bapa (fizikal)					
34	Lari dari rumah					
35	Melepak di kompleks membeli belah					
36	Menghabiskan masa di kedai permainan video / pusat snooker					
37	Menghina orang lain dengan kata-kata kesat.					
38	Sering datang lewat ke sekolah					
39	Sering tidak menyiapkan kerja sekolah					
40	Menunggang motosikal tanpa lesen / topi keledar					